



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 36

Khamis

10 Oktober 2019

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 12)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 46)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019	(Halaman 47)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Khamis, 10 Oktober 2019**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan, apakah perbezaan antara Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dengan pelan-pelan kerajaan sebelum ini di mana Menteri percaya bahawa dapat merapatkan jurang antara Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak yang gagal dilaksanakan oleh kerajaan terdahulu.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sandakan, tiga objektif utama Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) adalah untuk menstrukturkan semula ekonomi, menangani ketidaksamaan dan membina negara. WKB mengambil kira realiti setelah pelbagai dasar dilaksanakan, termasuk Wawasan 2020 di mana jurang ekonomi masih wujud, malah semakin melebar. Jurang ini sekiranya dibiarkan boleh menyebabkan kegelisahan dan ketegangan dalam masyarakat, sekali gus merencatkan pertumbuhan ekonomi negara dan aspirasi perpaduan nasional.

WKB akan mengambil langkah-langkah holistik, khusus untuk merapatkan jurang pembangunan antara Sabah dan Sarawak dengan wilayah-wilayah yang lebih maju. Jurang pembangunan antara Sabah dan Sarawak berbanding wilayah tengah Semenanjung Malaysia adalah pada nisbah 2.6 di Sabah dan 1.3 di Sarawak berasaskan KDNK per kapita. WKB mensasarkan jurang ini dikecilkan daripada paras semasa bagi Sabah dan bagi Sarawak. Sasaran ini bertujuan meningkatkan sumbangan peratusan KDNK Sabah dan Sarawak kepada KDNK Malaysia, di mana buat masa ini Sabah menyumbang 6.2 peratus dan Sarawak menyumbang 9.7 peratus, berbanding wilayah tengah Semenanjung Malaysia sebanyak 40 peratus.

Antara langkah penting yang akan diambil adalah dengan mengadakan pemetaan kawasan titik panas tumpuan ekonomi atau, dengan izin, *economic hotspots* yang berpotensi untuk dibangunkan. Ini bagi memastikan pembangunan ekonomi tidak berpusat di wilayah tertentu sahaja, sebaliknya ianya melibatkan pengagihan pembangunan kepada Sabah dan Sarawak berasaskan kepada kekuatan dan keunikan kedua-dua negeri ini. Dalam merangka strategi pembangunan khusus bagi kedua-dua negeri ini, kerajaan telah mengenal pasti cadangan sektor yang akan diberikan tumpuan.

Bagi negeri Sabah, ianya akan melibatkan tumpuan kepada pelancongan pulau, ekonomi sempadan melalui pelbagai kerjasama sub *regional*, industri pemprosesan petroleum hiliran, ekonomi komoditi dan produk hiliran, perikanan dan akuakultur. Manakala bagi Sarawak, tumpuan akan diberikan kepada ekopelancongan, tenaga boleh baharu, pertanian dan penternakan berteknologi tinggi, petroleum dan gas asli, ekonomi komoditi dan produk hiliran. Kerajaan akan mengambil kira pandangan kerajaan negeri untuk menjayakan cadangan-cadangan ini.

Dari segi modal insan, dasar WKB juga akan mengangkat kelestarian hak anak negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak dengan mengambil kira perkara-perkara yang telah dipersetujui dalam Perjanjian Malaysia 1963. Selain itu, akses kepada kemudahan jalan raya, infrastruktur asas, kesihatan dan pendidikan yang berkualiti, terutama untuk masyarakat pedalaman Sabah dan Sarawak akan diberi keutamaan. Ini adalah bagi meningkatkan purata bulanan isi rumah daripada RM5,354 di Sabah dan RM5,387 di Sarawak buat masa ini, berbanding RM9,463 di Selangor ke angka yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yakin pelaksanaan WKB akan dapat memastikan menjelang tahun 2030 tiada kumpulan pendapatan isi rumah serta wilayah yang ketinggalan dan setiap rakyat dapat menikmati kemakmuran negara. Terima kasih.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan *key economic growth activities* di Sabah, tidak ada penambahan industri yang baru seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri seperti *island tourism, borders economy, fisheries and aquaculture*, merupakan industri yang sudah pun sedia ada di Sabah. So, minta tanya Yang Berhormat Menteri menyatakan bagaimana kerajaan akan menutup jurang antara Sabah dan Sarawak jika tidak ada industri baru dan apakah langkah serta-merta yang kerajaan akan ambil untuk memulai visi ini? *Thank you.*

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Seperti yang telah saya nyatakan tadi, dalam WKB ini ada beberapa sektor baru yang

telah pun dikenal pasti dan telah pun disenaraikan. Namun, seperti yang saya juga tegaskan, kerajaan akan mengambil kira juga pandangan kerajaan negeri dalam usaha kita untuk menjayakan cadangan-cadangan ini. Oleh kerana kerajaan negeri lebih arif tentang keutamaan industri yang boleh dikenal pasti dan dilaksanakan bagi meningkatkan kuasa ekonomi rakyat di dalam negeri yang berkenaan.

■1010

Malahan dalam mengendalikan dan merencanakan Rancangan Malaysia Ke-12, kerajaan telah pun mengadakan libat urus dengan semua kerajaan negeri termasuk Sabah dan Sarawak untuk mengenal pasti apakah industri dan sektor baru yang perlu dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dan saya percaya oleh sebab WKB ini adalah rancangan ekonomi jangka panjang untuk tempoh 10 tahun sehingga 2030, sebahagian daripada pelaksanaan ini boleh dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Terima kasih.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Terima kasih. Selain daripada jurang ekonomi dengan Sabah dan Sarawak, jurang ekonomi juga berlaku dengan negeri-negeri di sebelah Pantai Timur, Terengganu dan Kelantan. Mantan Pengerusi PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar beberapa hari yang lalu telah melontarkan pandangan agar kerajaan menggubal akta peluang saksama bagi memastikan pengagihan kekayaan diberikan secara adil dan dapat merapatkan jurang ekonomi.

Meneliti ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika pelancaran Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 juga menyatakan perihal kesaksamaan penagihan yang dilihat agak berbeza dengan maksud atau konsep kesamarataan. Soalan saya, apakah pendirian kerajaan berhubung dasar *affirmative* dan adakah WKB 2030 ini akan meneruskan roh Dasar Ekonomi Baru 1970. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengulas panjang pada hari pertama sesi kali ini dalam menterjemahkan WKB untuk tempoh 10 tahun mulai 2021 sehingga 2030. Antara matlamat utama WKB adalah untuk merapatkan kesenjangan ekonomi di antara wilayah, kelas pendapatan dan juga kaum sudah tentulah apa yang berlaku dalam wawasan ekonomi sebelum ini beberapa pertumbuhan telah pun kita saksikan tetapi pertumbuhan ekonomi di antara wilayah itu masih merupakan antara perkara yang harus diberikan perhatian.

Walaupun kita menumpukan soal *equitability of outcomes*, maknanya kesaksamaan keberhasilan. Namun seperti yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri untuk kumpulan-kumpulan sasar tertentu ia akan terus diberikan tumpuan. Kita mengambil maklum bahawa 70 peratus daripada mereka yang berada di dalam kumpulan B40 adalah di kalangan bumiputera dan orang Melayu, maka sudah tentulah beberapa inisiatif dan usaha akan dilakukan bagi kumpulan ini supaya mereka juga dapat diberikan peluang-peluang baru.

Akan tetapi peluang-peluang baru ini haruslah disusuli dengan keupayaan mereka untuk menyambut peluang-peluang ini dan menghasilkan kejayaan untuk sasaran yang telah ditetapkan. Inilah matlamat yang kita akan laksanakan sementara kita mahu kesaksamaan dalam keberhasilan tetapi kesaksamaan itu harus diberikan kepada mereka yang perlu mendapatkan pertolongan dan dalam konteks ini, kumpulan bumiputera, orang Melayu juga diberikan keutamaan termasuk di Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Ini contoh jawapan Menteri yang bagus ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Seterusnya pertanyaan-pertanyaan Menteri, saya menjemput Yang Berhormat Beluran.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya bagi pihak diri saya dan juga Ahli Parlimen Kota Bharu dan Baling ingin mengalu-alukan pemimpin-pemimpin masyarakat dari Parlimen Kota Bharu serta guru dan para pelajar Sekolah Kebangsaan Pulaui, Kedah.

2. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan rasional untuk tidak memberikan subsidi petrol bersasar kepada golongan B40 di Sabah, Sarawak dan Labuan bermula 1 Januari 2020 serta statistik penggunaan petrol RON95 di tiga negeri ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya Yang Berhormat Beluran. Saya mulakan dengan menyebut bahawa penggubalan dasar bagi program subsidi petrol adalah satu proses mendengar, mengumpul, meneliti pandangan dan pendapat dari pelbagai sudut dan pihak berkepentingan seperti syarikat-syarikat minyak, pengusaha-pengusaha stesen, persatuan-persatuan pengguna, agensi kerajaan, ahli-ahli ekonomi dan bekas-bekas Menteri Kewangan.

Ini membantu kementerian merungkai isu dan masalah pemberian subsidi pukat, produk petrol 95 seperi amalan sekarang. Amalan sekarang Tuan Yang di-Pertua apa yang jelas adalah subsidi petrol ini membantu golongan berpendapatan rendah, membeli petrol pada harga yang berpatutan dan pada masa yang sama golongan berpendapatan tinggi ikut menikmati subsidi petrol ini. Walhal mereka berada pada golongan yang berkemampuan dan berpendapatan tinggi.

Oleh yang demikian, kerajaan berusaha memperbetulkan keadaan ini dengan melaksanakan pengagihan semula subsidi yang saksama. Ini adalah prinsip yang dipegang dalam program subsidi petrol ini iaitu menyampaikan subsidi kepada kumpulan yang benar-benar memerlukan. Program ini menggunakan maklumat penerima Bantuan Sara Hidup sebab itulah satu-satunya pangkalan data yang ada tentang golongan rakyat berpendapatan rendah.

Bagi kelompok ini Tuan Yang di-Pertua, kita akan mengenal pasti mereka yang memiliki kenderaan kerana kita bandingkan dengan pangkalan data JPJ, rakyat Malaysia ini sehingga 23 September data JPJ memberitahu ada 11.6 juta kereta yang didaftarkan, terdapat 6.8 juta motosikal yang didaftarkan. Daripada data ini kita padankan dengan data BSH, maka kita dapat 2.9 juta golongan BSH yang mempunyai kenderaan sama ada motosikal atau motokar atau kedua-duanya sekali.

Lalu kita padankan dengan kriteria mereka yang layak. Pertama, mereka merupakan penerima BSH di Semenanjung Malaysia. Kedua, mereka memiliki kenderaan persendirian yang berdaftar atas nama mereka dan mestilah mempunyai lesen kenderaan motor yang masih sah. Ketiga, kita hadkan pemilikan kenderaan individu adalah dua motokar dan dua motosikal tetapi teriman subsidi mana-mana satu yang lebih tinggi.

Kelayakan berdasarkan kepada salah satu kriteria kapasiti enjin kerajaan, kereta 1600cc dan ke bawah, kereta melebihi 1600cc tetapi umur 10 tahun dan ke atas juga kita masukkan. Motosikal 150cc dan ke bawah, motosikal yang melebihi 150cc berumur tujuh tahun dan ke atas juga layak. Ini kita lakukan secara *data driven*, data JPJ.

Pengangkutan persendirian yang secara lazimnya digunakan oleh orang awam adalah kereta dan motosikal. Namun kementerian mendapati keadaan di Sabah dan Sarawak adalah berbeza daripada Semenanjung. Terdapat penduduk di sepanjang sungai-sungai utama yang masih menggunakan bot-bot kecil sebagai mode pengangkutan utama mereka. Bot-bot kecil ini terutama yang menggunakan enjin sangkut yang menggunakan petrol sebagai bahan api. Selain itu terdapat juga

penggunaan *genset* petrol di rumah yang terletak di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

Pada masa ini kita tidak ada sumber data utama yang boleh digunakan untuk mengenal pasti pemilik bot-bot kecil ini sebab tidak ada satu pendaftaran dibuat ke atas pemilik motobot kecil enjin sangkut di sungai-sungai ini. Kawasan-kawasan seperti di Kapit, Rajang, Bintulu, Sibu dan kalau di Kinabatangan, di Aboi, Mamiang, Paitan, Bahala, Shanghai, Segalut, Bohay, Tulang dan Jambongan dan banyak lagi. Rakan-rakan kami Ahli Parlimen Sabah, Sarawak boleh mengesahkan keadaan ini.

Lalu apakah pilihan yang kita ada? Pilihan yang kita ada adalah penduduk di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan mulai 1 Januari ini mereka terus kekal menikmati RM2.08 seliter harga petrol, kekal.

■1020

Ketika Januari nanti kalau bermula *gradual increase* pada harga pam di Semenanjung—katalah RM2.08 kita naikkan satu sen atau dua sen. Kita di sini RM2.10 tetapi yang menerima *targeted subsidy*, kita masukkan dengan kadar RM30 sebulan. Di Sabah, Januari, Februari, Mac, April sampailah polisi ini diubah, mereka kekal dengan RM2.08 seliter untuk Sabah, Sarawak dan juga di Wilayah Persekutuan Labuan. Harga itu sebenarnya adalah harga subsidi. Kalau ikut harga semalam USD58.27 *per barrel*, subsidiya adalah 0.2467 sen. Lebih kurang 25 sen. Jadi, RM2.08 itu adalah harga subsidi 25 sen. Kekal. Sementara di Semenanjung akan ada *adjustment* mengikut harga pada minggu itu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk memaklumkan bahawa berdasarkan pada statistik penggunaan petrol RON95 di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan seperti soalan Yang Berhormat Beluran, saya sukalah berkongsi bahawa bagi tempoh 2018, di seluruh Sabah, penggunaan RON95 adalah 63 juta liter sebulan, di Sarawak sebanyak 67 juta liter petrol sebulan dan di Wilayah Persekutuan Labuan ialah 2.8 juta liter sebulan. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Menteri, bila akhbar menyiarkan tajuk berita seperti, "*Tiada program subsidi petrol B40 di Sabah, Sarawak kerana penggunaan rendah, kata menteri*", ini membayangkan bahawa satu dasar yang tidak mengira keperluan dan kehendak rakyat di Sabah dan kedudukan Sabah itu dalam Persekutuan Malaysia ini. Jadi, apabila diperjelaskan sedemikian adanya nisbah perkiraan yang berbeza antara Sabah, Sarawak dengan Semenanjung,

diharapkan ini akan memberi penjelasan yang baik kepada rakyat Malaysia yang berada di Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat Menteri, sejauh mana dasar baharu ini akan dapat membantu golongan B40 dan juga golongan pertengahan yang terkeluar daripada B40, penerima ini, dalam mengurangkan kos sara hidup mereka yang dialami mereka pada ketika ini? Dan apa nisbah pengiraan sekiranya harga minyak kurang daripada RM2.08 di masa akan datang?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih rakan saya dari Beluran. Punca kepada perkara yang menyumbang kepada kenaikan kos sara hidup, ia ada pelbagai. Minyak atau pengangkutan ini satu juzuk daripadanya. Yang lain adalah makanan, bil *utilities*, perumahan, belanja kesihatan, belanja pendidikan dan pengangkutan. Benar, ia akan ada satu juzuk komponen daripadanya iaitu penggunaan minyak. Itu satu daripada enam atau tujuh perkara lain yang menyumbang kepada peningkatan kos sara hidup. Kerajaan akan menekuni aspek ini bagi berusaha untuk tidak sampai memberikan kesan yang membebankan kepada rakyat apabila *targeted subsidy* ini dilaksanakan.

Soalan Yang Berhormat Beluran yang kedua ialah jika harga minyak turun daripada RM2.08, apakah Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bahkan di Semenanjung akan menikmati hasilnya? Saya hendak memaklumkan pada Dewan, Tuan Yang di-Pertua, harga di pam dikira mengikut *Automatic Price Mechanism*. Satu standard yang kita guna di negara kita sejak tahun 1983 lagi. Ia ada beberapa komponen. Selain dari harga minyak mentah dunia mempengaruhi, ia satu lagi istilahnya adalah MOPS iaitu satu standard kiraan harga. Kedua adalah *alpha*, beta, kos operasi, margin keuntungan syarikat minyak dan margin keuntungan pengusaha. Kemudian, daripada kiraan itu yang kita buat setiap minggu, dia akan memberikan satu bacaan.

Kalau sekiranya harga bacaan, harga pam itu kurang daripada RM2.08 dan sebagainya— pada ketika RM2.08 itu adalah harga subsidi. Akan tetapi, kalau harga minyak mentah dunia turun, maka harga RM2.08 menjadi lebih murah. Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan bahkan di Semenanjung juga akan ikut menikmatinya. Sepertimana Januari tahun ini, harganya di bawah sekitar RM1.90. Jadi, kerajaan lega sebab tidak memberi subsidi. Akan tetapi, pada masa yang sama, kerajaan juga tidak mendapat lebihan hasil kerana harga minyak mentah dunia murah.

Jadi, saya hendak tekankan bahawa aspek menikmati harga subsidi ini kekal dan kita akan hanya kira berdasarkan kepada trend harga minyak pada ketika itu. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan susulan daripada pengenalan subsidi minyak bersasar, harga minyak di Semenanjung akan diapungkan secara berperingkat. Itu kenyataan Yang Berhormat Menteri ya. Jadi, soalan-soalan saya. Apakah mekanisme penetapan secara berperingkat tersebut? Adakah terus ikut harga pasaran sepenuhnya atau ada *gradual increase*?

Kedua, apakah ramalan kementerian berkenaan dengan kesan kepada kadar inflasi? Ketiga, adakah kementerian menetapkan harga siling maksimum sepertimana yang pernah dicadangkan iaitu mungkin RM2.20 satu liter? Kalau dia lebih daripada itu, dia dikenakan siling dan disubsidikan. Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih sahabat saya dari Rembau. Satu adalah dari hal penetapan harga. Saya percaya Yang Berhormat Rembau juga arif tentang *Automatic Price Mechanism* dan komponen yang telah saya sebutkan tadi. Itu tetap menjadi asas kira-kira kita.

Apakah akan ada harga siling? Buat masa sekarang tidak menjadi satu pilihan kerajaan lagi. Sebab pertemuan kita dengan syarikat-syarikat minyak— walaupun faktor geopolitik dunia itu berubah tetapi *engagement* dengan syarikat minyak memberikan gambaran harga minyak mentah dunia akan berlegar di antara USD50 ke USD60 per *barrel*. Sudah tentu kos menghasilkan minyak itu lebih tinggi *by USD10*. Itu *basic* kira-kiranya.

Jadi, yang saya hendak tekankan adalah, pertama, ia *gradual income*. Itu prinsip yang kita sepakati bagi keseluruhan Jemaah Menteri bahawa sebab ketika harga diapungkan nanti, kalau kita benarkan lonjakan sehingga RM2.45 atau RM2.50, impak ekonominya sukar diperbetulkan. Jadi, *gradual* itu, apakah satu sen, dua sen atau tiga sen, sangat bergantung pada *moment* ketika Januari itu memberikan harga minyak mentah dunia. Akan tetapi, prinsip itu setelah kita menjangkakan USD50 hingga USD60 per *barrel*, kita sudah boleh membuat agakan atau ramalan. Jadi, saya selamat untuk mengatakan bahawa *gradual income* itu adalah sangat minimum supaya tidak memberikan kesan parah yang sukar diperbetulkan kepada rakyat.

Jadi, prinsip ini akan membantu, yang pertama, Yang Berhormat Rembau, iaitu kalau katakan dua sen— katakanlah untuk tujuan saya memberikan penerangan,

bermaksud harga di pam RM2.10 walhal harga ketika itu subsidi 25 sen. Jadi, rakyat yang tidak dapat masih boleh menikmati 21 sen subsidi. Katalah kita tambah lagi berikutnya kepada empat sen. Rakyat yang tidak tergolong dalam 2.9 juta penerima masih menikmati lagi 19 sen. Jadi, begitulah. *As we go along*, maksudnya kerajaan akan ada sedikit sebanyak penjimatan, pemberian subsidi itu kekal dan *targeted subsidy* akan dapat dinikmati oleh golongan yang kita sasarkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ini penting Tuan Yang di-Pertua. Boleh satu lagi?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Pohon satu lagi soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dah tambah tiga soalan dah tadi. Untuk Pertanyaan-pertanyaan Menteri ketiga, saya jemput Yang Berhormat Bukit Bendera.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Empat bulan sekali bayar ini saya tidak puas hatilah. Berapa penjimatan kerajaan tentang subsidi ini? Jawab kemudianlah.

3. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sejauh mana pencapaian objektif-objektif dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017.

Menteri Sumber Manusia [Tuan M. Kulasegaran]: Objektif utama kerajaan menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] mulai 1 Jun 2017 ialah untuk memberi perlindungan keselamatan sosial kepada golongan bekerja sendiri dalam sektor informal. Di bawah skim bencana kerja pekerjaan sendiri, skim ini memberi perlindungan sekiranya berlaku sebarang kejadian atau insiden yang tidak diingini sebagai *replacement of income* atau penggantian pendapatan kepada orang berinsurans dan tanggungjawab yang ditimpa bencana.

Buat permulaan, akta ini memberi perlindungan kepada semua pemandu teksi *e-hailing* dan pemandu Grab yang bekerja sendiri serta yang seumpama dengannya.

■1030

Pada 1 Januari 2019, skim ini telah diperluaskan dan dikuatkuasakan ke atas pemandu bas persendirian. Sehingga 9 Oktober 2019, seramai 55,049 orang pemandu teksi *e-hailing*, pemandu Grab dan pemandu bas persendirian telah mendaftar dan

mencarum dengan PERKESO. Sehingga kini, seramai 184 pemandu teksi telah menerima faedah di bawah skim bencana kerja pekerjaan sendiri melibatkan bayaran sebanyak RM531,445. Dalam tarikh ini melibatkan 12 orang kemalangan maut yang mana waris mereka telah diberi pampasan dan menerima faedah yang disediakan.

Sebagai contoh, kes orang berinsurans pemandu teksi baru-baru ini. Kematian berlaku pada 24 September 2018, caruman hanya bermula pada 4 September 2018 iaitu lebih kurang 20 hari sebelum itu. Perjalanan dari rumah menuju ke KLIA untuk mengambil penumpang. Dia meninggal dunia akibat kemalangan dan dia meninggalkan seorang balu dan tiga orang anak. Faedah orang tanggungan sebanyak RM3,550 sebulan kepada balu dan anak akan dibayar. Faedah pengurusan mayat, RM2,000.

Selaras dengan objektif akta ini diwujudkan, kerajaan bercadang untuk meluaskan liputan akta ini kepada semua sektor informal yang lain seperti perikanan, perniagaan milikan tunggal dan perkongsian termasuk peniaga kecil serta pertanian secara berperingkat-peringkat. Ketika ini, Kementerian Sumber Manusia sedang di peringkat akhir menggubal mekanisme pelaksanaan dan dijangka dapat dilaksanakan pada tahun hadapan. Terima kasih.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana sebentar tadi saya mendengar ada cadangan untuk meluaskan skop di bawah Jadual 1 selain daripada perkhidmatan pengangkutan penumpang juga akan diluaskan kepada kategori-kategori pekerja sendiri.

Soalan saya, sama ada aspek-aspek lain undang-undang perburuhan akan diteliti untuk memberikan *protection* ataupun perlindungan tambahan kepada pekerja-pekerja yang bekerja sendiri?

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih. Kementerian sedang menganalisis dan telah mendapat tahu bahawa kemungkinan besar *social net* ini akan dikenakan kepada manfaat kepada 18 jurusan. Di antaranya ialah: pertama, pertanian, perhutanan dan perikanan; kedua, perlombongan dan pengkuarian; ketiga, pembuatan, pemprosesan, perkilangan, pembaikan, pemasangan dan penghasilan.

Banyak lagi yang akan dikenal pasti dan satu di antaranya undang-undang yang akan dikenakan perubahan adalah mengenai *Employment Act* dan kita akan meluaskan kepada *gig economy*. Ini dalam perbincangan terakhir dengan pihak-pihak *stakeholders* dan kita percaya dalam sesi ini sahaja perubahan rang undang-undang itu akan dibawa supaya ia meliputi semua pekerja di negara ini dan pada pandangan saya, itu adalah

satu di antara *dream* saya supaya semua rakyat Malaysia dilindungi oleh SOCSO dan kerja sendiri ini adalah satu di antara proses yang akan dilipatgandakan. Terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di bawah Seksyen 2 Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 ini menyatakan bahawa akta ini terpakai kepada warganegara dan juga pemastautin tetap dalam perusahaan yang disenaraikan di bawah Jadual 1. Jadi, boleh Yang Berhormat Menteri nyatakan berapakah jumlah pencarum daripada kalangan PR ataupun Pemastautin Tetap ini dan berapa peratus faedah yang dinikmati oleh golongan ini? Terima kasih

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Ini saya perlukan notis tentang berapa angka ini, saya akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, boleh? Dalam soalan ketiga. Boleh?

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Tuan Yang di-Pertua, boleh lagi kah? Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, dilaporkan bahawa baru-baru ini 45,000 pekerja pembersihan sekolah telah diberhentikan berikutan katanya KPM kekurangan bajet. Jadi, apakah langkah kerajaan apabila saya tengok Parti Sosialis Malaya, Jaringan Pekerja Kontrak Kerajaan juga hantar memorandum kepada PERKESO supaya menyelesaikan isu permohonan Skim Insurans Pekerjaan (SIP). Jadi, apakah setakat ini perkembangan yang boleh dimaklumkan oleh pihak kerajaan?

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya perbincangan sedang dibuat untuk menyelesaikan perkara tersebut dan saya difahamkan Kementerian Pendidikan telah pun adakan dialog dengan mereka supaya semua yang terlibat. Ada beberapa isu yang berkait dengan pengambilan mereka dan penggajian mereka. Satu di antara cadangan adalah kita membuat kontrak terus dari sekolah dengan pekerja. Sekarang dia adalah di antara *third party*. Kerajaan memberi kepada pihak yang ketiga dan baru diberikan kepada pekerja.

Ini akan mengelakkan ejen-ejen untuk mengambil kesempatan. Kita semua tahu bahawa ramai antara pihak ketiga adalah pihak yang terlibat dalam menjadi ahli politik sebelum ini dan ini untuk mengayakan pekerja-pekerja di negara ini. Ini adalah satu di antara yang dibuat dan SIP pun sedang tengok apa yang kita boleh buat dan saya sendiri telah berjumpa dengan beberapa orang dan jika ada apa-apa yang terkini, saya telah memberitahu kepada mereka untuk membawa kes itu ke Mahkamah Buruh. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan secara terperinci, bagaimana kerajaan mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0 dalam pasaran buruh negara di bawah Pelan Tindakan Sumber Manusia Kebangsaan (NHRB) yang sedang dirangka. Bagaimana pekerja boleh memperoleh manfaat seiring dengan pembangunan Revolusi Industri 4.0.

Menteri Sumber Manusia [Tuan M. Kulasegaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Industri 4.0 dijangka akan memberi kesan yang sangat signifikan kepada pasaran buruh dan pekerjaan seperti perwujudan dan penghapusan pekerja- *job displacement*, peningkatan produktiviti buruh dan jurang kemahiran yang semakin meluas. Oleh itu, modal insan negara perlu mempunyai kemahiran yang relevan dan sentiasa memenuhi keperluan pasaran dan ekonomi negara yang dinamik.

Dalam hal ini, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pendidikan Malaysia dan kementerian-kementerian yang lain serta Kabinet telah mewujudkan satu *technical working group skills* di bawah Industri 4RD yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Selaras dengan itu, pelbagai usaha dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia dalam memperkukuhkan kompetensi sumber manusia bagi mengenal pasti pekerjaan yang bersesuaian dalam Industri 4.0 melalui jabatan dan agensi di bawahnya. Langkah-langkah yang diambil oleh KSM adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan program *upskilling* dan *reskilling* kepada golongan pekerja bagi mempertingkatkan kemajuan dalam menyesuaikan diri dalam perubahan keperluan kerja masa hadapan- *future jobs* serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik;
- (ii) Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran telah membangunkan *National Occupational Skills Standard* untuk 21 sektor ekonomi;
- (iii) mengadakan sesi libat terus dengan pihak industri bersama jabatan dan agensi yang terlibat bagi memberi gambaran jelas berkaitan Revolusi Industri 4.0; dan
- (iv) memperluas akses kepada warganegara untuk mendapatkan latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Sehingga kini, terdapat 562 buah institusi latihan kemahiran awam yang terlibat.

Langkah-langkah yang dinyatakan di atas akan turut diangkat dan diguna pakai dalam pembentukan *National Human Resources Blueprint* yang sedang digubal oleh pihak Kementerian Sumber Manusia.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya pergi ke soalan tambahan, Ahli-ahli Yang Berhormat, bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini adalah pelajar dan guru daripada SMK Teknik Kuantan, Pahang... [*Tepuk*] Dengan ini, kita mengalu-alukan kedatangan mereka.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu panjang lebar.

■1040

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana sudi hadir ke Myskills Foundation Kalumpang, Hulu Selangor dan menganjurkan program bersama PERKESO baru-baru ini. Susulan dari lawatan ini, apakah perancangan kementerian dalam membantu meningkatkan terutamanya bagi belia-belia India yang tercicir di kampus ini? Seterusnya, memastikan mereka ini juga berpeluang untuk mendapatkan pekerjaan di bidang TVET dalam IR 4.0.

Begitu juga sedia dimaklumkan Yang Berhormat Menteri, Hulu Selangor dengan adanya hab perindustrian aeroangkasa, automotif dan rel di Hulu Selangor, adakah kementerian bersedia bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam

mewujudkan satu institusi TVET di Hulu Selangor yang memenuhi kehendak Revolusi Industri 4.0 supaya belia tempatan mendapat peluang pekerjaan di sektor industri tersebut? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat, dua hari dulu Yang Berhormat telah datang ke Myskills, di mana saya pun berada di sana, Myskills Foundation, di mana ini ada sedikit luar biasa. Di mana pihak yang belajar di sana adalah anak-anak ibu tunggal yang ada *social problem* dan berbilang bangsa. Ia ada Cina, Melayu, India dan macam-macam tetapi yang mustahak adalah satu ruang diberi kepada anak-anak kita untuk mengikuti pelajaran TVET di sana.

Rasa ini adalah satu di antara kewajipan kita dan kerajaan telah memberi banyak pertolongan dalam perkara ini. Apa yang mustahak adalah *aerospace industry* dan sebagainya. Ia kalau ada dengan kita masih bekerja dengan Kementerian Pendidikan adalah untuk supaya meningkatkan lagi supaya lebih peluang diberi kepada anak-anak kita untuk melanjutkan pelajaran di TVET. Jika perlu, di kawasan Yang Berhormat, kita boleh berbincang mengenai perkara tersebut supaya kementerian-kementerian terlibat boleh menjadi satu faktor menolong anak-anak kita di sana. Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Susulan daripada apa Yang Berhormat Menteri katakan semalam dan juga pagi tadi, saya hendak bertanya mengenai persiapan yang dibuat ataupun yang dilakukan oleh pihak kerajaan pada masa kini dalam usaha untuk menggalakkan industri-industri untuk bersedia untuk menerima ataupun memenuhi keperluan IR4.0 ini agar tidak ketinggalan. Oleh sebab nanti jangka panjang kalau ianya ketinggalan, akan memberikan impak kepada pertumbuhan ekonomi negara. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih kepada soalan tersebut. Sebenarnya, esok ada beberapa *announcement* yang akan dibuat mengenai IR4.0. Akan tetapi saya boleh merangka sedikit. Kita serius kerana ini adalah satu yang tidak dapat dielak kerana semua sektor perlu bersiap sedia. Sepatutnya negara-negara yang maju telah pun mengambil kira IR4.0. Akan tetapi yang lebih mustahak Yang Berhormat adalah yang saya katakan *critical occupation list*. Di mana ada kerja-kerja yang kita pelajari di universiti dan sebagainya, tidak ada kerja dalam tempoh tiga tahun ke empat tahun lagi. Ini kita perlu memberi perhatian yang lebih serius. Akan tetapi menunjukkan bahawa semua yang ditawarkan di TVET, semua ada harapan, *jobs of the future*. Itu penekanan yang baru.

Di semua TVET di sana, di mana kita perlu *equipments* yang baru dan sebagainya, kerajaan sedang membuat supaya kita meningkatkan taraf supaya kita ada setaraf dengan dunia dan juga supaya sistem itu akan meningkatkan kepakaran dan kemahiran pekerja-pekerja di negara ini. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi. Penting. Sangat penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Cukup, cukup. Kita ada lagi banyak pertanyaan. Saya ingin meneruskan dan saya menjemput Yang Berhormat seterusnya, Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah

2. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan:

- (a) prestasi kewangan terkini Khazanah Nasional; dan
- (b) jumlah pelupusan saham, aset dan kepentingan yang dibuat sejak Kerajaan Pakatan Harapan (PH) mengambil alih Kerajaan Pusat sehingga kini.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Jasin berkaitan dengan Khazanah secara bersekali dengan lapan soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian yang dijadualkan untuk dijawab pada 29 Oktober 2019, Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Jasin dan Yang Berhormat Pasir Mas pada 7 November, Yang Berhormat Kuala Krau pada 13 November, Yang Berhormat Lenggong pada 25 November dan Yang Berhormat Lipis dan Yang Berhormat Kuala Terengganu pada 4 Disember 2019.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Khazanah dijangka kembali mencatatkan prestasi kewangan yang lebih kukuh pada tahun kewangan 2019. Hasil daripada beberapa inisiatif yang dijalankan sejak mula melaksanakan usaha penyusunan semula. Ini meliputi pelaksanaan lima inisiatif keutamaan bermula pada Disember 2018. Inisiatif keutamaan ini termasuk mengukuhkan kedudukan kewangan melalui antara lain pengurangan hutang.

Setelah lebih kurang setahun di bawah mandat baharu, Khazanah telah berjaya mengurangkan hutang kira-kira RM8 bilion daripada RM55 bilion kepada RM47 bilion dan dijangka akan terus dikurangkan kepada RM35 bilion hingga RM40 bilion dalam

tempoh jangka sederhana. Pembayaran hutang ini dibuat daripada hasil pelupusan yang dilaksanakan oleh Khazanah sepanjang tahun 2018 dan tahun 2019.

Sebahagian daripada hasil pelupusan digunakan oleh Khazanah bagi tujuan pembayaran hutang, sementara sebahagian lagi digunakan bagi tujuan pelaburan baru. Bagi tahun kewangan 2019, Khazanah menjangkakan akan kembali mencatatkan keuntungan sekitar RM5 bilion, berbanding kerugian RM6.3 bilion pada tahun kewangan 2018. Tuan Yang di-Pertua, penjualan atau lebih tepat, pelupusan aset adalah aktiviti perniagaan yang lazim dilakukan oleh Khazanah sebagai sebuah dana pelaburan ataupun *investment funds* dan bukanlah sesuatu perkara yang luar biasa. Ia juga adalah aktiviti perniagaan yang lazim dilakukan oleh dana pelaburan yang lain seperti KWSP dan juga PNB. Aktiviti pelupusan oleh Khazanah berlaku setiap tahun sama ada di bawah mandat terdahulu mahupun di bawah mandat baharu yang telah diluluskan pada Disember 2018.

Memandangkan Khazanah tidak menerima sebarang suntikan dana dari sumber luar untuk pelaburannya, hasil pelupusan merupakan sumber utama untuk pelaburan baru. Ini berbeza dengan KWSP dan PNB. Selain daripada hasil pelupusan, KWSP menerima dana daripada caruman pekerja secara berkala, manakala PNB menerima dana daripada pelabur dalam unit amanahnya untuk aktiviti pelaburan mereka. Pelupusan aset dipertimbangkan sebaik sahaja sesuatu pelaburan telah mencapai sasaran kewangan dan strategik yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, pelaburan tersebut telah mencapai keuntungan yang disasarkan. Pelupusan sesuatu aset juga bergantung kepada masa dan kekuatan pasaran serta ketersediaan, kualiti dan kredibiliti pembeli. Prinsip ini digunakan untuk pelupusan sebelum ini dan sebarang pelupusan yang akan dibuat pada masa hadapan. Sejak Mei 2018 hingga Jun 2019, Khazanah telah melaksanakan pelupusan berjumlah kira-kira RM18.8 bilion iaitu RM3.2 bilion daripada Mei hingga Disember 2018 dan RM15.6 bilion antara Januari hingga Jun 2019.

Seperti mana yang telah diterangkan sebelum ini, hasil daripada pelupusan tersebut digunakan bagi tujuan membuat pelaburan baru serta membayar balik hutang Khazanah yang menghampiri tempoh matang. Untuk makluman, hasil daripada pelupusan Khazanah tidak digunakan untuk membayar hutang kerajaan. Bayaran yang diterima oleh kerajaan daripada Khazanah adalah hanya dalam bentuk dividen tahunan dan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, Khazanah tidak dapat menyatakan secara terperinci mengenai pegangan yang bakal dilupuskan pada tahun kewangan semasa

memandangkan ia memerlukan kelulusan pihak tertentu, termasuk lembaga pengarah serta pihak pengawal selia baik di dalam mahupun di luar negara. Ini untuk memastikan ia dilaksanakan secara tertib dan teratur serta menurut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan, terutamanya transaksi yang berpotensi memberi impak kepada harga saham dan penilaian aset.

Justeru itu, berdasarkan beberapa kejayaan awal yang telah dicapai oleh Khazanah di bawah mandat baharu ini, kerajaan yakin bahawa Khazanah akan berada dalam kedudukan yang lebih kukuh untuk terus meningkatkan prestasi kewangannya dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

■1050

Selaras dengan WKB, strategi pelaburan Khazanah akan dilaraskan ke arah industri baru yang bernilai tambah tinggi dan memberi kesan langsung kepada melonjakkan ekonomi Malaysia, meningkatkan pendapatan rakyat dan mencipta pekerjaan berpendapatan tinggi untuk memasuki era teknologi tinggi dan negara maju. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Khazanah buat pertama kalinya mencatatkan kerugian sebanyak RM6.3 bilion pada akhir tahun 2018 berbanding dengan mencatat keuntungan sebanyak RM2.9 bilion pada akhir tahun 2017. Dalam masa yang sama, Khazanah juga telah mengisytiharkan dividen sebanyak RM1.6 bilion kepada kerajaan walaupun menghadapi kerugian.

Aset-aset yang telah dikumpul oleh Khazanah sejak daripada tahun 2008 sebanyak RM32.7 bilion meningkat kepada RM115 bilion pada akhir tahun 2017. Aset-aset ini sebenarnya memberikan pulangan yang cukup lumayan sekali kepada kerajaan. Jadi soalan saya, apakah justifikasi kerajaan untuk menjual aset-aset yang cukup strategik dalam masa yang cukup— pasaran yang merudum sekali. Sepatutnya masa ini kita beli, kenapa kita jual?

Kedua, apakah sebenarnya perancangan strategik kerajaan untuk menstrukturkan semula aset-aset yang sedia ada bagi memastikan supaya kita akan mencatat keuntungan pada tahun yang akan datang. Saya terperanjat dengar apabila Menteri menjangka kita akan dapat keuntungan RM5 bilion sedangkan telah banyak aset-aset telah kita jual. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Kerajaan mengambil maklum bahawa Khazanah mengalami kerugian RM6.3 bilion bagi

tahun kewangan 2018 dan ini telah pun saya nyatakan sebentar tadi. Namun, saya juga hendak menegaskan di dalam Dewan Rakyat ini, kerugian yang dicatatkan ini adalah hasil daripada pelaburan yang tidak strategik oleh pentadbiran yang lama. Aset-aset yang mereka laburkan itu tidak memberikan nilai tambah dan tidak memberikan pulangan yang terbaik kepada Khazanah. Oleh sebab itulah kita mengalami satu kerugian yang cukup besar.

Namun, saya juga hendak merakamkan di dalam Dewan Rakyat ini, kerugian ini sebenarnya telah tercatat dalam pentadbiran yang lalu tetapi tidak diambil kira rosot nilai di dalam penyata kewangan. Tidak berlaku ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam pengurusan kewangan ketika itu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Betul kah itu?

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Nanti...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak betul itu.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Oleh sebab itu apabila kerajaan baru mengambil alih, kita mengambil kira rosot nilai aset-aset yang dibuat pelaburan oleh pentadbiran yang lama. Oleh sebab itulah kita dapat maklum bahawa kerugian yang dialami ialah RM6.3 bilion. Ini bukan hanya berlaku dalam Khazanah, dalam Lembaga Tabung Angkatan Tentera....

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh mencelah tak?

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Dalam Tabung Haji...

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Macam tak betul sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Jangan ganggu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh minta mencelah? Tak boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak mendapat kebenaran.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Menteri.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Yang kedua saya nak respons kepada Yang Berhormat Jasin. Pelupusan aset-aset ini bukanlah satu aktiviti baru. Di dalam pentadbiran tahun 2009 hingga 2018. Pada 2009 yang menjadi Perdana Menteri adalah Yang Berhormat Pekan. Dia telah melupuskan lapan aset. Tahun 2010 dia telah melupuskan tujuh aset. Tahun 2011 lapan aset. Tahun 2012 sebanyak 10 aset. Tahun 2013 enam aset. Tahun 2014 enam aset. Tahun 2015 sebanyak 10 aset. Tahun 2016

hampir *election*, dia lupuskan 13 aset. [*Dewan riuh*] Tahun 2017 sebanyak 12 aset. Empat bulan pertama 2018, Yang Berhormat Pekan telah melupuskan empat aset.

Jumlah aset yang dilupuskan oleh Yang Berhormat Pekan adalah sebanyak 84 aset Khazanah. [*Dewan riuh*] Jadi di mana Yang Berhormat Pekan ingin menyanggah keputusan kerajaan baharu untuk memastikan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Modal ini tak laku dah. Tak laku. Rakyat tak terima dah modal ini.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: ...Pulangan yang kita peroleh, itulah yang terbaik.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Pasir Salak, terimalah hakikat.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Satu lagi, saya nak beri contoh. Sebagai contoh yang dibangkitkan sebelum ini iaitu IHH. IHH ini untuk Yang Berhormat Jasin, kita memiliki saham sebanyak 42 peratus di dalam IHH. Apa yang kita lupuskan hanyalah 16 peratus kepada Mitsui. Mitsui ini adalah rakan kongsi di dalam IHH, bukanlah orang baru dan kita telah mendapat premium 20 peratus lebih tinggi daripada harga pasaran. Harga pasaran hanya RM5. Kami dapat menjual RM6 kepada Mitsui daripada Jepun. [*Dewan riuh*] Di mana Yang Berhormat Jasin...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pandang ke Timur?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak, saya dah kira dua kali tanpa kebenaran saya. [*Dewan riuh*] Nak masuk kali ketiga, saya boleh halau keluar. [*Dewan riuh*] Yang Berhormat Pasir Salak, jika nak bercakap dengan izin Speaker.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta maaf... [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Menteri.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, kita mendapat untung 20 peratus lebih tinggi daripada harga pasaran. Yang baiknya adalah yang membelinya adalah Mitsui, sebuah syarikat Jepun yang ternama. Ini membuktikan bahawa pelaburan Jepun masuk ke dalam negara Malaysia. Jadi, saya harap Yang Berhormat Jasin memahami bahawa aset-aset yang kita jual adalah memastikan dapat nilai yang terbaik kepada aset tersebut dan tidak mengalami kerugian. Tujuannya adalah untuk membayar hutang yang terpaksa kami tanggung kerana ketua Yang Berhormat sebelum ini sebelum kami mengambil alih. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Menteri. Baik. Soalan tambahan yang kedua. Dalam senarai ini termasuk Yang Berhormat Pasir Salak. Saya bagi ruang, soalan tambahan yang kedua 30 saat kepada Menteri.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Pasir Salak ya?

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Siapa itu? Oh! Di sini. *[Dewan ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Menteri kerana memaklumkan. Ini salah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita tengah buat komplot. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ini nak Yang Berhormat Machang kah atau nak Yang Berhormat Pasir Salak ini?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita tengah bilang kira undi, cukup *numbers or not*. Jaga-jaga... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Pasir Salak, 30 saat. Sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya nak tanya, sambung semalam punya pertanyaan. Kenapa jual kepada Mitsui secara senyap-senyap? IHH, tak ada *open tender? When?* Lagi satu saya nak tanya, keuntungan yang dicatatkan itu kononnya adakah hasil daripada penjual aset, bukan perniagaan. Jual aset untung, dia masuk dalam kira-kira sebagai untung. Itu bukan untung berniaga namanya. Tolong beri penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Sila Menteri, jawab satu minit.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama penjualan kepada Mitsui tidak dibuat secara senyap-senyap. Ia dibuat secara terbuka dan kita mendapat 20 peratus premium daripada harga pasaran.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu bukan terbuka namanya dapat premium. Yang saya nak tanya, kalau terbuka ada *bidders* yang lain? *Who are the other bidders?* Siapa *bidder* yang lain?

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Saya dah nyatakan tadi bahawa Mitsui ini adalah rakan kongsi yang sedia ada di dalam IHH. Rakan kongsi kepada Khazanah dan

mereka menawarkan 20 peratus lebih tinggi daripada harga pasaran. Bukannya dia menawarkan kurang daripada harga pasaran. Harga pasaran ketika itu hanya RM5. Kita mendapat RM6.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ada orang lain boleh offer lebih lagi, RM7, RM8. [*Dewan riuh*] Kita tahu.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Yang Berhormat Pasir Salak, kita menawarkan kepada rakan kongsi kita dahulu. Itu jawapannya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Keduanya, saya dah sebut tadi bahawa Khazanah merupakan dana pelaburan atau *investment fund*. Kita melabur dalam sesebuah syarikat dan bila sampai waktu yang strategik, harga yang sesuai, kita akan lupuskan aset dan saham tersebut untuk mendapat keuntungan. Ini perkara yang—adalah amalan perniagaan biasa yang dilakukan oleh Khazanah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Menteri. Baik, saya...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Satu lagi soalan. Ini penting.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Kubang Kerian mohon satu, soalan berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tak benarkan kerana telah beri lebih masa dah.

3. Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan langkah-langkah dan status terkini rancangan untuk membangunkan bidang *e-sports* di setiap negeri.

■1100

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon jawab pertanyaan ini secara bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Lanang bertarikh 29 Oktober 2019 kerana ia menyentuh perkara yang sama mengenai pembangunan E-Sports ataupun E-Sukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara dan Jabatan Belia dan Sukan Negara telah merangka pelbagai program pembangunan bagi sukan elektronik di semua negeri, termasuklah negeri Sarawak. Ini susulan daripada suntikan dana khas RM10 juta yang diperuntukkan pada

belanjawan yang lepas dan kita berdoa pada belanjawan yang akan dibentangkan esok, akan ada tambahan lagi.

Melalui perancangan yang telah dibuat ini, pusat-pusat latihan termasuk di negeri akan ditubuhkan bagi memastikan pelaksanaan program bagi sukan ini dapat diseragamkan sehingga ke peringkat akar umbi. Namun begitu, bagi keperluan penubuhan pusat-pusat latihan ini, satu kolaborasi yang khusus perlu dilakukan kerana ia melibatkan prosedur daripada beberapa agensi seperti pihak berkuasa tempatan di negeri masing-masing.

Pada masa yang sama, pihak kementerian akan menganjurkan Liga Sukan Elektronik Kebangsaan pada tahun 2020 sebagai salah satu langkah awal pelaksanaan program pembangunan sukan yang akan disertai oleh negeri-negeri. Di samping itu, melalui liga ini juga, satu sistem ranking pemain akan diwujudkan bagi mengenal pasti prestasi semasa mereka. Ia juga boleh dijadikan sebagai salah satu kriteria pemilihan atlet untuk mewakili negara ke pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Johor melalui Majlis Sukan Negeri Johor telah menyenaraikan sukan elektronik sebagai salah satu sukan yang akan dipertandingkan di Temasya Sukan Malaysia 2020 (SUKMA 2020). Ini dilihat sebagai satu pengiktirafan serta peluang untuk memajukan sukan ini di peringkat negeri. Pada masa yang sama seperti yang telah pun kita maklumkan, bukan sahaja bagi SUKMA 2020 yang mencatatkan sejarah yang baru, pada akhir tahun ini semasa sukan, SEA Games di Manila buat pertama kali, sukan E-Sports akan disenaraikan sebagai *Medal Tele Sports* yang akan menawarkan *six medal tele sports*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KBS akan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak khususnya, bagi penganjuran Kejohanan Sukan Elektronik bersempena Tourism Malaysia Day Sarawak pada bulan Disember 2019 nanti. Dengan penganjuran kejohanan-kejohanan seumpama ini, pihak kementerian berharap agar lebih ramai bakat yang baru dapat dicungkil dari peringkat negeri ke peringkat daerah.

Pada masa yang sama ada penekanan juga supaya E-Sports dapat menarik pelancongan khususnya E-Sports Tourism. Kalau kita lihat contohnya pertandingan E-Sports FIFA19 dan PES19 yang dianjurkan di semua negeri dan bermula daripada Mac 2019 yang akan berakhir pada bulan Jun 2019. Grand Final E-Sports FIFA19 dan PES19 peringkat kebangsaan yang dianjurkan pada bulan Oktober, 12 hingga 13 Oktober. Bengkel E-Sports yang juga dilaksanakan di semua negeri dan pada masa yang sama E-Sports Tourism Visit Sarawak 2019.

Pihak kementerian juga ingin mengalu-alukan penglibatan pihak kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, korporat dan persatuan NGO untuk terlibat sama dalam pembangunan E-Sports ini secara lebih menyeluruh dan lestari. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Kita semua tahu KBS telah umumkan, akan keluaran satu *blueprint* untuk E-Sports pada tahun ini. Langkah ini adalah tepat memandangkan sektor ini masih baharu dan memerlukan satu dasar dan juga pelan tindakan yang menyeluruh. Saya mohon Yang Berhormat Menteri kalau boleh memberikan status dan kandungan *blueprint* E-Sports tersebut.

Kita juga tahu pada peringkat akar umbi, ramai pengusaha pusat latihan E-Sports peribadi menghadapi masalah, antara untuk mendapatkan lesen operasi kerana ada kekeliruan antara dasar dan perundangan di peringkat PBT dan Kerajaan Pusat khususnya KBS. Dengan itu saya mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan langkah-langkah dan tindakan untuk menyeragamkan garis panduan penubuhan pusat E-Sports di seluruh negara. Terima kasih.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. E-Sports Blueprint yang dikatakan telah pun siap. Ia telah pun siap sejak bulan Mei yang lepas. Akan tetapi untuk kita dapatkan maklum balas yang lebih menyeluruh, sebab ini merupakan kali pertama kementerian akan menerbitkan satu *blueprint* jangka masa pendek dan panjang berkenaan pembangunan E-Sports lebih baik kita adakan lebih banyak sesi libat urus bersama dengan semua pihak. Pelancarannya akan dilakukan pada akhir bulan Oktober atau pada minggu pertama bulan November apabila tamatnya Bulan Sukan Negara dan dalam *blueprint* ini banyak perkara telah pun dimasukkan.

Untuk makluman semua, industri E-Sports ini di Malaysia ada pada tangga 21 di peringkat dunia dari segi *in terms of income– income contribution* jika hendak dilihat di peringkat global. Maksudnya Malaysia dapat banyak perkara baik daripada industri E-Sports. Akan tetapi pada masa yang sama, ada kepentingan untuk kita menyeragamkan lesen E-Sports yang sedia ada.

Saya ambil maklum keluh kesah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebab pada hari ini kita lihat ada piawaian lain di peringkat PBT, ada juga di peringkat negeri dan tidak seragam dengan piawaian yang ditetapkan di peringkat Persekutuan. Oleh sebab itu, dalam *quarterly meeting* bersama dengan Exco Belia dan Sukan setiap negeri yang kita adakan, perkara ini dibangkitkan dan dibincangkan. Ada kerajaan negeri yang telah pun mengambil inisiatif yang tersendiri untuk mengubah undang-undang sedia ada

supaya kita boleh menyenangkan proses pendaftaran ini. Apabila E-Sports Blueprint ini dibentangkan pada minggu pertama bulan November, perkara ini akan diperincikan dengan lebih telus. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, soalan saya tidak ada kaitan dengan *Food Panda*, itu yang pertama. Keduanya adalah berkaitan bagaimana *blueprint* yang Yang Berhormat Menteri telah nyatakan tadi penubuhan *task force* ini. Ini kerana ada dakwaan mengatakan *task force* ini diketuai oleh pegawai Yang Berhormat Menteri sendiri, lantikan politik. Kalau ini benar-benar berlaku Yang Berhormat Menteri, ini merupakan satu *unprecedented* kerana selalunya diketuai oleh KSU atau pegawai-pegawai eksekutif kanan di pihak kementerian. Itu dakwaan.

Keduanya Yang Berhormat Menteri, E-Sports ini memang menjadi suatu perkara yang besar kerana USD100 juta E-Commerce Malaysia telah menyumbang kepada perkara ini. Akan tetapi bagaimana PBT ini dapat menyantuni anak-anak muda, usahawan-usahawan anak muda yang ingin masuk dalam bidang E-Sports ini. Ini kerana dari segi *licensing*, ia seolah-olahnya tidak membenarkan anak muda ini untuk menjadi usahawan kepada E-Sports. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Ada beberapa perkara. Pertama sekali dakwaan bahawa *task force* ini dikepalai oleh lantikan politik itu tidak betul. Kalau kita lihat *task force* ini, ia seperti *horizontal structure* di mana mereka yang dimasukkan adalah pakar-pakar dalam industri itu yang tersendiri. Kita ada wakil atlet, wakil persatuan, wakil industri dan pada masa yang sama untuk memastikan bahawa pandangan yang diberikan adalah pandangan yang agak menyeluruh. Pada masa yang sama, kita telah pun adakan pelbagai sesi libat urus dengan semua pihak supaya semua pihak punya pandangan diambil kira dalam perangkaan E-Sports Blueprint.

Pada masa yang sama, saya setuju bahawa pelaburan daripada segi E-Sports ini sangat penting. Oleh sebab itu, pada *first quarter* pada tahun ini, kita dapat pelaburan yang agak besar berjumlah RM100 juta daripada syarikat Razor, *one of the biggets E-Sports industry player* di Malaysia telah pun mencipta 300 peluang pekerjaan berkualiti tinggi dan buat pertama kali membuka pejabatnya di Bangsar South.

Di peringkat PBT itu sendiri, memang ada kekangan yang tersendiri. Saya beri contoh, semalam saya berjumpa dengan dua usahawan E-Sports yang berkata agak

sukar untuk dapat lesen di Melaka walhal kita telah pun keluarkan enam lesen. Di kawasan saya sendiri di Muar ada banyak permohonan. Antara sebab ada permasalahan di sini adalah kerana piawaian yang membezakan siber kafe dan E-Sports kafe ini masih belum jelas dan ia berbeza di peringkat negeri dan PBT. Oleh sebab itu, apabila E-Sports Blueprint ini dikeluarkan, kita perlu menyeragamkan supaya akhirnya anak-anak muda yang ingin melibatkan diri dalam sektor ini tahu dengan lebih jelas dan akhirnya dapat membuka *more E-Sports Cafe* yang akhirnya akan merancakkan industri E-Sports di seluruh Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana tadi saya dengar Yang Berhormat Menteri banyak menyentuh mengenai Sarawak. Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, Sarawak telah pun mengangkat E-Sports dengan menjadikan ia sebagai salah satu komponen dalam sukan Sarawak pada tahun ini iaitu tahun 2019. Jadi, adakah pihak KBS dapat membantu dalam menyokong usaha ini supaya ia dapat dijadikan sebagai satu acara yang lebih berprestij di peringkat antarabangsa.

Ini kerana kalau dilihat pada masa ini Yang Berhormat Menteri, ramai sudah remaja. Ada juga yang remaja tua yang telah melibatkan diri dalam E-Sports ini. Jadi, saya hendak tahu macam mana Yang Berhormat Menteri boleh membantu kita di Sarawak ini. Terima kasih.

■1110

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih, salah satu penekanan khusus Kementerian Belia dan Sukan adalah untuk mengagihkan dana khususnya di peringkat luar bandar dan juga bagi negeri Sabah dan Sarawak.

Oleh sebab itu, melalui E-Sports Tourism Visit Sarawak ada peruntukan yang diturunkan tetapi saya faham *One-Off* peruntukan memang tidak mencukupi dan perlu ditambah.

Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun tadi pada peringkat awal saya maklumkan bahawa pada Belanjawan yang lepas ada dana khas berjumlah RM10 juta yang diperuntukkan dalam bidang *e-sports* tetapi dana tersebut diturunkan kepada agensi lain bukan ke dalam Kementerian Belia dan Sukan dan akhirnya baru dalam minggu ini pengagihan antara RM10 *million* dan RM5 *million* kepada MDEC- RM5 juta kepada KBS diluluskan.

Bila diluluskan ini kami ada cuba sebaik mungkin untuk membantu semua negeri dalam bab pembangunan *e-sports*. Saya pun telah beri maklum balas kepada

Kementerian Kewangan supaya pada Belanjawan pada 2020 akan datang perkara ini tidak berulang lagi kerana KBS perlu melatih pada waktu awal dan bukan sahaja bila tiba bulan Oktober *at the end of the year*. Kementerian akan cuba sebaik mungkin. Kalau ada permohonan daripada Yang Berhormat Batang Sadong tolong maklumkan. Beliau pun mentor saya daripada dahulu. Saya doakan yang terbaik. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Sebelum saya nyatakan soalan saya, saya ingin mengalu-alukan pelawat dari MRSM Pengkalan Hulu, Perak. Selamat datang.

4. **Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah status rundingan terkini berkenaan *Malaysian Agreement 1963 Consultative Committee* yang telah mengadakan beberapa sesi mesyuarat sejak ia ditubuhkan pada tahun 2018. Perincikan apa yang telah dipersetujui antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Sarawak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Kapit atas soalan ini.

Sebelum saya meneruskan dengan jawapan saya bagi soalan yang telah pun dikemukakan pagi ini, ingin saya nyatakan di sini bahawa soalan ini akan saya jawab bersekali dengan soalan-soalan yang berikut iaitu soalan daripada Yang Berhormat Keningau bertarikh 16 Oktober 2019; soalan daripada Yang Berhormat Sarikei bertarikh 22 Oktober 2019; soalan daripada Yang Berhormat Pasir Gudang; Yang Berhormat Saratok bertarikh 29 Oktober 2019; soalan daripada Yang Berhormat Tuaran bertarikh 4 November 2019; soalan daripada Yang Berhormat Kota Marudu bertarikh 7 November 2019; soalan daripada Yang Berhormat Papar; Yang Berhormat Sipitang; dan juga Yang Berhormat Bandar Kuching bertarikh 13 November 2019; dan juga soalan daripada Yang Berhormat Port Dickson bertarikh 28 November 2019.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia yang keempat telah diadakan pada 23 Julai tahun ini yang lalu, mesyuarat telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dihadiri oleh 23 Ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada Menteri-menteri Kabinet Persekutuan, Ketua Menteri Sarawak, Ketua Menteri Sabah dan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan Persekutuan, Sarawak dan Sabah termasuk juga Peguam Negara, Peguam Besar Negeri Sabah dan Sarawak, ahli akademik dan Ketua Hakim Sabah dan Sarawak.

Jawatankuasa Khas Kabinet ini adalah dibantu oleh Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Kerja serta diurusetikan oleh pasukan petugas khas. Sejak awal tahun ini lagi jawatankuasa-jawatankuasa ini telah membincangkan serta telah meneliti isu-isu yang dikemukakan oleh negeri Sarawak dan juga Kerajaan Negeri Sabah.

Buat masa ini sebanyak tujuh isu telah mendapat persetujuan bersama di antara Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Tujuh isu ini adalah seperti tuntutan duti eksport balak dan hasil hutan. Perkara ini telah dipersetujui dan dianggap sebagai selesai oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Negeri Sabah sahaja pada mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Bil. 2/2019- memandangkan penurunan kuasa ataupun, dengan izin, *delegation of power* telah diberikan kepada Jabatan Perhutanan Sabah semenjak 1 Jun 2017 lagi.

Kedua, pengedaran gas dan kuasa kawal selia elektrik dan gas. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bersetuju untuk menyerahkan kuasa kawal selia pengedaran gas di Sarawak mengikut, dengan izin, *Distribution of Gas Ordinance* (DGO) Sarawak 2016. Manakala Kerajaan Negeri Sabah pula bersetuju untuk melaksanakan, dengan izin, *due diligence* sebelum penyerahan kuasa kawal selia gas dan elektrik boleh dilaksanakan.

Ketiga, pelaksanaan kerja raya Persekutuan dan negeri. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Kerja Pemantapan, Kolaborasi Pelaksanaan Projek Persekutuan bagi membincangkan dua mekanisme pelaksanaan projek Persekutuan berdasarkan kepada punca kuasa yang ditetapkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, Perjanjian Malaysia 1963 dan pada waktu yang sama turut mengambil maklum cadangan yang ditanyakan di dalam Jawatankuasa Antara Kerajaan atau, dengan izin, *Inter-Government Committee* (IGC).

Keempat, tenaga buruh Kerajaan Persekutuan secara prinsipnya tiada halangan melaksanakan tuntutan berhubung penurunan kuasa kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak bagi membuat perundangan subsidiari mengenai *labor condition peculiar to the state* di bawah Ordinan Buruh negeri masing-masing.

Kelima, kuasa negeri ke atas isu kesihatan. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas Libat Urus secara berkala untuk membincangkan perkara berkaitan isu pengurusan kesihatan Negeri Sabah dan Sarawak.

Keenam, pentadbiran Pulau Sipadan dan Ligitan. Secara prinsipnya Kerajaan Persekutuan telah pun bersetuju menyerahkan kuasa tadbir urus Pulau Sipadan dan

Ligitan khususnya berkaitan dengan pelancongan kepada Kerajaan Negeri Sabah. Dalam masa yang sama, isu teknikal dan kawal selia keselamatan di kedua-dua pulau ini sedang diperhalusi.

Ketujuh, isu pertanian dan perhutanan. Isu pertanian dan perhutanan- bersetuju untuk digugurkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa ini. Memandangkan kerana kedua-dua perkara ini sudah sememangnya berada di bawah Senarai Kedua, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan iaitu Senarai Negeri.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, satu laporan akhir berhubung dengan hasil semakan termasuk semua isu-isu berkenaan berserta cadangan hala tuju telah siap disediakan untuk dibentangkan kepada Jawatankuasa Khas Kabinet-PEMANDU dalam masa yang terdekat ini. Sekian.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan, apa mekanisme yang akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa ini untuk memastikan pandangan dan aspirasi rakyat Sarawak dicapai.

Saya juga mohon penjelasan tentang perkara-perkara yang belum serta yang tidak dipersetujui kalau ada, setakat hari ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih, kepada Yang Berhormat Kapit atas soalan tambahan ini. Seperti Yang Berhormat Kapit sedia maklum, ada perbezaan dengan kaedah yang telah pun diambil oleh kerajaan terdahulu dan juga kerajaan sekarang berhubung dengan pelaksanaan MA63 ini. Di mana kita dapat lihat bahawa dalam pelaksanaan, Jawatankuasa ini telah pun diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah dan juga Sarawak.

Dalam untuk mengadakan mekanisme untuk memastikan bahawa perkara yang telah pun dibincangkan oleh Jawatankuasa ini akan dapat berterusan, walaupun Jawatankuasa mesyuarat itu pun telah tamat, kita akan menubuhkan satu unit pemantau untuk memastikan semua perkara yang telah pun dibincangkan dalam Jawatankuasa ini dipantau, akan diteruskan dalam masa terdekat untuk memastikan semua isu-isu yang tidak dapat diselesaikan misalnya- bagi saya untuk makluman Yang Berhormat, isu-isu yang bernilai *commercial value* boleh dikira- berapakah kewangan yang tidak dibayar. Isu yang boleh dikira dengan *dollar and cent* ini kita akan dapat selesaikan. Hanya satu, dua isu yang mengenai dengan hak milik tanah ataupun *territorial sea water* ini kita perlu mengadakan perbincangan yang lebih lanjut.

■1120

Jadi itu sahaja, saya yakin bahawa selepas sahaja pihak Jawatankuasa Pemandu mengadakan mesyuarat yang terakhir untuk membentangkan laporan akhir ini, kita akan dapat *the real answer to all the questions that has been raised*. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Hanya pandangan kita ialah 7 perkara itu macam *mundane* sahaja, dengan izin, biasa-biasa kecuali perihal kuasa atas kawal selia pengendalian gas. Perkara lain itu *fairly mundane*, ia dalam *concurrent list in anyway* dan seharusnya telah diberi perhatian sebelum ini. Perkara-perkara pokok yang saya nak tanya Tuan Yang di-Pertua ialah satu, kuasa atas perlombongan minyak dan gas. Ini sudah lama dibincangkan sebelum pun kerajaan yang memerintah sekarang ini mengambil kuasa. Saya rasa ini sangat pokok.

Kedua, perkara *40 percent* pulangan balik kepada negeri Sabah daripada kutipan pendapatan tahunan. Ini perkara pokok dalam IGC. Saya mahu bertanya, bilakah ini akan dimasukkan dalam agenda ataupun apakah proses perbincangan setakat ini? Oleh kerana ini perkara pokok bagi rakyat Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Kota Marudu atas soalan ini. Isu-isu yang seperti isu royalti minyak dan sebagainya telah pun diadakan forum berasingan dengan pihak Menteri Hal Ehwal Ekonomi bersama dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak dan juga Ketua Menteri Sabah untuk membincangkan seterusnya mengenai isu yang tadi saya katakan yang boleh dipersetujui mengenai *commercial value*, di mana boleh dikirakan yang melibatkan *dollar and cents* ini. Pihak kerajaan telah pun bersetuju dengan pihak Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk duduk bersama-sama berbincang.

Jadi, buat setakat ini perbincangan ini masih lagi aktif. Saya telah pun difahamkan bahawa pihak Yang Amat Berhormat juga akan terus berbincang dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah dan Sarawak mengenai isu royalti minyak ini. Saya rasa selepas sahaja kita adakan mesyuarat yang terakhir ini mengenai Jawatankuasa Khas Kabinet ini, maka kita akan dapat tahu apakah hala tuju mengenai laporan akhir yang telah disediakan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tersebut. Memang ini adalah jawapan yang kita nanti-nantikan untuk rakyat Sabah dan Sarawak kerana ini bukan

sahaja penting... [*Dewan riuh*] Dengarlah, belum habis lagi, jangan kacau. Ini kepentingan kita bersama-sama tetapi ini bukan sahaja kepentingan tetapi juga integrasi nasional.

Jadi, memang kita semua nak tahu apa rundingan hak-hak minyak kita semua. Akan tetapi saya hendak tanya secara lanjut pembentukan *committee* untuk memantau, untuk *monitoring* implementasi butiran tersebut kerana saya hendak tahu komposisi, mekanisme dan mana *committee* itu akan diletakkan? Di bawah Parlimen atau di bawah mana-mana? Oleh sebab pemantauan itu adalah sangat penting, implementasi itu adalah sangat penting. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bandar Kuching atas soalan ini. Sememangnya Jawatankuasa Pemandu akan memutuskan komposisi Jawatankuasa Pemantau ini. Apa yang penting sekali ialah bahawa jawatankuasa ini akan mengandungi elemen-elemen dasar, perundangan dan juga operasi pelaksanaan serta mempunyai yang penting sekali Tuan Yang di-Pertua, ialah pelan tindakan, *the way forward* bagi MA63. Jadi, ia tidak akan terhenti setakat ini selepas Jawatankuasa Pemandu tamat dengan mesyuaratnya. Ia akan berterusan dengan Jawatankuasa Pemantau ini. Jadi, saya rasa kita tunggulah bahawa pihak Jawatankuasa Pemandu untuk mengumumkan komposisi Jawatankuasa Pemantau ini.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak boleh-tidak ada hak untuk tambah, cuma *last* satu tadi. Sekarang saya jemput pertanyaan lisan seterusnya, Dato' Mansor bin Othman, Nibong Tebal.

5. Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan bagaimana kerajaan memastikan pelaksanaan kadar baru tarif air tidak membebankan rakyat dan kenaikan tarif air juga adalah sejajar dengan peningkatan mutu dan kualiti perkhidmatan bekalan air.

Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Nibong Tebal. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan nombor 5 bersekali dengan soalan nombor 14 daripada Dato' Jalaluddin bin Alias, Jelebu dan juga soalan nombor 36 pada 7 November 2019 daripada Yang Berhormat

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Jeli bersekitar dengan tarif air. Tuan Yang di-Pertua, cadangan pelaksanaan kadar baru tarif air melalui mekanisme penetapan tarif air yakni *tariff setting mechanism* (TSM) adalah bertujuan untuk mewujudkan *mechanism* penetapan tarif air yang bersistematik, telus serta adil bagi manfaat kita semua. TSM mempunyai dua ciri penting iaitu:

- (i) penyeragaman struktur tarif sedia ada; dan
- (ii) pelarasan kadar tarif sedia ada.

Purata kadar tarif air pada masa ini adalah rendah iaitu RM1.38 bagi setiap 1,000 liter, berbanding kos sebenar iaitu RM2.31 bagi setiap 1,000 liter. Keadaan tarif yang tidak melambangkan kos sebenar ini telah melemahkan kemampuan kewangan operator air dan berisiko menjejaskan kualiti perkhidmatan kepada pengguna. Keadaan ini jika dibiarkan berlarutan akan meletakkan operator air dalam kedudukan kewangan yang lemah. Kesannya, perkhidmatan bekalan air yang berkualiti kepada pengguna tidak dapat diberikan. Tambah lagi, kenaikan kos operasi tahunan tidak diimbangi dengan kenaikan tarif yang setara, sekali gus meletakkan beberapa operator air dalam kedudukan kewangan yang sukar untuk memberi perkhidmatan air yang berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menetapkan kadar tarif air baru di bawah TSM, kerajaan mengambil kira kepentingan golongan berpendapatan rendah terhadap akses kepada bekalan air. Oleh itu, pelarasan tarif air yang dicadangkan adalah minimum iaitu melibatkan kenaikan antara RM0.06 hingga RM0.71 bagi setiap 1,000 liter. Kadar ini secara umumnya jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan bayaran utiliti lain seperti elektrik, gas dan telekomunikasi. Bagi menjamin supaya pelaksanaan TSM tidak membebankan isi rumah berpendapatan rendah, kerajaan akan memastikan kenaikan minimum dilakukan kepada jalur penggunaan antara 0–20 meter padu. Hal ini kerana penggunaan air dalam jalur tersebut adalah mewakili 47.8 peratus penggunaan domestik di Malaysia.

Pelaksanaan TSM adalah merupakan satu kaedah penting untuk menjadikan industri air seluruh negara menjadi lebih mampan dan lestari, terutamanya meningkatkan keupayaan kewangan operator air untuk melaksanakan projek-projek menambah baik infrastruktur, sistem bekalan air seperti pembinaan loji rawatan air baru, menaikkan taraf loji rawatan sedia ada, menggantikan paip uzur dan kerja-kerja penyelenggaraan peralatan.

Dari segi perkembangan ke arah pelaksanaan TSM, saya ingin memaklumkan bahawa sesi konsultasi dengan operator air kerajaan-kerajaan negeri Semenanjung

Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan serta wakil pengguna telah dilaksanakan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Melalui sesi konsultasi yang telah diadakan, penyelesaian mengenai cadangan TSM yang mengambil kira keperluan industri perkhidmatan bekalan air yang berbeza di setiap negeri telah diberikan. Cadangan pelaksanaan TSM dijangka akan dapat dilaksanakan pada tahun hadapan selepas diluluskan oleh Kabinet. Terima kasih.

■1130

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Sebelum soalan tambahan itu, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membaca sedikit ini iaitu bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini para pelajar dan guru dari Sekolah Teluk Mas, Kota Melaka. Dengan ini, kita mengalu-alukan kehadiran mereka... [*Tepuk*] Terima kasih.

Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah dengan cadangan kenaikan kadar ini, pihak kerajaan berhasrat untuk menyelaraskan kadar tarif antara negeri-negeri di seluruh Malaysia supaya perbezaannya tidak begitu ketara di antara negeri tersebut dan ianya dapat dinikmati oleh rakyat negara kita dengan secara saksama?

Juga, adakah kerajaan berhasrat untuk merancang melaksanakan Projek Pembekalan Air Bersih di negeri Sabah dan Sarawak terutamanya, yang sekian lama terpinggir dan tertinggal yang sekarang ini hanya menggunakan tong biru sahaja? Terima kasih.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Terima kasih, Yang Berhormat. Pertama itu, jawapannya, ya. Kedua, untuk Sabah dan Sarawak, daripada segi pengurusan adalah berkenaan dengan negeri itu sendiri tetapi untuk mendapatkan bajet itu tidak ada masalah lah, boleh berunding dengan Kerajaan Pusat.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan yang seterusnya saya beri yang bangun lebih awal iaitu Yang Berhormat Jeli.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Jeli? Mana boleh itu. Dia sebelah sana.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Mana boleh sebelah sana juga, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak apa, nanti sebelah sini.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Ini tidak betul ini.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Yang Berhormat sebut tadi dalam jawapan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jeli, ini bahagian kamilah. *Our turn.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak apa, saya akan bagi peluang lagi.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Tadi Yang Berhormat dalam jawapan menyebut jurang yang amat besar antara kos dengan tarif iaitu RM1 - RM2.30 kos dan RM1.30 purata tarif, angka yang amat besar. Selain daripada menimbangkan kenaikan tarif, apakah tidak ada ruang untuk mengawal kenaikan kos ataupun mengurangkan kos? Ini kerana kita tidak nampak bagaimana jurang yang begitu besar dapat diseparetekan untuk membolehkan badan-badan yang menyediakan air ini dapat menjadi badan-badan lestari dalam jangka panjang. Terima kasih.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut daripada pengiraan yang dibuat- saya bagi contoh di sini, sebenarnya mungkin ramai di antara kita tidak berapa jelas atau faham cara pengiraan macam mana kadar air ini kita dapat. Di sini saya bagi contohlah.

Sebagai contoh, katakan ini berlaku di negeri Pahang, katakan penggunaan air 25 meter padu sebulan. Kalau mengikut pengiraan lama, 18 meter padu didarabkan dengan 37 sen campur dengan baki seterusnya itu 7 meter padu darabkan dengan RM0.79, lebih kurang dalam RM12.19. Itu duit untuk dibayar mengikut pengiraan lama.

Kalau pengiraan baharu- sebab ramai mungkin menganggap bila kenaikan- ia naik, mungkin dia akan naik melambung tetapi tidak sebenarnya. Kalau pengiraan baharu, pengiraannya berdasarkan pada 20 meter padu yang pertama itu didarabkan dengan 70 sen campur dengan lebihan tadi 5 meter padu darab dengan RM1.30 bersamaan dengan RM20.50. Bermakna bezanya tidak jauh beza pun, tidak melambung terlalu tinggi.

Jadi apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Jeli tadi sebenarnya SPAN telah mengambil kira, telah membuat kajian di seluruh Malaysia ini di mana yang saya nyatakan dalam ucapan saya tadi, 47.8 peratus adalah corak penggunaan di jalur pertama, yang pertama tadi. Ini masuk dalam kategori B40. Jadi, kos ini sebenarnya

adalah perbelanjaan operasi sahaja, tidak termasuk capex. Jadi, sebenarnya kos itu amat murah. Terima kasih.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan lagi. Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Baru masuk, Tuan Yang di-Pertua... [*Dewan ketawa*]

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada soalan saya nombor 14, yang pertama ya.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masalah kos air ini, kita sedar kerajaan negeri memang tidak boleh buat *profit* tetapi setuju tidak kerajaan- ataupun saya hendak dapatkan penjelasan kerajaan kerana ini adalah tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Kalau kenaikan ini berasaskan kepada dua kategori- industri dan premis pengguna- itu perkara yang kedua. Industri okey, tetapi masyarakat B40 ini adalah tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

Bagaimana keadaan dan kedudukan paip-paip air yang telah lama yang mana ini tidak dapat digunakan sepenuhnya oleh masyarakat-masyarakat terutamanya masyarakat luar bandar?

Satu yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, adakah kenaikan ini sudah dirundingkan dengan kerajaan negeri berkaitan dengan perubahan atau kenaikan yang bakal dilakukan? Terima kasih.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya pada tahun 2017, pihak kementerian telah membuat rundingan atau penerangan kepada operator air di seluruh negara dan pada tahun 2018, pihak kementerian juga telah membuat penerangan kepada kerajaan negeri. Bermakna penerangan sudah dibuat.

Sepertimana yang saya maklumkan tadi, kenaikan ini mengambil kira golongan B40 di mana kos tarif air yang ditetapkan berdasarkan pada kos yang layak diambil kira sahaja, contohnya kos operasi dan kos pembiayaan modal.

Kedua, kadar tarif ditentukan berdasarkan corak penggunaan air. Maksudnya kalau kita guna sedikit, bayarannya minimum. Kalau kita guna banyak, bayarannya akan

meningkat. Ketiganya, kenaikan adalah minimum iaitu di antara 60 sen hingga 70 sen. Bermakna 70 sen yang paling tinggi sekali bagi setiap 1,000 liter pengguna.

TSM ini tidak menaikkan kadar tarif- ini cadangan ya. Mengikut- ia berperingkat-peringkat dan bukan drastik macam itu. Juga, kita masih menunggu informasi daripada setiap negeri untuk dibawa ke Kabinet tahun hadapan. Terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang perbincangan dengan kerajaan negeri tadi.

6. Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta Perdana Menteri menyatakan, bilakah sistem pendaftaran automatik pengundi berumur 18 tahun ke atas akan dilaksanakan dan jaminan mereka yang berdaftar sekarang akan dimasukkan ke dalam Daftar Pemilih Induk yang layak mengundi pada PRU 15 kelak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan lisan nombor 6 ini daripada Yang Berhormat Dungun berkaitan dengan isu pelaksanaan umur pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik bersekali dengan empat pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sipitang pada 16 Oktober 2019; Yang Berhormat Pontian pada 22 Oktober 2019; Yang Berhormat Bukit Gantang; dan Yang Berhormat Kota Bharu pada 29 Oktober 2019. Ini memandangkan pertanyaan-pertanyaan yang dibangkitkan tersebut menyentuh isu yang sama.

Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang dalam persiapan untuk melaksanakan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan Pendaftaran Pemilih secara automatik berdasarkan kepada pindaan Perkara 119(4), Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Parlimen pada Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas yang lalu.

■1140

Persiapan tersebut termasuklah penyediaan pindaan kepada:

- (i) Peraturan-peraturan Pilihan Raya, Pendaftaran Pemilih 2002;
- (ii) Undang-undang lain yang berkaitan dan juga penyediaan *standard operating procedure* (SOP); dan
- (iii) Penyediaan sistem dan infrastruktur bagi pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilik secara automatik.

Pada keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua, SPR menjangkakan semua perkara ini akan dapat disiapkan pada tempoh kurang lebih 18 bulan sehingga 24 bulan daripada tarikh kelulusan iaitu pada 25 Julai 2019. Jangkaan tarikh pelaksanaan tersebut adalah selewat-lewatnya pada bulan Julai 2021. Jadi, untuk maklumat Yang Berhormat, sekiranya pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik telah berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan, maka adalah menjadi tanggungjawab SPR untuk memastikan setiap warganegara yang telah mencapai umur 18 tahun serta tidak hilang kelayakan sebagai pemilih didaftarkan sebagai pemilih dan mereka layak untuk mengundi pada PRU ke-15.

SPR sedang bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Pendaftar Mahkamah dan agensi-agensi lain yang berkaitan untuk membekalkan maklumat warganegara yang telah mencapai umur 18 tahun dan maklumat warganegara yang hilang kelayakan sebagai pemilih berdasarkan kepada peruntukan Perkara 119(3) Perlembagaan Persekutuan. SPR juga sedang melaksanakan Program Pendidikan Pengundi, promosi dan publisiti untuk memberikan kefahaman terhadap kedua-dua pindaan tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Terima kasih atas jawapan yang diberikan berdasar kepada *International Best Practice* mengikut garis panduan *United Nations*. Maka umur yang telah diluluskan ini adalah sangat munasabah. Cuma perlu kepada persediaan kepada sistem pendidikan Malaysia yang melibatkan Pendidikan Sivik dan Pendidikan Pengundi di bawah Kementerian Pendidikan supaya pengundi di kalangan belia 18 tahun ini mempunyai persediaan yang cukup dalam proses pilihan raya negara yang menentukan hala tuju dan dasar negara pada masa yang akan datang. Mohon penjelasan.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dungun atas soalan tambahan ini. Seperti yang saya katakan tadi, kita memerlukan jangka masa kurang lebih 18 bulan sehingga 24 bulan untuk memastikan infrastruktur dan sistem-sistem untuk memastikan bahawa pemuda yang berusia 18 tahun ini dapat didaftar secara automatik sebagai pengundi dan ini diambil kira juga dengan sistem-sistem yang sedia ada di negara-negara yang lain.

Jadi persediaan ini sentiasa dijalankan seperti saya juga katakan tadi bahawa program pendidikan pengundi juga telah pun dijalankan. Selain daripada itu Yang Berhormat juga kena mengambil peranan di mana parti-parti politik yang dianggotai oleh

Yang Berhormat untuk mengadakan program-program tertentu untuk mengadakan *awareness programme* supaya rakyat terutamanya golongan orang muda ini sedar dengan pindaan Perlembagaan ini.

Jadi ini amatlah penting untuk kita memainkan peranan yang penuh, yang bertanggungjawab untuk memastikan kita memberikan maklumat ini kepada kita punya golongan orang muda.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Soalan tambahan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ingin bertanya..

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Soalan tambahan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pihak Yang Berhormat Menteri tadi menyebut dia juga menjawab soalan saya, jadi saya ada hak untuk bertanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya berikan sebelah sini. Minta Yang Berhormat Setiawangsa.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan saya ucapkan tahniah kerana walaupun kita baru jadi kerajaan tetapi banyak perubahan dalam isu pengundian telah berjaya dilaksanakan seperti undi 18 tahun, pendaftaran automatik dan walaupun pendaftaran automatik masih dalam proses tetapi pendaftaran *online* juga telah bermula, telah dimulakan oleh SPR dan ini adalah perkara-perkara yang telah lama kita minta, tidak dapat dilaksanakan sehingga pertukaran kerajaan, baru dapat dilaksanakan.

Cuma yang saya hendak tanya, Yang Berhormat Setiawangsa hendak tanya ialah selain daripada proses pendidikan yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri dan saya pernah baca disebut oleh Menteri Pendidikan juga, apa lagi cara-cara lain untuk memastikan kesedaran keluar mengundi itu tinggi kerana selepas ini ada dua segmen. Satu ialah pengundi 18 tahun hingga 21 tahun yang sebelum ini tidak pernah menjadi pengundi dan kedua ialah segmen yang tidak pernah daftar mengundi yang juga akan *automatically* masuk dalam daftar pemilih.

Jadi, kita risau sebab selama ini kita berbangga, Malaysia kadar peratusan mengundi adalah sangat tinggi tetapi itu kerana sebelum ini yang turun mengundi itu di kalangan yang memang minat untuk daftar mengundi. Tapi bila sudah ada *automatic registration*, kita risau kita akan jadi macam banyak negara-negara lain seperti di Amerika, di Britain dan sebagainya yang mana peratusan mengundi adalah sangat rendah.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiawangsa atas soalan tambahan ini. Tidaklah dapat kita nafikan bahawa dengan pindaan Perlembagaan ini telah pun mengubah *political landscape* di negara kita untuk selamanya kerana kita telah pun memberikan peluang kepada pihak pengundi yang berusia 18 tahun untuk mengundi untuk memilih wakil rakyat mereka dan untuk menubuhkan kerajaan yang akan datang pada PRU Ke-15. Jadi, ini adalah satu reformasi yang terbesar sekali *I think* dalam negara kita ini sejak merdeka. Jadi, ini adalah satu pendekatan daripada kerajaan baharu untuk memberikan makna kepada demokrasi kepada orang muda kita.

Jadi persediaan yang seperti saya katakan tadi ialah untuk mengadakan bukan saja pendidikan tetapi promosi dan juga publisiti selain daripada peranan daripada pihak *political party* untuk mengadakan *roadshow* untuk mereka memastikan yang belum–yang telah pun layak menjadi pengundi itu dapat semaklah sama ada mereka telah pun didaftar secara automatik. Apabila sistem itu akan diadakan maka pihak SPR akan mengumumkan kepada semua untuk menyemak sama ada mereka telah pun didaftar secara automatik. Untuk maklumat Yang Berhormat bahawa kita akan mengadakan kurang lebih 22.7 juta pengundi menjelang PRU yang akan datang sekiranya PRU ke-15 diadakan pada tahun 2023 iaitu tamatnya tempoh masa 5 tahun.

Daripada penduduk yang kurang lebih 33 juta, *does mean* rakyat Malaysia yang mengundi kurang lebih 68% akan berhak untuk mengundi pada PRU ke-15 nanti. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Okey satu lagi sebab saya ada bertanya soalan yang soalan yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya hendak teruskan sebab hendak mencapai beberapa persoalan yang banyak lagi. Saya jemput Yang Berhormat Labuan.

7. **Datuk Rozman bin Isli [Labuan]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk memohon semula kelulusan pembinaan Litar Sukan Permotoran Antarabangsa Labuan (*Labuan International Motorsports Circuit*) di Kiansam, Wilayah Persekutuan Labuan yang sudah diluluskan tapi dibatalkan sebelum ini.

Timbalan Menteri Wilayah [Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Labuan, Kementerian Wilayah Persekutuan

mengambil maklum akan kelulusan pembinaan Litar Mini Permotoran di Wilayah Persekutuan Labuan yang telah tidak dapat diteruskan pelaksanaannya melalui surat arahan Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri, Wilayah Persekutuan bertarikh 13 Julai 2018 berikutan dari arahan kerajaan untuk tidak meneruskan projek yang berstatus belum mula.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan mesyuarat]

Untuk makluman Yang Berhormat Labuan, projek untuk membina Litar Mini Permotoran di Lot tanah 9845 dan Lot tanah 9148, seluas tanah 15.2 ekar di Kiam Sam Labuan, dengan anggaran kos RM3 juta diluluskan pada bulan Julai 2018. Walau bagaimanapun, pada bulan Februari 2018, pihak perbadanan Labuan telah menerima satu cadangan pembangunan oleh pihak swasta untuk membina litar permotoran antarabangsa Labuan dengan kos sebanyak RM20 juta.

■1150

Maka itu pihak Perbadanan Labuan telah meminta supaya satu cadangan yang lebih menyeluruh untuk diselaraskan semula bersesuaian dengan peruntukan yang telah diluluskan. Buat setakat ini cadangan litar permotoran di tapak yang sama perlu dikaji dan disemak semula kesesuaiannya kerana telah ada pembangunan di kawasan sekitarnya yang telah diluluskan bagi tujuan kediaman pekerja dan pejabat di bawah projek Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Labuan. Terima kasih.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya yakin kajian kebolehlaksanaan yang dimaksudkan adalah lebih kepada kajian lokasi, saiz dan reka bentuk. Bilakah kajian itu akan dimulakan? Sementara menunggu hasil kajian dan kelulusan peruntukan yang mencukupi untuk *Labuan Mini International Motorsports Circuit* tersebut bolehkah Kementerian Wilayah Persekutuan mengadakan acara perlumbaan *Street Circuit Mini GP Bike, pocket bike* dan *go-kart* sebagai salah satu acara utama tahunan *Labuan Sport Tourism*, ia sangat diperlukan untuk mengurangkan kemurungan ekonomi Labuan sekarang ini.

Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Pihak Perbadanan Labuan (PL) masih menunggu cadangan balas daripada pihak yang telah mengemukakan cadangan awalnya tetapi saya ingin sebutkan di sini bahawa pihak Perbadanan Labuan bersedia untuk menimbang dan menerima apa-apa jua cadangan

daripada mana-mana pihak untuk mengadakan sukan permotoran di kawasan ataupun di Labuan.

Sebagai contohnya, Perbadanan Labuan mempunyai kemudahan-kemudahan untuk mengadakan sukan permotoran, untuk mengadakan lumba motor seperti *cub prix* dan sebagainya dengan menggunakan laluan dan jalan-jalan contohnya dalam kawasan bandar setelah mengambil kira soal keselamatan bagi laluan-laluan yang telah dipilih. Dengan itu saya ingin menjemput mana-mana *players* sukan motor untuk datang ke Labuan untuk mengadakan sukan yang disebutkan tadi. Terima kasih.

8. Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta Perdana Menteri menyatakan status terkini usaha menaik taraf status 5,000 guru KAFA yang memiliki diploma dan ijazah ke perjawatan tetap.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]: *Bismilahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Jerai di atas soalan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan hari ini menghargai segala sumbangan dan peranan guru KAFA dalam pendidikan al-Quran dan fardu ain. Kelas KAFA ini sendiri menyumbang kepada generasi celik al-Quran dan membasmi kadar buta al-Quran yang agak tinggi. Walaupun perkembangan pendidikan KAFA dilihat sebagai sangat positif, namun wujud isu-isu tertentu termasuk yang melibatkan isu perjawatan guru dan penyelia KAFA yang dilihat masih terabai sejak penubuhannya 29 tahun yang lalu.

Kebanyakan isu tersebut pernah mendapat teguran oleh Jabatan Audit Negara dalam laporan audit jabatan berkenaan pada tahun 2014 yang mengesyorkan supaya dilaksanakan satu kajian ataupun penilaian semula yang menyeluruh terhadap pelaksanaan Program KAFA dengan memberi tumpuan kepada masalah yang sering berbangkit seperti pencapaian *outcome* serta menentukan faktor yang memberi kesan kepada kecekapan dan keberkesanan program dan seterusnya merangka pelan jangka panjang untuk penambahbaikan program.

Ini di antara syor-syor yang diberikan oleh Jabatan Ketua Audit Negara. Maka berdasarkan perkara di atas JAKIM telah menubuhkan satu *taskforce* yang dipimpin oleh saya sendiri yang melibatkan agensi-agensi seperti Kementerian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia, daripada Oktober 2018 sehingga April 2019. Tujuan penubuhan pasukan khas ini adalah untuk mengkaji dan menyemak serta mencadangkan semula tugas dan tanggungjawab guru serta penyelia KAFA secara bersama.

Hasil daripada dapatan *taskforce* tersebut disarankan supaya KAFA perlu distrukturkan semula. Di antaranya ialah hasil pembelajaran daripada tiga hari kepada lima hari. Kemudian melihat semula kepada kokurikulum dan keberhasilan pelaksanaan kokurikulum tersebut. Melihat juga kepada kemenjadian murid, pembentukan peribadi atau sahsiah dan pembentukan nilai dalam diri murid. Ini memerlukan kepada latihan guru yang intensif serta melihat kepada pedagogi, alat bantu mengajar, premis KAFA juga harus kita lihat semula.

Maka dengan itu ia harus melihat kepada aspek *memorandum of understanding* dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk latihan guru, untuk penggunaan premis sekolah-sekolah kebangsaan untuk tujuan kelas KAFA dan sebagainya. Berdasarkan kepada penemuan yang disebutkan, kerajaan berhasrat untuk melihat kebajikan guru KAFA diberi perhatian serius. Namun, oleh kerana kekangan dasar pada hari ini yang melibatkan dasar perkhidmatan awam yang kejut maka secara langsung guru-guru KAFA juga tertakluk kepada dasar ini.

Akan tetapi ini tidak bermaksud usaha kita terhenti sehingga setakat ini, kerajaan akan meneruskan usaha untuk memperkasakan pendidikan KAFA termasuk kebajikan guru-guru KAFA. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Cuma saya membawa sungutan daripada pihak guru-guru KAFA mengenai perjawatan penyelia guru KAFA yang sekarang S19 berbanding dengan penyelaras pentadbiran masjid yang telah pun dinaikkan ke S29.

Saya minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, untuk memfokuskan terhadap penilaian KAFA yang berjumlah 350 orang untuk dinaiktaraf, sekian.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Tuan Yang di-Pertua, kita maklum berkenaan dengan keadaan ini, guru KAFA, penyelia KAFA, selama 30 tahun perkara ini tidak ada banyak penambahbaikan. Saya ambil maklum berkenaan dengan status itu dan memang ini juga antara perkara yang kita sedang kaji. Terima kasih.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam usaha kita memperkasakan pendidikan Islam pada beberapa peringkat

khususnya KAFA, banyak perkara yang perlu kita lihat antaranya membangunkan aspek pengurusan dan infrastruktur pendidikan KAFA itu sendirinya kerana ia boleh mempengaruhi kualiti dan juga boleh mempengaruhi tumbuh besar anak-anak kita itu sendiri. Jadi sejauh mana kementerian telah memikirkan dan juga merancang perkara ini untuk dilaksanakan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Tuan Yang di-Pertua, ini yang saya katakan tadi apa yang telah dilaksanakan dalam *taskforce* tadi di mana kita melibatkan kementerian-kementerian lain dan agensi-agensi yang lain. Kita melihat secara holistik di dalam aspek di mana kokurikulum itu boleh membawa kepada pembentukan nilai contohnya. Bagaimana kita hendak mendidik anak-anak kita bukan setakat kita mengajar Al-Quran dan Fardu Ain tetapi membentuk nilai dalam murid daripada kecil.

Ini harus kita serapkan dalam kokurikulum dan juga cara kita melaksanakan kokurikulum tersebut dan di sinilah latihan guru itu amat penting, premis itu amat penting, alat bantuan mengajar juga amat penting. Ini saya yakin termasuk di dalam infrastruktur yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tampin tadi. Oleh sebab itulah saya katakan usaha ini akan berterusan, dapatan-dapatan daripada *taskforce* ini akan kita laksanakan.

■1200

Kita akan sentiasa mencari jalan bagaimana kita hendak bawa penambahbaikan tadi. Apa yang kita sedang rangka pada hari ini Yang Berhormat Tampin, ialah untuk membuat projek rintis, untuk melaksanakan semua ini, dapatan-dapatan daripada *task force* tadi buat projek rintis melibatkan setiap negeri. Ada premis yang kita akan pilih, sekolah yang kita akan pilih dan kemudian akhirnya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah Yang Berhormat bercadang untuk menaikkan elaun guru KAFA daripada RM900 kepada RM1,100?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau. Soalan belum habis dijawab. Silakan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Jadi, projek rintis ini kita harap kita boleh laksanakan secepat mungkin dan di situ lah kita akan laksanakan apa yang kita hasratkan tadi. Terima kasih Yang Berhormat Tampin.

10. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta Menteri Industri Utama menyatakan perbandingan harga-harga setan atau sekilo pada 1 April 2018 dibandingkan pada 1 Oktober 2019 iaitu BTS sawit, getah sekerap, koko, lada hitam dan komoditi lain bawah kawalan kementerian. Nyatakan langkah-langkah terperinci untuk menaikkan harga komoditi tersebut dan berapa ramaikah pekebun kecil dan industri yang terlibat dengan setiap komoditi.

Menteri Industri Utama [Puan Teresa Kok Suh Sim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekijang pada 22 Oktober, Yang Berhormat Sungai Besar pada 4 November, Yang Berhormat Lawas pada 7 November, Yang Berhormat Julau dan Yang Berhormat Serian pada 13 November serta Yang Berhormat Dungun pada 28 November dan juga menyentuh tentang perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak komen bermula dengan bentuk soalan ini. Di mana soalan ini terlalu banyak isu dibangkitkan. Terlalu banyak jenis komoditi dan ia berbanding pada 1 April 2018 dengan 1 Oktober 2019. Pada 1 April 2018 Tuan Yang di-Pertua, itu adalah hari *April Fool* dan itu hari Ahad. Yang Berhormat Pontian tanya sama ada perbandingan harga-harga yang mana beliau tidak semak langsung. Hari Ahad pun mahu saya laporkan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Hari Ahad tidak ada harga kah?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Memang tidak ada urusan niaga.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Hari Ahad tidak ada?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tidak ada.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tidak ada harga komoditi pada hari Ahad?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tidak ada.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tentu ada.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Biar saya jawab. Biar saya jawab.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Hari Ahad ada harga komoditi.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Hari Ahad Johor kerja, Yang Berhormat Pontian.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tidak akan hari Ahad harga komoditi kosong?

Tuan Yang di-Pertua: Bagi Yang Berhormat Menteri menjawab dulu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Harga komoditi memang berbeza mengikut tempat-tempat yang diniagakan. Harganya berbeza di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan juga soalan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Pontian ini memang tidak spesifik. Ini soalan yang kurang bijak tetapi saya akan jawab dengan sebijaknya.
[Tepuk]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hidup buluh!

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sebuah harga buah tandan segar (BTS) bergred A pada 2 April, saya tidak akan jawab 1 April, saya jawab 2 April, harganya di Semenanjung adalah RM529 per tan. Manakala, pada 1 Oktober pula harga BTS adalah sekitar RM408 per tan. Harga getah *cup lump* adalah sekitar RM1.90 sen per kilogram di Semenanjung pada 2 April 2018. Manakala, pada 1 Oktober 2019, harga *cup lump* telah meningkat RM2 sekilogram. Bagi komoditi koko pula, harga di Semenanjung pada 2 April adalah sekitar RM6,650 per tan, manakala harga pada 1 Oktober 2019 telah meningkat RM7,050 per tan. Harga pada semalam adalah RM7,300 per tan. Selain itu, harga bagi komoditi lada hitam adalah RM11,763 per tan pada 2 April 2018 dan RM7,400 per tan pada 1 Oktober 2019.

Jadi, menyedari hakikat kejatuhan harga komoditi, pihak kementerian sentiasa meneroka pasaran baharu sebagai salah satu usaha untuk menstabilkan harga komoditi negara. Antara pasaran baharu yang telah diteroka adalah Afrika, Turkey, Iran, Mesir, Magribi, Columbia dan sebagainya melalui siri misi ekonomi, pelaburan dan teknikal serta mesyuarat. Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat Pontian atas jumlah pekebun kecil mengikut sumber daripada pangkalan data pekebun kecil Kementerian Industri Utama, bilangan pekebun kecil persendirian dan tersusun sehingga tahun 2018 bagi komoditi sawit adalah lebih kurang setengah juta. Komoditi getah adalah seramai 441,937 orang, komoditi koko seramai 13,800 orang, komoditi lada seramai 30,311 orang dan komoditi kenaf seramai 856 orang. Jadi, kerana masa sudah sampai, saya tidak akan ganggu persidangan Dewan ini. Terima kasih atas soalan daripada Yang Berhormat Pontian dan juga Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin satu soalan tambahan, untuk bersikap adil.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Rakyat pada 1 April tetap menoreh getah, ada kelapa sawit. Mereka terus bekerja, yang tidak bekerja— di Johor pun kerja pada hari Ahad dan ada negeri-negeri yang bekerja.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Urus niaga berlaku di Johor hari Ahad.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Maklumat yang diberikan oleh pegawai-pegawai Menteri itu saya rasa tidak berapa betul lah. Hari Ahad ada negeri-negeri yang kerja pun ya. Okey. Terima kasih. Jadi, sebelum hendak kata saya bodoh itu, fikir dua tiga kali. Afrika, Turkey, Iran, Magribi adalah contoh-contoh yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri dari segi pasaran. Terima kasih lah. Akan tetapi dalam dunia ini, ini empat contoh negara. Dalam dunia ini ada 194 negara ya, Yang Berhormat Menteri. Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri telah berbincang dengan Wisma Putra dan meminta supaya duta-duta kita di luar negara menjadikan KPI untuk menjual sawit, getah dan juga komoditi utama di negara-negara yang mereka wakili? Itu soalan yang pertama.

Kedua, adakah Yang Berhormat Menteri dan kementerian ingin mengambil tindakan undang-undang terhadap Kesatuan Eropah (EU) yang diberitakan melanggar prinsip pertubuhan perdagangan dunia berhubung tentang industri sawit khususnya. Terima kasih. Jangan marah-marah. Jangan marah-marah.

Tuan Yang di-Pertua: Semuanya terkeluar daripada soalan asal. Jawab bertulis lah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Singkat sahaja Tuan Yang di-Pertua. Singkat sahaja. Di Johor kalau ada kerja tetapi kita tidak ada harga yang dicatat. Jadi, Yang Berhormat sebagai bekas Timbalan Menteri haruslah tanya dengan lebih bijak lah. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan duta dari Wisma Putra, memang sekarang ramai pegawai diplomat yang dihantar ke luar negara, mereka akan datang bagi satu sesi oleh pegawai di kementerian saya, khususnya tentang isu berkenaan dengan sawit.

Semalam saya baru berjumpa dengan dua orang pakar duta yang dihantar pergi ke negara Peru dan juga Spain. Mereka berjumpa dengan saya dan saya bagi cadangan kepada kedua-dua pakar duta itu berkenaan dengan kes kita, *complain* kita kepada WTO. Memang kementerian saya tengah bekerjasama dengan Jabatan Peguam Negara dan saya masih tunggu Jabatan Peguam Negara untuk siapkan semua persediaan dan kita akan failkan kes kita kepada WTO secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat. Kenapa kita tidak pulihkan hubungan kita dengan China dan India untuk terus membeli kelapa sawit? Mereka beli kelapa sawit dekat Indonesia. Itu yang patut bagi perhatian. Pergi Magribi

semua, dia minum *olive oil* lah. Dia tidak ambil kelapa sawit. Yang Berhormat cerita pergi negeri sana, negeri sini, berapa banyak telah dijual?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tadi saya sebut pasaran baharu. Dengar baik-baik. Pasaran baharu. India dan China ini adalah pasaran sedia ada.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pasaran lama itu lebih besar daripada yang baharu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Memang sudah mereka beli banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Masa untuk jawapan lisan sudah pun tamat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita kena pulihkan pasaran lama kita yang lebih besar dari pasaran baharu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan kehadiran sebahagian dari jentera Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen Tumpat. *[Tepuk]*.

Tuan Yang di-Pertua: Selamat datang ke Dewan Rakyat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.46 pg.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan D.R. 28/2019 Rang Undang-undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019, seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 4.00 petang hari Jumaat, 11 Oktober 2019.”

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

■1210

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PUSAT PENCEGAHAN JENAYAH KEWANGAN NASIONAL 2019

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.11 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019 dibacakan kali yang kedua sekarang. Tuan Yang di-Pertua, ancaman daripada jenayah kewangan pada masa ini adalah amat membimbangkan. Negara kehilangan berbilion ringgit akibat daripada kegiatan penjenayah termasuk aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pelarian cukai pendapatan, pengelakan cukai dan duti kastam, penyeludupan barang larangan seperti rokok dan minuman keras, penyalahgunaan subsidi, barang seperti LPG, diesel dan minyak masak dan penyalahgunaan insentif cukai di zon bebas cukai.

Global Financial Integrity (GFI) telah meletakkan Malaysia pada kedudukan 10 teratas dengan jumlah terbesar aliran wang keluar secara haram bagi tempoh 2005 sehingga 2014 sebanyak USD436.2 bilion. Menangani jenayah kewangan ini semakin kompleks, melibatkan skala yang besar, merangkumi pelbagai kesalahan di bawah undang-undang yang berbeza. Semakin banyak melibatkan jenayah rentas sempadan. Aktivitinya juga sering disembunyikan di bawah lapisan entiti atau personaliti di dalam dan di luar negara. Hasil kegiatan haram ini pula akan dipindahkan secara sistematik di dalam dan di luar negara melalui berbagai-bagai cara.

Sifat dan modus operandi jenayah kewangan yang dinamik ini menyebabkan tindakan pencegahan jenayah kewangan ini semakin rumit. Ditambah lagi dengan faktor cabaran menangani jenayah rentas sempadan disebabkan sempadan negara yang luas dan porous, penguatkuasaan yang dikompromikan melalui unsur rasuah dan sogokan,

penyalahgunaan insentif cukai, kelemahan penguatkuasaan dan sindrom *working in silo*, dengan izin dan kurangnya inisiatif atau tindakan penguatkuasaan secara komprehensif. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, pendekatan baharu pencegahan jenayah kewangan secara holistik dan strategik melalui penubuhan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional ataupun dikenali sebagai NAFCC iaitu *National Anti-Financial Crime Centre* wajar dilakukan.

Penubuhan NAFCC akan memberi impak yang positif dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan hasil negara dan mengekang ketirisan dalam pengurusan dana awam melalui pelaksanaan operasi bersepadu. Artikel 48 dan 49 *United Nations Convention Against Corruption* (UNCAC) yang telah diratifikasikan oleh Malaysia pada 28 September 2008 menyatakan negara-negara ahli perlu melaksanakan kerjasama dan siasatan bersepadu antara agensi penguat kuasa bagi mempertingkatkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan undang-undang dalam memerangi jenayah rasuah.

Penubuhan NAFCC ini juga adalah selaras dengan syor 38 dan 39 *oslo statement on corruption involving vast quantities of assets* yang telah dibuat pada 14 Jun 2019 yang lalu di Oslo Norway yang menekankan supaya kerjasama dan siasatan bersepadu antara agensi penguat kuasa dilaksanakan dengan lebih menyeluruh terutamanya yang melibatkan kes-kes jenayah transnasional.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan penubuhan NAFCC adalah merupakan inisiatif 5.31 Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang dilancarkan pada 29 Januari 2019 yang menggariskan enam bidang keutamaan yang menjadi teras dalam usaha membanteras rasuah dalam negara. Inisiatif 5.3.1 ialah untuk menubuhkan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional sebagai agensi yang berwibawa dalam pengurusan aset yang dirampas dan dilucut hak melalui penguatkuasaan bersepadu. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, NAFCC bukanlah penubuhan sebuah agensi penguat kuasa yang baharu dan tidak mempunyai kuasa siasatan.

NAFCC bertindak sebagai penyelaras operasi bersepadu bersama agensi penguat kuasa undang-undang. Justeru, NAFCC tidak akan menghakis, memansuhkan atau menyingkir fungsi atau kuasa agensi penguat kuasa yang sedia ada. Tuan Yang di-Pertua, RUU Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019 ini mengandungi tujuh bahagian kesemuanya. Bahagian I mengandungi dua fasal mengenai tajuk ringkas akta dan takrifan. Bahagian II mengandungi dua fasal mengenai penubuhan NAFCC dan fungsinya iaitu:

- (a) menyelaraskan dan bekerjasama dalam operasi bersepadu dengan agensi penguat kuasa;
- (b) menubuhkan pentadbiran dan menyelenggarakan suatu sistem data berpusat; dan
- (c) menjalankan aktiviti lain yang berhubungan dengan pencegahan jenayah kewangan.

Bahagian III pula mengandungi lima fasal mengenai penubuhan Lembaga Penasihat dan fungsinya adalah lain, memberi nasihat mengenai hala tuju dan juga pelan strategik NAFCC. Lembaga Penasihat NAFCC terdiri daripada pengerusi, tidak lebih daripada lima anggota lain yang dilantik dan Ketua Pengarah NAFCC. Anggota Lembaga Penasihat akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri bagi tempoh tidak lebih daripada tiga tahun. Selain daripada itu, setiap anggota Lembaga Penasihat NAFCC juga dikehendaki untuk menzahirkan kepentingannya yang bercanggah dengan apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Lembaga Penasihat dan kegagalan menzahirkan kepentingan merupakan suatu kesalahan.

Hal ini adalah penting bagi memastikan ketelusan dalam setiap keputusan atau nasihat yang diberikan oleh Lembaga Penasihat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini tentang peruntukan mengenai pelantikan Pengerusi Lembaga Penasihat di fasal 5 dan pelantikan Ketua Pengarah NAFCC di fasal 12. Dasar kerajaan pada masa ini ialah menetapkan pelantikan jawatankuasa pengerusi dan Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dibuat melalui Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk melantik jawatan-jawatan utama perkhidmatan awam.

Bagi pelantikan Pengerusi Lembaga Penasihat dan juga Ketua Pengarah NAFCC, setelah beberapa sesi libat urus dengan pemegang taruh dengan izin, *the stakeholder*, kerajaan telah mengambil kira pandangan mereka dan mengambil inisiatif bahawa pelantikan Pengerusi Lembaga Penasihat dan Ketua Pengarah NAFCC akan dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tersebut.

Bahagian IV mengandungi dua fasal mengenai jawatankuasa eksekutif dan fungsinya yang terdiri daripada Ketua Pengarah NAFCC sebagai pengerusi, timbalan ketua pengarah nafcc sebagai timbalan pengerusi, pendakwa raya atau wakilnya dan

mana-mana pengarah siasatan atau pengarah siasatan penggubahan wang haram daripada agensi penguat kuasa atau pegawai lain yang sama kedudukan bagi mana-mana agensi kerajaan yang lain, yang akan dilantik oleh Ketua Pengarah NAFCC.

■1220

Antara fungsi jawatankuasa eksekutif adalah untuk menentukan hala tuju NFCC dalam mencegah jenayah kewangan, meluluskan dan memantau mana-mana operasi bersepadu dan menentukan polisi operasi yang berhubungan dengan operasi bersepadu dan sistem data berpusat.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian kelima mengandungi dua fasal mengenai pelantikan ketua pengarah, timbalan ketua pengarah dan pegawai lain NAFCC. Ketua Pengarah NAFCC akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri. Manakala Timbalan Ketua Pengarah NAFCC akan dilantik oleh Perdana Menteri.

Bahagian keenam mengandungi tiga fasal mengenai operasi bersepadu dan sistem data berpusat. Di bawah NAFCC, operasi bersepadu untuk menangani jenayah kewangan akan dilaksanakan oleh NAFCC dengan peranannya sebagai penyelaras dan bekerjasama dengan agensi penguat kuasa.

Bahagian enam Tuan Yang di-Pertua, juga mengadakan peruntukan yang membenarkan NAFCC menubuhkan, mentadbir, menyelenggarakan dan menguruskan sistem data berpusat bagi jenayah kewangan dan untuk menganalisis data dalam sistem data berpusat itu. NAFCC juga diperuntukkan kuasa mendapatkan maklumat daripada mana-mana orang menurut tatacara yang diperuntukkan dalam akta ini.

Maklumat ini adalah tertakluk kepada setakat mana pemberian maklumat itu dibenarkan di bawah undang-undang bertulis. Namun begitu, terdapat peruntukan yang melindungi mana-mana orang yang menzahirkan maklumat daripada di dakwa bagi apa-apa kesalahan, prosiding atau tuntutan oleh mana-mana pihak selagi mana maklumat yang diberikan itu bukan maklumat yang palsu.

Bahagian ketujuh Tuan Yang di-Pertua, mengandungi peruntukan-peruntukan am seperti permulaan pendakwaan, kewajipan menjaga kerahsiaan maklumat atau dokumen, perlindungan kepada NAFCC, Lembaga Penasihat, jawatankuasa eksekutif, mana-mana pegawai NAFCC atau mana-mana orang yang bertindak secara sah bagi mematuhi apa-apa arahan penunjuk atau perintah kedua, pengarah dan peruntukan-peruntukan am yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini juga mengandungi jadual yang menyenaraikan kesalahan yang ditafsirkan sebagai jenayah kewangan. Kesalahan yang disenaraikan dalam jadual adalah sebagaimana yang disenaraikan dalam jadual kedua kepada Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, Akta 613. Walau bagaimanapun senarai dalam jadual dalam akta ini boleh dipinda dengan kuasa menteri melalui perintah yang disiarkan dalam warta.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan NAFCC adalah suatu dimensi kerjasama dan kolaborasi berbagai-bagai agensi penguat kuasa dan jabatan-jabatan terbabit dalam membanteras jenayah kewangan. NAFCC adalah sebuah agensi kerajaan yang diwujudkan dan berfungsi sebagai suatu platform strategik dan holistik di peringkat nasional selaras dengan manifestasi dan komitmen kerajaan dalam menangani jenayah kewangan.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional, Penyelarasan Operasi Bersepadu dan Perhubungan Dengan Jenayah Kewangan Dalam Kalangan Entiti Kerajaan dan Agensi Penguat kuasa dan Pengurusan Sistem Data Berpusat dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya telah menerima senarai tetapi tidak ada senarai daripada pihak PAS. Tolong berikan senarai kepada saya.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:
Kuala Terengganu

Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kuala Krai.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat.

Tuan Yang di-Pertua: Senarai bertulis saya tidak terima. Tidak mengapa. Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya hendak *clearkan*. Saya hendak setuju.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga orang? Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Kuala Terengganu? Itu sahaja?

Beberapa Ahli: Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jerailah tadi. Bukan?

Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Bukan Yang Berhormat Jerai. Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Tumpat.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukup. Yang Berhormat Arau ada? Jangan risau, Yang Berhormat Arau ada hari ini. Yang Berhormat Rembau ada. Yang Berhormat Pontian ada. Yang Berhormat Paya Besar ada. Paya Jaras tidak ada. Okey terima kasih. Baik.

Oleh kerana hari ini hari Khamis dan esok adalah pembentangan bajet, belanjawan dan sudah tentu kita tidak boleh terlalu lewat. Saya kira-kira melihat kepada jumlah yang ada kemungkinan Yang Berhormat Menteri boleh menjawab pada pukul 5.

Oleh itu saya ingin hadkan 15 minit seorang memadai 15 minit. Kalau saya beri 15 minit pun kadangkala menjadi 20 minit. Ada 15 minit. Kalau tidak, Yang Berhormat Menteri tidak akan ada peluang menjawab.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Masalah Tuan Yang di-Pertua ini bagus, *hat* seorang lagi bagus. *Hat* seorang lagi itu kejam sedikit. Dia kira hendak garang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapa. Kita mulakan sekarang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau hendak garang turun jadi Ahli Parlimen biasa. Kalau hendak jadi Tuan Yang di-Pertua kena adil macam Tuan Yang di-Pertua. Jadi kami minta maaf. Saya lawan balik baru dia tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Cuma 15 minit, 15 minit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami pun anak jantan juga. Tidak takut punya.

Tuan Yang di-Pertua: Ada 15 minit tetapi kemungkinan pada akhir-akhir waktu itu kita kena *adjust* sedikit. Mungkin 10 minit lebih sedikit, kurang sedikit. Jadi mengikut senarai yang ada pada saya, nama pertama di pihak pembangkang, pihak minoriti ialah Yang Berhormat Pontian. Yang Berhormat Pontian boleh mulakan 15 minit.

12.27 tgh.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Pada bulan Mac 2011 sehingga November 2014, kerajaan ada apa yang dipanggil sebagai PPK iaitu pasukan petugas khas pelbagai agensi bagi menangani jenayah kewangan ini. Kemudian pada Disember 2014 hingga Julai 2015, kerajaan menubuhkan AMLTF atau *Anti-Money Laundering Tasks Force*, kerajaan yang terdahulu.

Bererti ini bukan perkara baru. Ada sejarahnya maka wujud NFCC ini. Pada 8 Ogos 2015 hingga Disember 2018, diwujudkan *National Revenue Recovery Enforcement Team* dengan izin. Jadi ini adalah sambungan kepada tiga inisiatif Kerajaan Barisan Nasional sejak Mac 2011 hingga 2018.

Saya difahamkan bahawa sejumlah aliran kewangan haram yang begitu besar bagi Malaysia. Akan tetapi adakah angka ini tepat atau pun tidak, ini disebut oleh Datuk Seri Haji Mustafar Ali dalam satu taklimat bahawa jumlahnya ialah USD435 bilion antara tahun 2006 hingga tahun 2015 dalam RM1,822 bilion jumlahnya dalam masa sembilan tahun ataupun RM202 bilion setahun.

Disebut salah nyata harga, satu lagi ialah kewangan haram. Saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri, apa maksud salah nyata harga dalam kenyataan yang diberikan nota taklimat oleh Datuk Seri Mustafar Ali, Ketua Eksekutif NAFCC itu. Kemudian, itu soalan pertama. Kenyataan pertama ialah bahawa ini adalah lanjutan.

■1230

Dalam Rang Undang-undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019 ini, disebut fungsi lembaga penasihat untuk menasihati Perdana Menteri mengenai apa-apa perkara berkaitan pencegahan jenayah kewangan.

Maka, saya ingin mencadangkan agar antara kerja atau fungsi lembaga penasihat ini iaitu hendaklah dibuat tender terbuka jika syarikat-syarikat GLC ingin melupuskan aset-aset. Tujuannya adalah untuk menjual dengan harga dan mendapatkan untung maksimum. Begitu juga jika GLC itu membeli, maka— supaya pembelian itu tidak rugi.

Sebagai contoh, aset Khazanah tahun 2008 hanya sebanyak RM33.7 bilion tetapi tahun 2017, aset Khazanah meningkat kepada RM115.6 bilion. Begitu banyak yang dibeli dalam tempoh tahun 2008 sehingga tahun 2017. Tadi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyebut jual, jual, jual. Nampak macam negatiflah,

macam teruk sangat era Barisan Nasional. Akan tetapi, faktanya, harta dan aset Khazanah meningkat. Itu satu perkara yang amat penting.

Di manakah senarai kalau kita hendak dapatkan untuk pembelian-pembelian ini dan penjualan-penjualan atau pelupusan-pelupusan aset ini? Sebagai contoh, Boustead menjual Hotel Royale Chulan kepada Singapura pada Februari 2019 sejumlah RM197 juta. Kalau ada tender terbuka, kemungkinan lebih daripada itu. Axiata jual bangunan M1 kepada Singapura pada Februari 2019 sebanyak RM1.65 bilion. Kementerian Kewangan jual sebahagian Bandar Malaysia kepada syarikat China JV Malaysia pada April 2019 sejumlah RM7.41 bilion. Kalau ada tender terbuka, saya kira tentu lebih besar daripada itu.

Khazanah menjual saham IHH kepada Jepun pada November 2018 sejumlah RM8.41 bilion. Khazanah menjual saham Bank Filipina pada Februari 2019 sejumlah RM415 juta. Khazanah menjual hartanah Duo kepada Singapura sejumlah RM4.73 bilion pada Julai 2019. Khazanah menjual Pusat Perubatan Prince Court kepada IHH yang sekarang dimiliki oleh Jepun sejumlah RM1.02 bilion pada September 2019. Khazanah menjual Hotel Andaz kepada Singapura pada Oktober 2019 sejumlah RM1.44 bilion. Khazanah menjual lebuhraya tol Jakarta kepada Kanada pada September 2019 sejumlah RM2.1 bilion.

Berapa banyak itu, Tuan Yang di-Pertua? Saya tidak pernah dengar segala penjualan-penjualan ini dibuat secara tender terbuka. Sebagai contoh, tadi kita diberitahu apabila Khazanah menjual IHH, nilai pada ketika itu ialah RM5, Mitsui membeli dengan nilai RM6. Tetapi kalau ada tender terbuka, mungkin ada orang yang beli dengan harga RM7, RM8 atau RM9. Bukan begitu, Yang Berhormat Arau?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Arau faham tentang hal-hal ini. Yang Berhormat Arau tidak mahu mencelah?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Lembah Pantai mahu mencelah. Boleh?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, saya mahu mencelah. Mencelah.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Tenggara, Tenggara mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Ini pertama kali saya mendengar dijemput mencelah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, sila, sila. Yang Berhormat Arau dahulu, selepas itu Yang Berhormat Tenggara.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Pontian, di samping harta di Tanjung Pagar di *Singapore* yang telah dijual dalam dua tiga hari yang lepas, termasuk sebidang tanah di Perlis seluas 4,300 hektar lebih yang telah dijual kepada syarikat yang berpangkalan di *Singapore*. Jadi, orang Perlis tidak tahu. Dijual RM0.30 sekaki. Kalau dia jual kepada orang-orang Perlis atau rakyat Malaysia, seorang satu ekar, RM0.40 pun orang boleh beli. Kalau RM0.30, baru RM120,000 satu ekar. Ini tanah— itulah tanah yang ada di Perlis pun. Maka, kalau dijual yang itu, bererti kami tidak ada lagi satu tanah yang besar.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Perbuatan tersebut, saya mahu beritahu, rakyat Perlis hendak beritahu tidak halal kepada Kerajaan Persekutuan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Cukup, Perlis. *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, itu boleh jawab, tidak?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ini saya kembali kepada fungsi Lembaga Penasihat NAFCC ini menasihati Perdana Menteri. Ini yang saya hendak tegaskan.

Yang Berhormat Bagan dalam satu kenyataan...

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Yang Berhormat Pontian, nanti dulu. Tenggara.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Tenggara, kejam lagi. Yang Berhormat Bagan mengatakan bahawa tidak ada tanah yang dijual dalam zaman Pakatan Harapan ini. Hartanah Duo Singapura itu ialah hartanah. Kemudian Prince Court itu dibina atas angin kah? Tidak ada tanah kah situ? Hotel Andaz, Singapura itu dibina apa, atas angin? Tidak ada tanah? Lain kali Yang Berhormat Bagan kalau hendak bercerita itu, kena ada fakta sedikit.

Ya, Yang Berhormat Tenggara.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Tenggara dahulu.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Pontian. *Border control* ya. *Border control* melibatkan tadi penjualan aset di Singapura. Jadi, *border control* ini *illicit capital outflows*. Yang Berhormat Pontian boleh tidak berikan kita pandangan bahawa duit masuk melalui tunai ini diseludup melalui

motosikal-motosikal yang masuk dari *Singapore* ke Johor, Johor ke— ini tadi cerita fasal utara. Ini di selatan. Ini pun salah satu perkara yang perlu dilihat oleh *crime center* ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Dan GST lebih baik dari SST. Betul tidak?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ah! Itu pula... *[Ketawa]* Saya pantang dengar perkataan GST, SST ini. Saya hendak maklumkan kepada lembaga penasihat yang akan ditubuhkan ini, pelarian cukai dan ekonomi gelap, yang juga merupakan jenayah kewangan, ketika zaman SST sebanyak RM30 bilion. Ketua Pengarah Kastam maklumkan kepada saya dua, tiga kali, dia maklumkan. Akan tetapi, GST mengurangkan RM20 bilion dan menyelamatkan RM20 bilion...

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Betul, betul.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...Daripada pelarian cukai ekonomi gelap, jenayah kewangan ini. Akan tetapi, apabila dilaksanakan semula SST, kembali kepada jenayah itu, kembali kepada RM30 bilion dan kerajaan rugi RM20 bilion kerana melaksanakan cukai kuno dari GST kepada SST. Terima kasih Yang Berhormat Tenggara.

Satu lagi tentang *illicit capital outflows*. Saya harap sebagaimana Yang Berhormat Tenggara sebut, memanglah elok ada penyelarasan dengan bahagian imigresen khususnya.

Tugas kedua dalam rang undang-undang ini...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Pontian, Pendang.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pendang, silakan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Saya hendak tambah sedikit berkenaan dengan sistem ekonomi yang kita amalkan sekarang ini. Sebab NAFCC ini kita tengok satu badan yang baharu ditubuhkan sepertimana yang kita ditaklumkan oleh Datuk Seri Mustafar tengah hari kelmarin. Dia akan *integrated* kementerian untuk membasmi ataupun melawan jenayah kewangan ini melalui beberapa kaedah. Sedangkan, kita sudah ada SPRM.

Walau bagaimanapun, kita terima kerana *integrated* NAFCC ini akan ditubuhkan dan akan diserahkan kepada *Select Committee*, kemudian akan dipanjangkan kepada

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk diputuskan. Jadi, maknanya tidak ada apa-apa kuasa sangat *Select Committee* Parlimen ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Itu yang pertama. Kedua, kita tengok...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Jangan panjang sangat.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Fasal sistem Jepun— sebab banyak kita jual dekat Mitsui apa semua. Sistem Jepun, kalau dia mempunyai kelembapan ekonomi, dia akan jual aset-aset di luar negara dan bawa balik untuk stabil kan kedudukan kewangan dalam negara. Akan tetapi kita, apabila kelembapan ekonomi kita, kita jualkan aset dalam negara kepada orang luar dan kita... *[Disampuk]* Ini bolehkah kita hendak stabilkan kewangan negara dalam keadaan kita menghadapi *problem economy*? Silakan, minta pandangan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Itu pandangan yang baik oleh Yang Berhormat Pendang. Saya hendak maklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua, kami selalu ceramah penyatuan ummah di atas pentas yang sama. Jadi, poin dia itu memang saya selalu dengarlah.

Tuan Yang di-Pertua: Masukkan ke dalam ucapan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya mohon poin itu masuk ke dalam ucapan saya supaya dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. *[Ketawa]*

Perkara kedua, dalam fungsi lembaga penasihat dalam rang undang-undang ini...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...Disebut menentukan hala tuju dan pelan strategik NAFCC.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiawangsa minta ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ingin memberikan pandangan kepada hala tuju yang kedua ini...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kemudianlah. Kalau ada masa...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Takkan lah bagi dekat kawan-kawan sahaja?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kalau ada masa.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Tadi ada bagi tadi peluang dekat Yang Berhormat Arau tadi.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Jangan cemburulah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ingin supaya NAFCC ini menyiasat semula untuk dapatkan duit rakyat dalam kes skandal Forex hilang sebanyak RM31,000 juta duit rakyat.

Seorang Ahli: 1MDB?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: 1MDB sebanyak RM2.6 bilion. RM2.6 bilion yang disibuk-sibukkan itu. Itu 1MDB. Ini hilang sebanyak RM31 bilion, Tuan Yang di-Pertua. RM31,000 juta. Bilion ini, Tuan Yang di-Pertua, ada sembilan kosong. Kalau saya mahu sebut kosong ini sembilan kalilah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: 1MDB sebanyak RM50 bilion, Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: 1MDB, hutang— ini jawapan Kementerian Kewangan. Hutang 1MDB sebanyak RM31 bilion.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pontian, Jelutong minta laluan.

■1240

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Aset 1MDB sebanyak RM43 bilion.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jelutong minta laluan, berani bagi.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Minta peraturan mesyuarat lah Yang Berhormat Jelutong, minta peraturan mesyuarat dahulu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Jawapan Kementerian Kewangan hutang sebanyak RM31 bilion...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pontian tidak bagi ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sama yang disebut oleh Arul Kanda RM31 bilion hutang, sama dengan Kementerian Kewangan jawab. Akan tetapi dalam ucapan bajet yang sudah, Yang Berhormat Menteri Kewangan sebut hutang 1MDB sebanyak RM50 bilion, walhal cuma RM31 bilion Tuan Yang di-Pertua. Melonjak-lonjak apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan berucap. Esok dia berucap, saya tidak tahulah berapa hutang 1MDB pula naik nanti. Jadi, Arul Kanda sebut hutang

sebanyak RM31 bilion serupa dalam jawapan bertulis Kementerian Kewangan sebanyak RM31 bilion kemudian aset sebanyak RM43 bilion Arul Kanda sebut. Akan tetapi Kementerian Kewangan tidak habis-habis lagi hendak mengira aset ini.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sudah setahun lima bulan, mengira aset tidak habis-habis lagi.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Punyalah banyak aset 1MDB ini.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya hendak kembali supaya wang rakyat sebanyak RM31 bilion yang hilang dalam skandal *forex* itu tolong dapatkan balik, setuju kawan-kawan, setuju?

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Seorang Ahli: Masa dahulu tidak siasat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pontian, berani bagi kah Jelutong minta?

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Bagilah satu dekat sini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Okey, silakan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Okey, terima kasih. Oleh sebab Yang Berhormat Pontian bunyi macam menteri 1MDB. Jadi, saya cuma hendak tanya kepada Yang Berhormat Pontian, tadi mula-mula sebut sebanyak RM2.6 bilion, mungkin Yang Berhormat Pontian *confuse* dengan derma, sekarang sudah jadi RM30 bilion. Jadi, minta terangkanlah fasal 1MDB itu... [*Dewan riuh*]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: 1MDB ini- itulah [*Ketawa*] Saya fikir soalan standard mana tadi [*Ketawa*] Jawapan di tangan saya tentang aset 1MDB disebut bahawa pembangunan TRX, Yang Berhormat Menteri Kewangan pergi ke bangunan itu dan menyatakan bahawa, '*Wah! Ini antara projek terbaik*'. Satu lagi aset 1MDB, pembangunan Bandar Malaysia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut, '*Wah! Ini juga projek baik*' akhirnya. Kemudian 1MDB ada aset tanah di Air Hitam, kemudian ada aset tanah Pulau Indah sebanyak 318.42 ekar, ini semua ada tulis di sini. Sebanyak RM31 bilion hilang *Forex* itu Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...Langsung tiada aset, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pontian.

Tuan Yang di-Pertua: Masa, masa.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM31 bilion yang hilang skandal *Forex* itu...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Pontian, minta sedikit Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...Langsung tidak ada aset.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Pontian, ini saya hendak tambah satu lagi ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: 1MDB, RM31 bilion hutang, ada aset RM43 bilion. itu dia!

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Pontian, saya hendak tambah satu lagi.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Pontian, boleh minta sedikit Yang Berhormat Pontian?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sila-sila.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Betul kah Kerajaan Malaysia telah menjual Bandar Malaysia dengan harga RM7.41 bilion kepada sebuah syarikat kerja usaha sama Malaysia dengan China? Sebanyak RM7.41 bilion, baru sahaja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Betul, betul.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Pontian, minta sedikit boleh Yang Berhormat Pontian?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Betul. Apa yang disebut oleh itu Yang Berhormat Pendang itu betul.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kangar minta laluan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Pontian, minta sedikit boleh Yang Berhormat Pontian?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Siapa pula itu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kangar.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar, Kangar hendak minta sedikit sahaja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, boleh.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Fasal dengar banyak sebut fasal 1MDB tadi. Ada atau tidak akaun 1MDB yang telah diaudit?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ada dalam jawapan ini bahawa perkara itu iaitu KPMG adalah merupakan juruaudit, sudah disebut dan Deloitte ada disebut di sini. Tidak mengapalah, selepas ini saya bagilah salinan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, masa sudah habis.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Satu yang *last, last* sekali, sebab ramai betul yang mengacau ini. Saya ingin memberikan pandangan kepada fungsi lembaga penasihat ini supaya jangan bertindak terburu-buru atas motif politik. Sebagai contoh, senarai 41, senarai 80, dituduh wang 1MDB. Mahkamah Malaysia mana yang memutuskan bahawa kes itu dan wang itu, wang 1MDB? Sedangkan kes sedang berjalan. Tuan Yang di-Pertua, kes sedang berjalan, NFC, SRC masih berjalan. Di dalam SRC itu disebut bahawa ratusan juta daripada Kementerian Kewangan Arab Saudi, itu bukan duit 1MDB, Tuan Yang di-Pertua. Sepatutnya selesai kes SRC dan kes 1MDB di peringkat Mahkamah Persekutuan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Adakah Yang Berhormat Pontian akan saman SPRM?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Baru hantar, yang kami terima itu, saya sudahlah tidak terima tetapi dapat juga. Selepas itu digandakan dengan 2.5 kali ganda.

Seorang Ahli: Zalim, zalim.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Zalim, *extortion*, peras ugut, tunggulah. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sekarang giliran Yang Berhormat Ledang. Silakan.

12.44 tgh.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum memulakan perbahasan, saya ingin mengajak Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk kita bersama-sama mengalukan-alukan kehadiran guru-guru dan pelajar-pelajar dari Sekolah Izzuddin Shah Ipoh, Perak... *[Tepuk]*

Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh, salam sejahtera, terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini atas peluang untuk membahaskan tentang Rang Undang-undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019 ataupun *National Anti-Financial Crime Centre* (NFCC). Saya akan bagi perbahasan saya kepada tiga bahagian. Pertama, berkenaan justifikasi NFCC.

Kedua, berkenaan dengan beberapa kebimbangan dan persoalan. Ketiga, berkenaan dengan cadangan dan saranan.

Pertama, tadi Yang Berhormat Menteri telah pun menyebutkan bahawa NFCC ini adalah satu inisiatif di bawah Pelan Anti Rasuah Nasional 2019/2023 (NACP). Ini bermakna ia adalah satu inisiatif yang sangat penting, khususnya untuk memastikan supaya ada penyelarasan dan kerjasama dalam operasi bersepadu dengan agensi-agensi penguat kuasa.

Di samping juga untuk memastikan ada satu sistem data berpusat yang berhubung dengan jenayah kewangan. Juga untuk memastikan ada aktiviti-aktiviti yang berhubung dengan pencegahan jenayah kewangan. Tadi telah disebutkan berkenaan dengan masalah pengaliran keluar wang haram. Yang Berhormat Menteri juga telah menyebutkan tentang kehilangan berbilion Ringgit ini kerana masalah-masalah cukai, pelarian cukai pendapatan, cukai duti Kastam dan lain-lain. Juga disebutkan tadi tentang penyeludupan barangan larangan, rokok dan minuman keras.

Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa penyeludupan barangan larangan ini sahaja kehilangannya ialah sebanyak RM8 bilion setahun. Bayangkan kalau dengan RM8 bilion ini, apa yang boleh dimanfaatkan oleh negara dan rakyat, sebanyak RM8 bilion?

Saya juga ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa dalam kes 1MDB, penyelewengan daripada dana 1MDB, hendak dapatkan aset-aset kembali itu ialah sebanyak RM20.74 bilion. Ini nilainya sangat besar dan saya ingin sebutkan di sini bahawa kehilangan ini adalah kehilangan dana. Ini adalah penyelewengan, ini bukan isu tata kelola dan sebagainya. Akan tetapi ini adalah isu penyelewengan dan menyebabkan kehilangan dana Malaysia, dana rakyat sehingga RM20.74 bilion yang masih lagi diusahakan untuk mendapat kembali aset-aset tersebut. Ini adalah antara masalah besar yang...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: ...Sekarang terpaksa ditanggung oleh kerajaan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, kes ini...

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Saya ingin teruskan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Saya ingin teruskan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Benarkan saya.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Saya ingin teruskan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kes ini masih di dalam pertimbangan mahkamah.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri laluan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Atas alasan- siapa memutuskan?

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Tidak ada kena mengena dengan NFCC ini.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Bagaimana dia boleh putuskan penyelewengan dan sebagainya? Oleh sebab kes ini sedang dalam pertimbangan mahkamah. Kalau mahkamah putuskan, barulah Yang Berhormat boleh membuat rumusan seperti itu. Tuan Yang di-Pertua, subjudis perkara ini.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Ini telah disebutkan pada 21 Jun 1999 oleh GIACC SPRM dalam pasukan petugas khas mereka yang menyebutkan bahawa kepentingan untuk mendapatkan semula aset berkaitan penyelewengan 1MDB bernilai RM20.74 bilion. Ini dalam *report*, laporan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya tetapi...

[Pembesar suara dimatikan].

Tuan Yang di-Pertua: Tentang kes mahkamah, kes mahkamah melibatkan setakat ini dua perkara yang sedang berjalan. Jadi, tidak ada sebab mengapa tidak boleh diberikan komen, merujuk kepada laporan-laporan yang lain. Sebentar tadi pihak pembangkang pun telah menimbulkan isu ini. Terdapat pertikaian tentang apakah jumlahnya dan sebagainya, ini merupakan sesuatu yang sudah masuk dalam apa yang disebut sebagai *public domain*. Sedang dibincangkan diruang awam, tidak ada sebab mengapa tidak boleh dibincangkan di Parlimen, kecuali...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Boleh bincang fasal kes terowong sama ya. Fasal AG tarik kes terowong.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Seorang Ahli: Kes Banglo sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Kita akan melihat bila timbul masanya.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Saya ingin menegaskan hari ini...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua, dia membuat *pre-judgement* mengatakan ini penyelewengan.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Masa saya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Mahkamah tidak mengatakan ada penyelewengan lagi kerana...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Tuan Yang di-Pertua, dia pakai peraturan mana? Dia bangun pun tidak ada peraturan, ini *floor* Yang Berhormat Ledang.

■1250

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Saya sudah putus prinsipnya agak jelas. Ini sebab prinsipnya terpakai kalau kita memberi komen tentang apa yang sedang berlaku di mahkamah atas fakta yang berhadapan mahkamah dan kita menimbulkan pandangan bahawa seseorang itu salah atau tidak salah. Ini akan menjejaskan prinsip.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau perbincangan yang umum sebegini, dibenarkan. Ya. Silakan. Teruskan.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Ya. Terima kasih. Nanti minta tambahan masa sedikit. Yang pentingnya yang saya ingin tegaskan ialah bahawa kita kehilangan berbilion ringgit dan saya ingin tegaskan bahawa ini adalah dana negara, dana rakyat yang sepatutnya boleh dimanfaatkan untuk tujuan kepentingan rakyat. Itu yang menjadi kepentingan. Itu yang menjadi *stress* ataupun penekanan yang kita ingin buat...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Silakan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Jiran sebelah saya Yang Berhormat Ledang. Saya cuma hendak bertanya. Sekiranya wang itu tidak hilang, adakah bukannya ia boleh dimanfaatkan untuk ramai rakyat termasuk golongan miskin yang kebanyakannya Melayu- bumiputera.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Sudah tentu. Sudah tentu. Kita boleh gunakan untuk sekolah, untuk bekalan elektrik, untuk bekalan air, macam-macam lagi yang sekarang yang terpaksa ditanggung oleh rakyat. Jadi, ini adalah satu perkara

yang sangat penting. Malaysia juga terletak di bawah *ranking* ketiga. Antara yang tertinggi di dunia pengaliran wang keluaran secara haram. Pada tahun 2015 sahaja. Ini berdasarkan kepada anggaran daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Yang pertama, China. Yang kedua adalah Mexico, dan yang ketiga adalah Malaysia. Ini di dunia.

Jadi, saya lihat bahawa memang ada satu justifikasi yang kukuh untuk kita memastikan supaya ancaman kepada ekonomi dan reputasi negara kita ini dapat dibendung. Ia menyebabkan masalah kepada hasil negara, integriti dan kestabilan sistem kewangan kita terjejas. Reputasi *down*. Hilang peluang perniagaan sebab gagal untuk bersaing secara aktiviti secara sihat dengan aktiviti ekonomi yang haram yang tidak dikawal selia. Jadi, penting untuk kita melihat bahawa sebenarnya dalam konteks memastikan bahawa tidak berlakunya jenayah kewangan ini mestilah ada usaha operasi bersepadu, operasi holistik dan oleh sebab itu, NFC ini ditubuhkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Tuan Yang di-Pertua, kalau dibandingkan dengan negara lain, di UK, mereka ada *National Economic Crime Centre* yang baharu sahaja ditubuhkan pada Oktober tahun lepas. Begitu juga dengan di India. Mereka ada *Central Economic Intelligence Bureau*. Kemudian di Nigeria, ada *Economic and Financial Crimes Commission*. Di Sweden, ada *Swedish Economic Crime Authority*. Mereka ini berbeza-beza ada sesetengahnya ada kuasa siasatan. Ada sesetengahnya tidak ada. Akan tetapi, menunjukkan bahawa ada keperluan untuk kita juga mewujudkan perkara tersebut.

Justeru, saya lihat ada keperluan. Cuma saya juga ada sedikit kebimbangan dan persoalan. Yang pertama, mungkin saya perlu timbulkan ialah berkenaan dengan apakah jaminan bahawa kita tidak akan berlakunya penyalahgunaan kuasa ataupun kepentingan melalui badan begini? Ini sebab kalau dirujuk kepada fasal-fasal yang ada terkandung dalam undang-undang ini terutamanya fasal 5, fasal 6, fasal 9, dan juga fasal 12, menyebutkan bahawa kuasa itu terletak kepada Perdana Menteri. Jadi, ini adalah satu kebimbangan sebabnya kita mahu elak daripada berlakunya salah guna ataupun kepentingan seperti yang berlaku kepada kerajaan yang terdahulu. Dan kebimbangan ini kita kena pastikan ini tidak berulang kembali.

Yang keduanya ialah saya melihat bahawa ada kepentingan untuk kita mengetahui apakah peruntukan yang diperlukan oleh NFCC. Apakah peruntukannya? Berapakah jumlah anggota yang diperlukan untuk menjalankan peruntukan akta ini? Sekarang ada saya difahamkan seramai 28 orang pegawai.

Begitu juga, apakah peranan pakar-pakar akademik? Swasta industri dalam NFCC. Adakah NFCC bersedia untuk menerima pandangan dan kerjasama dengan mereka? Ketiganya, bolehkah NFCC berfungsi sebagai pusat penyelidikan jenayah kewangan ataupun jenayah kolar putih?

Keempat, apakah data atau maklumat yang akan disimpan dalam data berpusat tersebut? Apakah jenis-jenis data dan maklumat? Seterusnya, saya juga ingin memahami dan bertanya berkenaan dengan proses dan kriteria pelantikan pegawai-pegawai NFCC? Adakah juga melibatkan orang awam ataupun libat urus dalam menjalankan tanggungjawab peranan NFCC?

Selain itu, Tuan Yang di-Pertua saya ingin mencadangkan beberapa perkara sebagai tambah baik kepada apa yang telah pun dibentangkan. Yang pertama, berkenaan dengan pelantikan. Tadi telah disebutkan kepada oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan rujukan yang akan dibuat kepada Jawatankuasa Pilihan Khas yang secara lebih spesifiknya ialah Jawatankuasa Pilihan Khas untuk melantik jawatan-jawatan utama perkhidmatan awam. Yang saya adalah salah seorang daripada anggotanya. Saya sambut baik apa yang telah disebutkan tadi bahawa pelantikan-pelantikan untuk Pengerusi Lembaga Penasihat jika boleh Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah NFCC juga dirujuk kepada Jawatankuasa ini. Akan tetapi, saya juga ingin mencadangkan supaya boleh dipertimbangkan untuk masukkan ke dalam proses undang-undang. Maknanya, ada dipetik ataupun disebut dalam rang undang-undang itu sendiri bahawa ada keperluan untuk pelantikan-pelantikan ini dirujuk kepada Parlimen ataupun Jawatankuasa Pilihan Khas.

Seterusnya, saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan juga melihat berkenaan dengan kelayakan, khususnya berkaitan dengan kelayakan. Untuk memastikan bahawa pelantikan Ketua Pengarah ataupun Lembaga Penasihat ini memiliki kelayakan akademik berpengetahuan, berkemahiran, pengalaman yang banyak khususnya berlatar belakangkan berkenaan politik ataupun *black mark*.

Satu perkara lagi yang saya mungkin tertinggal tadi ialah berkenaan dengan kepentingan untuk melihat semula apa rasional penubuhan Lembaga Penasihat dalam NFCC? Kalau kita lihat, sebenarnya dari segi Lembaga adalah Lembaga Penasihat kemudian ada Jawatankuasa Eksekutif. Sedangkan, badan ini tidak ada kuasa untuk penyiasatan pun. Tidak ada kuasa untuk menyiasat. Jadi apakah ada keperluan sebenarnya untuk mewujudkan sebuah Lembaga Penasihat? Adakah tidak memadai

untuk kita hanya mewujudkan sebuah Jawatankuasa Eksekutif untuk melaksanakan tugas-tugas di bawah NFCC?

Akhir sekali, saya juga ingin mencadangkan untuk kita mungkin melihat bahawa ada keperluan badan ini untuk melakukan penyiasatan. Tadi sudah disebutkan tidak ada kuasa penyiasatan tetapi saya rasa ada juga keperluan untuk kita lihat kepada kes-kes yang betul-betul sensitif dan besar yang mana memerlukan satu dukungan ataupun satu aktiviti yang bersepadu. Operasi yang bersepadu untuk menanganinya.

Jadi, saya harap dengan adanya cadangan-cadangan ini boleh dipertimbangkan oleh pihak kerajaan supaya akhirnya yang kita ingin lihat ialah sebenarnya kita tidak ada lagi kehilangan berbilion-bilion ringgit. Sama ada atas sebab orang lari cukai ataupun rasuah ataupun penyelewengan kerana akhirnya yang memberikan kesan impaknya ialah kepada rakyat dan negara. Saya ucapkan terima kasih dan saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Ada sedikit masa lagi tetapi Yang Berhormat Kuala Terengganu boleh mulakan untuk sekadar lima minit. Boleh sambung semula.

12.58 tgh.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang untuk saya membahaskan berhubung dengan RUU Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional tahun 2019.

Saya difahamkan bahawa rang undang-undang ini digubal bertujuan menubuhkan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC) yang akan menyelaraskan operasi bersepadu bersama agensi penguat kuasa undang-undang dan dikatakan bukan sebuah agensi penguat kuasa yang baharu dan tidak mempunyai kuasa siasatan.

Saya tidak menafikan wujudnya keperluan untuk menangani jenayah kewangan dan mengekang ketirisan. Pengaliran pengeluaran wang haram, pelarian dan pengelakan cukai, penyeludupan barangan larangan, penyalahgunaan subsidi barang dan penyalahgunaan insentif cukai, semuanya jenayah-jenayah yang menjadi ancaman kepada ekonomi negara.

Namun begitu, saya ingin mempersoalkan adakah penubuhan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional ini sebagai suatu prioriti utama ketika ini? Tidak adakah jalan lain yang boleh dilakukan kerajaan untuk mengatasi hal ini tanpa melibatkan peruntukan kewangan daripada kerajaan dan menjimatkan kos. Saya percaya dengan penubuhan pusat ini ditambahkan penubuhannya di bawah satu akta pastinya akan menutup peruntukan tertentu yang besar jumlahnya daripada kerajaan untuk pusat ini menjalankan operasinya.

Ini saya khawatir akan mengurangkan bajet bagi agensi-agensi lain yang masih perlu melakukan kerja-kerja siasatan. Kejayaan pasukan petugas khas pelbagai agensi yang ditubuhkan sejak tahun 2011 dalam meningkatkan kutipan hasil negara menunjukkan bahawa hal ini masih boleh dicapai tanpa penubuhan sebuah pusat yang baharu yang akan menelan kos yang pastinya banyak untuk menjalankan fungsi dan peranannya yang boleh dijalankan oleh pasukan petugas khas seperti yang dilakukan sebelum ini.

Tambahan pula, jenayah ini meningkat selaras dengan jenayah-jenayah yang lain dan keadaan ini berlaku di seluruh dunia bukan sahaja di Malaysia. Penubuhan pusat baharu setiap kali untuk mengatasi setiap satu jenayah yang berlaku di Malaysia pastinya bukan perkara yang kita inginkan dalam suasana ekonomi Malaysia pada hari ini. Jika kerajaan boleh melaksanakan dasar penjimatan dalam hal-hal membabitkan kebajikan rakyat seperti pengurangan subsidi petrol, cadangan penggabungan UMT dan UniSZA, pemotongan peruntukan kepada universiti awam, pemansuhan skim pencen dan pengecilan jumlah penjawat awam. Saya percaya bagi menguruskan jenayah kewangan di dalam keadaan kewangan negara yang mendesak ini kerajaan masih ada pilihan yang tidak melibatkan peruntukan kewangan yang besar Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh sambung selepas ini?

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Ya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pukul 2.30 petang. Jadi tinggal 12 minit. Sebelum kita selesai bermesyuarat pada pagi ini, saya nyatakan senarai yang ada di hadapan saya.

Selepas Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Jelutong. Selepas Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Paya Besar. Selepas Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Petaling Jaya. Kemudian, Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Bandar Kuching,

Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Johor Baru, Yang Berhormat Tebrau dan Yang Berhormat Pasir Gudang.

Mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Mesyuarat]

■1430

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Majlis Mesyuarat sambung semula, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dimaklumkan Tuan Yang di-Pertua sudah buat keputusan di mana Yang Berhormat Menteri akan menjawab pada pukul 4.30 petang. Oleh kerana itu, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Terengganu selepas itu Yang Berhormat Jelutong, selepas Yang Berhormat Jelutong semua masa 10 minit. Sila.

2.33 ptg.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya telah menyebut bahawa kerajaan telah mengumumkan pelbagai dasar penjimatan yang antara lain kerajaan bercakap tentang mahu mengurangkan kakitangan awam dan sebagainya. Jadi berhubung dengan NFCC ini, kita telah pun ada sebelum ini pasukan petugas khas pelbagai agensi yang telah ditubuhkan sejak 2011 yang telah berjaya meningkatkan kutipan hasil negara.

Jika kerajaan boleh melaksanakan dasar penjimatan di dalam hal-hal yang membabitkan kebajikan rakyat, pengurangan subsidi petrol, cadangan penggabungan universiti dan sebagainya, jadi sudah tentulah di dalam keadaan kewangan negara yang berdasarkan ini kerajaan masih ada pilihan lain bagaimana untuk mengatasi masalah yang disebut *illicit flow* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengulas berkaitan dengan Lembaga Penasihat NFCC yang akan ditubuhkan ini. RUU ini menyatakan bahawa Lembaga Penasihat yang terdiri daripada Pengerusi, Ketua Pengarah NFCC dan lima anggota lain akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri.

Perdana Menteri juga merupakan sebuah entiti kerajaan yang boleh jadi terlibat di dalam jenayah kewangan ini. Tambahan pula, Perdana Menteri juga masih belum bebas daripada tuduhan skandal-skandal yang masih belum disiasat, yang

diperkatakan. Skandal PERWAJA, skandal BMF malah kita ada Suruhanjaya Diraja berkait dengan skandal FOREX, semuanya dianggarkan akan menyumbang sejumlah kerugian kewangan yang besar kepada negara.

Baru sahaja pada 28 Ogos 2019 yang lalu, Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan Perdana Menteri untuk mengembalikan saman memohon membatalkan laporan RCI yang menyiasat kerugian urus niaga mata wang asing Bank Negara yang berjumlah RM30 bilion jumlahnya. Ini kehilangan wang yang betul-betul hilang.

Kalau 1MDB tadi kita kata RM50 bilion tetapi ada asetnya, jumlahnya mungkin – yang disebut hilang RM2 bilion *something* tetapi ini RM30 bilion. Suatu hal yang menghairankan juga apabila rang undang-undang ini baru hari ini dibentangkan di Dewan Rakyat tetapi bagaimana pula Datuk Seri Haji Mustafa Ali bukan Mustafa Ali, PAS ya. Bekas Ketua Pengarah Jabatan Imigresen telah mendapat surat pelantikan dahulu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 2 Januari 2019. Adakah ia sudah menjadi suatu kebiasaan juga kepada kerajaan baru menjadikan Parlimen sebagai *rubber stamp*, sekadar untuk mengesahkan untuk undang-undang yang ingin dibawa oleh kerajaan.

Oleh itu, jika benar pusat ini penting untuk segera ditubuhkan, ia perlu benar-benar bebas daripada campur tangan politik. Jika tidak ia akan dilihat sebagai wayang oleh rakyat untuk menutup jenayah-jenayah kewangan yang boleh dilakukan oleh pemimpin-pemimpin tertinggi di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin membawa perhatian kerajaan kepada pengenalan semula cukai SST yang membawa kepada isu pelarian cukai dikeranakan oleh *black economy* yang membesar selepas pengenalan SST. Sudahlah SST pun tidak mampu mengurangkan harga barang, syarikat yang layak membayar cukai pula mempunyai lebih ruang untuk melakukan pelarian cukai.

Cukai SST juga hakikatnya meningkatkan ketirisan dan penipuan cukai sekali gus mengurangkan hasil kepada kerajaan. Hal ini turut diakui oleh kerajaan apabila kutipan hasil berkurangan RM20 bilion berbanding RM42 bilion yang disumbangkan oleh GST. Jumlah ini menunjukkan jurang hasil kutipan cukai yang tinggi.

Ketirisan berbilion ringgit daripada pelaksanaan sistem SST ini akan memberi kesan terhadap kerancangan pembangunan ekonomi negara dan akan meningkatkan aktiviti pasaran ekonomi gelap atau *black economy* yang saya sebut tadi. Oleh itu, saya ingin menekankan bahawa yang perlu kerajaan selesaikan dahulu sebelum menubuhkan pusat pencegahan ini adalah berhubung dengan pelarian cukai

dikeranakan oleh *black economy* yang diwujudkan melalui SST ini. Dalam hal ini ternyata kerajaanlah sebenarnya disebabkan oleh dasar cukai yang tidak jelas ini telah membuka ancaman terlebih dahulu kepada ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut juga berhubung dengan aktiviti-aktiviti *money changer* dan juga sepertimana yang dapat dilihat sekarang. Kita dapat lihat di Kuala Lumpur banyak kedai-kedai menjual barangan mewah yang banyak, yang kadang-kadang kita tertanya-tanya nampak kedai kosong sahaja, barang jualan harga mahal-mahal. Macam mana mereka ini beroperasi? Jadi saya harap supaya tumpuan dapat diberikan kepada saya yakin ada sesuatu di sebaliknya.

Semalam di dalam taklimat yang telah diberikan yang berkait dengan NFCC ini, kita ditunjukkan satu graf berhubung dengan prestasi kerajaan di dalam kutipan cukai, cukai hasil dan juga berhubung dengan masalah ketirisan dan juga wang haram. Di dalam graf itu kita melihat peningkatan yang jelas dari segi kutipan apabila penubuhan pasukan yang disebut tadi pasukan yang di tubuh pada 2011. Saya tertarik di dalam graf yang sama berhubung dengan apa yang disebut sebagai wang haram di dalam graf berkenaan saya dapati setiap tahun ada apa yang disebut sebagai wang haram ini.

■1440

Akan tetapi pada tahun 2017 tidak ada. Adakah bermaksud tiada lagi kegiatan wang haram di dalam negara kita ataupun ada sesuatu perkembangan yang saya rasa perlu dikongsi sama kepada Ahli-ahli Parlimen. Jadi, saya seperti mana disebut tadi, saya ingin menyatakan walaupun niatnya bagus, berhubung Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional, saya berharap supaya kerajaan di dalam membawa rang undang-undang ini, supaya dalam masa yang sama meninjau sekiranya ada alternatif lain yang memberi kesan yang sama. Seperti mana sebelum ini kita telah pun ada pasukan petugas khas pelbagai agensi yang telah ditubuhkan sejak tahun 2011. Sama ada dengan memperkasakan ini adalah sudah cukup berkesan untuk apa yang kita maksudkan daripada membentangkan rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelutong. Sila.

2.41 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya memulakan perbahasan saya, saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan ahli-ahli ataupun bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini adalah guru-guru dan pelajar daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Triang, Pahang. *[Tepuk]* Dewan ini mengalu-alukan kedatangan mereka ke Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya seperti biasa tidak menyediakan sebarang teks ucapan. Akan tetapi setelah melihat rang undang-undang ini dibentangkan, saya begitu gembira dan turut bangun untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan yang ada sekarang yang telah pun menggubal undang-undang ini yang saya lihat adalah tepat pada masanya. Di mana kita pada masa sekarang memerlukan undang-undang ini untuk memastikan bahawa rakyat Malaysia tidak menghadapi terus masalah-masalah yang telah berlaku dahulu. Di mana kita lihat tanpa menyebut mana-mana kes mahkamah, kita lihat terdapat kejadian-kejadian di mana jutaan ringgit, berbilion-bilion ringgit telah pun dikeluarkan secara senyap-senyap oleh pemimpin-pemimpin tertentu daripada kerajaan dahulu. Mereka berjoli di luar negara, membeli harta benda di luar negara, membeli hotel di luar negara, membeli kapal dan sebagainya menggunakan duit rakyat.

Dengan adanya undang-undang ini, saya yakin dan percaya bahawa kita akan memastikan bahawa perkara yang berlaku pada masa lalu tidak akan berulang. Saya tertanya-tanya, kenapakah undang-undang ini tidak digubal oleh kerajaan yang dahulu. Walaupun kita lihat ada suara-suara yang menentang undang-undang ini pada masa sekarang dan terutamanya daripada sebelah di sana, Barisan Nasional dan PAS. Saya terfikir dan tertanya, apakah mereka beriya-ya sangat menentang undang-undang ini? Walhal undang-undang ini akan memastikan bahawa wang yang dikutip daripada rakyat, wang daripada rakyat yang meneroka FELDA, wang rakyat daripada FELCRA, wang rakyat daripada Tabung Haji, daripada 1MDB dan sebagainya tidak disalah gunakan. Tidak diambil keluar dan digunakan oleh pemimpin-pemimpin yang...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak bagi. Tidak bagi laluan. Saya tidak bagi laluan. Saya akan habiskan. Dengar, dengar, nanti bahas, terima kasih.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tidak, sebab dok letak fitnah macam-macam ini, jadi hendak kena jawab.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Fitnah apa? Dengar, dengar dulu.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tidak, bila kata tentangnya ini?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Menentang bila ini? Kata pembangkang menentang, bila?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Nanti berbahas lah, nanti berbahas. Dengar, nanti berbahas.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Akan tetapi peluang-sepatutnya peluang untuk berucap di Parlimen ini tidak digunakan untuk memfitnah dan melemparkan lontaran-lontaran tidak betul seperti itu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dengar, dengar.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Kena hormat Parlimen.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dengar, dengar, duduk dulu. *This is my floor.*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Bagi saya peluang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tolonglah tunjukkan tertib.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Oleh sebab buat fitnah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan ganggu saya.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: So, buat fitnah, bagi peluang untuk orang jawab.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebagai seorang Ahli Yang Berhormat, dengar hujahan saya. Duduk dulu.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Akan tetapi fitnah telah dibuat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Duduk dulu, saya hendak teruskan. Terima kasih. Bagus, dengar. Saya di sini ingin memberi kesimpulan-kesimpulan. Pertama, baru-baru ini kita dengar Yang Berhormat daripada kawasan Rantau, merupakan seorang pemimpin parti UMNO, membawa keluar lebih kurang RM10 juta menggunakan pengurup wang untuk membeli sebuah banglo atau pangsapuri di luar negara. Ini adalah kejadian yang tidak akan berlaku sekali lagi dengan adanya rang undang-undang ini.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Yang Berhormat Jelutong, jangan fitnah dalam Dewan. Rantau beli masa dia belum jadi MB. Dia CEO *Cycle and Carriage*. Ini maknanya, Yang Berhormat Jelutong tidak bertanggungjawab, menipu dalam Dewan, memberi fakta yang tidak tepat. Waktu beliau tidak berada di dalam kerajaan, dia ada kewangan, dia boleh membelilah apa benda yang dia hendak.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey, terima kasih.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Malu dekat pemerhati dekat luar *nu*, dok tengok. Asal bangun saja buat fitnah, asal bangun saja cakap menipu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat, kepada kedua-dua belah pihak saya ingatkan kepada Peraturan Mesyuarat 35(1). Kita boleh tidak bersetuju dengan pandangan mana-mana Ahli. Lepas ini saya akan ruang dan peluang untuk berbahas. Akan tetapi janganlah tanpa kebenaran. Susah hendak dengar.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak bagi laluan. Kita lihat kepada undang-undang ini, di mana undang-undang ini memberi penekanan kepada perkara-perkara seperti berikut dalam pelantikan kepada Pengerusi kepada Lembaga Penasihat. Pertamanya, pertama kali saya lihat kita beri penekanan kepada kejujuran seseorang itu. Kejujuran, semestinya merupakan salah satu sifat yang begitu penting, terutamanya bila menjadi wakil rakyat, untuk kita pastikan bahawa wang yang ada itu digunakan tujuannya bagi memberi manfaat kepada rakyat. Kita lihat sekarang kejadian-kejadian yang menimpa Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana. Ramai yang telah dituduh dengan tuduhan-tuduhan rasuah, salah guna kuasa, macam-macam tuduhan. Akan tetapi mereka masih lagi memimpin. Tadi dibangkitkan oleh Yang Berhormat...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okeylah, saya bagi lah, saya bagi.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat sebut tentang pemimpin-pemimpin yang dituduh. Apakah Yang Berhormat tidak sedar ada pemimpin yang sedang dibicarakan kerana isu rasuah, tiba-tiba kerajaan hari ini tarik balik. Apa yang sedang dibicarakan di mahkamah. Jadi, berucap itu kena tengok juga dekat belakang, ada apa-apa Yang Berhormat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih, saya rasa Yang Berhormat tidak faham. Bidang kuasa untuk menarik balik sesuatu pertuduhan itu adalah bidang kuasa Peguam Negara.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Faham sangat lah itu, Peguam Negaralah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Biar saya habis dulu.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Peguam Negara. UMNO memerintah 60 tahun pun tidak mampu untuk hendak buat kerja seperti yang dibuat oleh kerajaan hari ini, membebaskan seorang pemimpin yang sedang dibicarakan di mahkamah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Duduk, duduk dulu. Okey, duduk dulu, dengar.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Malu kerajaan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dengar perbincangan saya.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Pemimpin Pakatan Harapan tidak layak untuk bercakap fasal ketelusan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: UMNO dulu- saya bagi kesimpulan. Yang Berhormat Arau, saya bagi. Saya jawab dulu. Dulu, masa Peguam Negara UMNO, tidak berani tuduh pun Yang Berhormat Pekan, di usir, dipecat. Bukan saja Peguam Negara dipecat, Timbalan Perdana Menteri - Yang Berhormat Pagoh sekarang dipecat. Itu merupakan bukti UMNO penakut.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Hari ini tidak perlu pecat, kalau ada maruah, Peguam Negara kena berhenti sendiri, kalau ada maruah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dengar, dengar. Kalau ada maruah, jangan berkawan dengan UMNO. Ini pesanan Tok Guru Nik Aziz, ingat lagi pesanan. Saya bagi Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, apakah Yang Berhormat sedar, di samping kes yang telah disebutkan tadi, ada orang yang telah disebut-sebut terlibat dengan sesuatu kes, termasuklah kes 1MDB, tiba-tiba dia lompat parti, nama dia hilang, kan? Ada satu orang yang menyimpan duit berpuluh juta masa pilihan raya. Tiba-tiba namanya tidak disebut pun untuk diambil tindakan.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Sebut namalah, sebut nama.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah itu keadilan? Kalau masuk pula kerajaan, tidak ambil tindakan. Akan tetapi kalau ada di sini, tidak ada kes pun ambil tindakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya bagi.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Ini diajar oleh kerajaan dahulu, macam mana taktik-taktik ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, sabar, sabar. Duduk, duduk dulu. Sabar, sabar, saya bagi peluang, saya akan bagi peluang, duduk dulu. Kita berbalik kepada isu Yang Berhormat Arau. Ini saya mungkin tidak berada dalam kedudukan untuk menjawab.

■1450

Perkara ini patut ditanya kepada Menteri berkenaan. So, kita serah kepada Menteri berkenaan minta Menteri berkenaan jawab. Akan tetapi saya berbalik kepada isu undang-undang ini. Saya cuma ingin menyeru, undang-undang ini adalah undang-undang yang baik tapi mungkin kita kena adakan satu lagi seksyen untuk memastikan bahawa perlindungan diberikan kepada pemberi maklumat. Yang Berhormat Arau saya bagi peluang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya setuju.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tadi Yang Berhormat kata rujuk dekat Menteri, Menteri ini penakut. Fasal apa dulu saya tanya fasal kes...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau boleh tanya tapi jangan buat tuduhan. Menteri duduk sana mengapa kata Menteri penakut buat apa? Teruskan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya cakap fasal pelantikan Menteri Besar. Menteri Besar tidak boleh campur tangan daripada Raja, dia tidak jawab dia takut. Sekarang dia hendak suruh dia jawab bagaimana kita harap pada Menteri yang penakut.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau, tolong jangan kacau saya.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Arau, belum pukul 3 tahu. *[Ketawa]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau kita lihat dulu.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebentar dahulu, biar saya habiskan bab ini. Saya menyeru Menteri berkenaan untuk melihat sekiranya terdapat peruntukan ataupun kita perlu menyediakan peruntukan dalam undang-undang ini, di mana kita memberi perlindungan kepada pemberi maklumat.

Sekiranya pemberi maklumat itu menghubungi Ahli-ahli Lembaga dan dapat menyalurkan maklumat tentang wang yang sedang disalurkan keluar. Umpamanya seperti dalam kes 1MDB. Umpamanya seperti kes pembelian kapal selam Scorphone dan sebagainya. Skandal-skandal yang berlaku dahulu di bawah Barisan Nasional. Adakah pemberi maklumat itu akan diberi perlindungan, sebabnya adalah kita tahu Yang Berhormat bekas Ahli Yang Berhormat Pandan, Rafizi. Bila beliau memberikan maklumat tentang wang yang disediakan untuk membelah lembu disalah gunakan untuk membeli kondo iaitu skandal NFC, beliau pula dipecat dan beliau pula dituduh di mahkamah.

Kita harus memastikan bahawa pemberi-pemberi maklumat yang menyalurkan maklumat kepada lembaga ini, di bawah undang-undang ini, diberi perlindungan secukupnya. Saya ingin mencadangkan, kalau boleh Menteri berkenaan melihat kepada undang-undang ini dan menghalusi sekiranya terdapat keperluan untuk kita menyediakan peruntukan tersebut. Saya beri peluang kepada kawan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak bertanya Yang Berhormat Jelutong. Banyak kali daripada semalam lagi Yang Berhormat ini sebut fasal apa yang Tok Guru Nik Aziz kata, *which is* satunya saya hendak sebut bahawa Yang Berhormat Jelutong ini cuma ambil sebahagian-sebahagian saja. Ataupun ambil serpihan daripada apa yang diucapkan oleh Tok Guru.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Jelutong, betul kah Yang Berhormat Jelutong ini percaya dengan apa yang diucapkan oleh Tok Guru. Cuba jawab yang itu dulu dan saya hendak tanya lagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Duduk.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Betul kah Yang Berhormat Jelutong percaya?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Duduk.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Nanti dulu. Betul kah Yang Berhormat Jelutong percaya dengan apa yang disebut oleh Tok Guru?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya akan teruskan duduk dulu.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Oleh kerana...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tadi sudah beri peluang dekat saya, saya hendak habiskan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: No, ikutlah.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya hendak tanya percaya kah tidak percaya dengan apa yang disebut oleh Tok Guru kerana satu yang Tok Guru sebut dan banyak kali. Banyak kali Tok Guru sebut di mana-mana Tok Guru mengajar di masjid, Tok Guru berceramah di mana-mana Tok Guru sebut, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “*sesungguhnya satu-satu agama di sisi Allah itu hanyalah Islam*”. Yang Berhormat Jelutong percaya tidak percaya?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya. Yang Berhormat, saya adalah peminat Tok Guru Nik Aziz.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Percaya tidak?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya masih lagi rasa beliau adalah salah seorang pemimpin yang tersohor.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Masuk PAS lah kalau peminat Tok Guru Nik Aziz.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey terima kasih.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Masuk Islam, masuk PAS sebab Tok Guru Nik Aziz mati dalam PAS, mati dalam Islam.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dengar dulu, dengar dulu tapi saya berpegang betul kepada nasihat beliau iaitu, “*janganlah sampai mati berkawan dengan UMNO*” Kalau ada maruah jangan berkawan dengan UMNO. UMNO seperti ular yang akan patuk dua kali, tiga kali.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tok Guru juga kata, “*jangan kamu mati melainkan kamu dalam beriman*”.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Amanah lebih baik.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Yang Berhormat Jelutong sudah makan ubat belum?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat, ini adalah perbahasan rang undang-undang, bukan perbahasan agama ataupun berdakwah. Sila teruskan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Berbalik...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Betul tapi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jelutong itu tadi saya hendak tanya dia percaya sungguh kah apa yang Tok Guru sebut ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Sudah tiap-tiap hari dia sebut Tok Guru ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Itu hendak bagi peringatan sama PAS kerana PAS sudah lupa sudah lama. Saya cuma hendak bagi peringatan jangan duduk dekat-dekat dengan UMNO nanti kena nanti. So, saya di sini ingin menyeru kerajaan untuk kita terus luluskan undang-undang ini supaya pemimpin-pemimpin kita sentiasa akur dengan tanggungjawab untuk menjaga rakyat, supaya tidak berlaku lagi kejadian-kejadian ngeri seperti yang telah berlaku dalam kerajaan dahulu.

Di mana kita lihat Yang Berhormat Pekan, Yang Berhormat Bagan Datuk, Yang Berhormat Baling semua dituduh untuk kesalahan-kesalahan rasuah, salah guna kuasa, mengambil duit rakyat dan sebagainya. Terima kasih, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Paya Besar, masa 10 minit.

2.55 ptg.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan terima kasih kerana dapat turut serta dalam Rang Undang-undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019.

Saya jelas, apa yang telah diberikan taklimat oleh Dato' Sri Mustapa semalam bahawasanya daripada tahun 2006 sehingga tahun 2015, ada peningkatan sebanyak USD435. Bagaimana aliran kewangan negara yang haram ini dapat dikenal pasti dan dikembalikan kepada rakyat. Saya tidak ada masalah Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua berkaitan rang undang-undang ini.

Cumanya bagi saya adalah kalau kita ingin lakukan sesuatu tindakan, kita mestilah memikirkan bahawasanya tindakan ini adakah ia efektif hanya bersifat *short-term* atau ia memberi satu gambaran keseluruhan kepada masalah yang sebenar yang kita hadapi kerana apa dalam rang undang-undang yang digubal ini, saya rasa ada banyak lompangan-lompangan yang saya fikir sebenarnya ia membunuh niat asal penubuhan NAFCC yang dimulakan pada tahun 2011 oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Saya ucapkan tahniah dan syabas kerana kerajaan hari ini meneruskan apa yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional dengan menubuhkan sebuah rang undang-undang dan saya yakin sekiranya Barisan Nasional masih menang, kita juga akan membuat perkara yang sama kerana pegawai-pegawai kerajaan sudah pasti ia akan menjaga kepentingan rakyat, dia akan menjaga kepentingan negara. Pegawai kerajaan tidak pernah membunuh rakyat dan membunuh masa depan negara.

Apa yang pentingnya adalah kita mesti melihat dengan keadaan yang semasa Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Kalau kita ingin lakukan satu rang undang-undang hanya memikirkan tentang apa yang *existing* tanpa kita melihat apa yang sedang berlaku dan beralih ke hadapan. Ini yang saya sifatkan sebagai kita mesti memahami keadaan semasa. Banyak lawatan-lawatan ke luar negara, banyak amalan-amalan antarabangsa yang kita lihat. Akan tetapi kenapa dalam rang undang-undang ini langsung tidak sebut Yang Berhormat Menteri berkaitan digital kewangan, kerana apa tajuk utama rang undang-undang ini adalah jenayah kewangan.

Adakah kewangan yang ditafsirkan sebagai jenayah kewangan hanya menumpukan kepada *fiat currency*. Kalau *fiat currency* di Malaysia kita panggil Ringgit Malaysia (RM) di Singapore, Singapore Dollar (SGD) di Thailand, Baht (THB) tetapi apa yang paling pentingnya adalah kita harus melihat *digital currency*. Yang Berhormat Menteri, sebagai mana yang saya sebut banyak kali dalam Dewan yang mulia ini kita mesti memahami bahawasanya dunia hari ini berpandukan kepada *Industry Revolution 4.0* (IR4.0). IR4.0 memastikan kita ini berada dalam keadaan semasa tapi yang mengecewakan saya Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, kita tidak bergerak kepada *crypto currency*. Kita tidak bergerak kepada apa yang sebenarnya.

Yang Berhormat Menteri, ramai Ahli-ahli yang sebut *black economy* tetapi adakah mereka juga mengaitkan dengan pasaran gelap (*dark web*). Dahulu kita cakap pasaran gelap di lorang-lorong, di bawah jambatan, *transaction* dibuat melalui mata wang yang jelas *fact currency*. Akan tetapi hari Yang Berhormat Menteri a *bitcoin*. Yang Berhormat tahu, hari ini *bitcoin* harga berapa? Hari ini harga satu *bitcoin* RM36,000.

Sebulan yang lepas harga ia RM42,000 ke RM46,000 satu *bitcoin* dan *bitcoin* ini boleh dimasukkan ke dalam *coalwallet*.

Coalwallet ini ia boleh dibawa ke hulu ke hilir. Andai kata saya bawa masuk dalam *coalwallet* saya 10 bit coin, dengan harga hari ini RM36,000 bayangkan saya buat keluar duit negara RM360,000. Mana? Akan tetapi saya menghairankan sangat kenapa Kementerian Kewangan di bawah Yang Berhormat Bagan meluluskan *DX (Digital Exchange)* tiga syarikat Luno, Tokenize dan Synergy dan ketiga-tiga syarikat ini jelas menunjukkan bahawasanya sudah ada kekuatan untuk melakukan sesuatu.

■1500

Dalam *dark web* ini Yang Berhormat Menteri, saya risau apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ledang pagi tadi, kita nombor ketiga duit mengalir ke luar negara yang dipanggil *capital outflow*. Di mana pengaliran wang yang keluar ini merupakan kerugian bagi negara. Akan tetapi sekiranya kita hanya menumpukan sepenuhnya kepada apa yang berlaku dalam negara, saya yakin dan percaya niat rang undang-undang ini hanya bersifat sementara sahaja, ia tidak menyeluruh. Oleh kerana apa, rang undang-undang ini tidak dibuat untuk kita atau dibuat untuk orang lain. Kita juga sebagai *law maker* akan menerima kesan kepada penguatkuasaan rang undang-undang ini. Saya yakin dan percaya kalau kita dapat melihat *digital currency* ini ia sudah akan memberi satu pulangan yang besar kepada negara pada masa kini dan masa akan datang. Oleh sebab Yang Berhormat Menteri, USD851 *million* digunakan oleh rakyat Malaysia pada tahun 2018 dan 2019 untuk beli elektronik dan fizikal media.

Dalam *dark web* Yang Berhormat Menteri, suka saya beri makluman kepada Yang Berhormat Menteri dan Dewan yang mulia ini, *dark web* bukan satu perkara yang baharu. *Dark web* merupakan satu perkara yang amat sukar untuk kita kenal pasti. Saya yakin dan percaya bahawasanya, pasaran gelap ini sudah pastinya akan meruntuhkan, bukan sahaja meruntuhkan dari segi ekonomi negara tetapi, ia telah menyebabkan ramai penjenayah-penjenayah, ramai *hackers*, ramai *scammers*, akan mendapat keuntungan daripada apa yang kita lakukan. Sepatutnya kementerian Yang Berhormat sudah memikirkan tentang *digital currency* supaya ia juga dimasukkan dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sedikit masa yang ada ini saya hendak pergi pada perkara-perkara yang teknikal. Saya hendak tanya pada Yang Berhormat Menteri berkaitan kuorum lembaga penasihat. Saya faham benar rang undang-undang ini kerana rang undang-undang ini dibuat, diberi taklimat kepada kita, saya ucapkan terima

kasih pada Datuk Seri Mustafar Ali kerana beri taklimat, bagi kita makan dan saya gembira dengan makanan yang disediakan semalam.

Cumanya, apa yang penting bagi kita adalah kita mesti melihat, walaupun di bawah Bahagian 3, fasal 7, lembaga penasihat hendaklah menentukan tatacara mesyuaratnya sendiri. Akan tetapi berapa ramai kuorumnya yang harus ditentukan secara rang undang-undang. Tidak boleh lah sendiri. Walaupun saya yakin dan percaya Yang Berhormat Menteri sebut tadi akan bawa ke *select committee* untuk pelantikan keseluruhan pengerusi lembaga penasihat dan ketua pengarah.

Saya hendak baca Yang Berhormat Menteri dalam Dewan yang mulia ini. Ini lah senarai-senarai pengerusi-pengerusi GLC. Badan-badan GLC yang telah dilantik oleh pihak kerajaan dan saya minta Yang Berhormat Menteri tolong nyatakan dalam masa penggulungan nanti adakah mereka ini bukan lantikan secara politik tetapi mereka lantikan berdasarkan merit yang diangkat melalui *select committee*.

PH melantik Yang Berhormat Lanang sebagai Pengerusi NIOSH, Latheefa Beebi Koya sebagai Ketua SPRM, Datuk Azhar Azizan Harun sebagai Pengerusi SPR, Wan Saiful Wan Jan sebagai Pengerusi PTPTN, isteri kepada Setiausaha Politik Perdana Menteri Datuk Junaidah Kiting Pengerusi Amanah Ikhtiar Malaysia, Timbalan Ketua Pemuda PAN Nasional Faiz Fadzil dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Paya Besar. Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Pengerusi PAN Kelantan Wan Abdul Rahim bin Wan Abdullah sebagai Pengerusi Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Paya Besar. Minta penjelasan Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ahli jawatankuasa tertinggi PAN Nasional Mazlan Aliman yang dahulunya sibuk pasal peneroka, hari ini menjadi Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Pengerusi PH Kelantan, Datuk Husam Musa sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Paya Besar sekejap sahaja.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Pengerusi PH Kedah, Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Mahathir yang juga Menteri Besar Kedah, dia juga sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Petani Muda. Saya tidak ada masalah Yang Berhormat Menteri, pasal rang undang-undang ini.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Paya Besar, boleh tanya tidak?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Cumanya saya mengharapkan sangat bahawasanya rang undang-undang ini kalau dibuat, buat lah secara betul-betul Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri pun tahu saya pegang kepada prinsip dan undang-undang ini.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Paya Besar, boleh bagi laluan tidak? Kalau tidak boleh, beritahu tidak boleh. Jangan *ignore*.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Oleh kerana apa, kita tidak berasaskan semata-mata hanya untuk sementara Yang Berhormat Menteri. Kita hendak bina negara.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Boleh minta penjelasan tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Tanjong Malim minta mencelah, hendak bagi laluan atau tidak?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Kita bukan hendak bina suatu perkara yang hanya semata-mata untuk menubuhkan sebuah pusat – kewangan semata-mata hanya...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tidak boleh beritahu tidak boleh.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Penakut.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Jangan biar aku tunggu. Boleh tidak Yang Berhormat Paya Besar?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Saya tidak kenal you. Oleh kerana apa, yang paling pentingnya adalah kita mesti memahami.

Saya yakin dan percaya apa yang saya ingin tanyakan kepada Yang Berhormat Menteri berkaitan fasal 19. Fasal 19 ini saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kenapa ada dalam rang undang-undang ini dan saya hendak beritahu Yang Berhormat Menteri, dalam peringkat jawatankuasa saya akan pergi *line by line*. Akan tetapi, tolong jawab semasa peringkat dasar, Perkara 13(2). Kenapa ada perkataan secara lisan?

Arahan yang dikeluarkan kepada ketua pengarah secara lisan, bukan secara bertulis Yang Berhormat Menteri. Sebab kita mesti berasaskan kepada keadilan yang sebenar-benarnya.

Ketua pengarah dituduh memberi arahan oleh pegawai di bawahnya, tetapi ketua pengarah tidak bagi arahan. Pegawai dituduh dan mengatakan bahawasanya ketua pengarah yang memberi arahan secara lisan. Bagaimana secara lisan ini dapat dibuktikan di mahkamah kalau Yang Berhormat Menteri sebagai *lawyer* berpengalaman dan saya yakin Yang Berhormat Menteri dapat memberi justifikasi Perkara 13(1).

Saya hendak rumuskan Tuan Yang di-Pertua, apa sahaja yang kita buat kita mesti berasaskan kepada niat rang undang-undang ini untuk mengelakkan jenayah kewangan. Jangan kita lindungi penjenayah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Petaling Jaya, selepas itu Yang Berhormat Rembau. Sila.

3.05 ptg.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang yang diberikan untuk membahaskan Rang Undang-undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019. Saya percaya bahawa kerajaan memegang aspirasi rakyat sebagai terasnya. Aspirasi ini merangkumi usaha reformasi yang sedang giat dijalankan oleh kerajaan untuk menyusun atur institusi-institusi negara mengembalikan *check and balance* dalam tadbir urus negara dan mencegah rasuah serta menghukum sesiapa yang menzalimi hak rakyat.

Oleh itu, penubuhan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional yang digariskan di bawah Pelan Anti Rasuah Kebangsaan 2019 – 2023 adalah selaras dengan usaha kerajaan yang merakyatkan institusi dan memulihkan integriti institusi kerajaan. Seperti yang Dewan sedia maklum, disebabkan sistem kewangan menjadi semakin kompleks dan rumit, kerajaan memerlukan operasi bersepadu untuk membanteras jenayah kewangan dan mengekang ketirisan. Saya menyambut baik penubuhan pusat ini yang akan menggandingkan pihak PDRM, SPRM, JKDM dan juga Bank Negara Malaysia.

Masalah *illicit financial flows* (IFFs) dengan izin, sebenarnya adalah masalah yang parah bagi Malaysia. Menurut institusi kajian *Global Financial Integrity* dengan izin, dianggarkan antara tahun 2006 hingga 2015, negara kita telah hilang USD33.74 bilion

melalui *illicit financial flows* dengan izin. Negara kita antara negara yang tertinggi di dunia dari segi nilai IFFs dan perkara ini dibiarkan berlarutan di bawah kerajaan yang lama. Jumlah yang kita hilang bahkan lebih besar nilainya dari wang yang diselewengkan oleh mantan Perdana Menteri melalui 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Saya membangkitkan isu kerana sebenarnya IFFs ini menyekat pembangunan dan perkembangan ekonomi negara kita. Sebagai contoh, peruntukan pembangunan untuk Kementerian Kesihatan bagi tahun 2019 ialah RM2 bilion. Peruntukan untuk Kementerian Pendidikan pula ialah RM5 bilion. Program sarapan percuma pula kosnya ialah RM1.67 bilion. Dengan hasil cukai daripada USD33.74 bilion ini, kita mungkin boleh merencanakan lagi proses pembangunan negara dan program-program lain yang memelihara kebajikan rakyat. Saya hendak menimbulkan beberapa isu tentang RUU ini.

■1510

Pertama ialah berkenaan dengan fasal 19 yang memberikan perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang di mana tiada tindakan guaman atau pendakwaan atau apa-apa prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional. Saya hendakkan suatu penjelasan kerana ada kesan kalau kita tidak ada tindakan kepada sesiapa yang terlibat dalam pusat pencegahan ini.

Kedua ialah berkenaan dengan usaha untuk menangani IFF ialah satu usaha global. GFI menganggarkan sebanyak USD1 trilion telah keluar secara haram dari negara-negara membangun ke negara maju. Oleh itu, kerjasama antarabangsa adalah sangat penting. Saya hendak mencadangkan bahawa kerajaan mendapatkan teknikal *know-how* daripada institusi yang mempunyai kemahiran dalam memantau IFF seperti *IMF Committee on Balance of Payments Statistics Task Force*, dengan izin, dan *Addis Tax Incentive* yang boleh meningkatkan lagi kecekapan dan ketelusan sistem pengutipan cukai domestik.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Minta laluan sedikit, Yang Berhormat Petaling Jaya.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Okey.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Petaling Jaya kerana kita tengok dalam isu 1MDB sebelum ini, saya masih ingat dalam salah satu kenyataan oleh mantan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz pada masa itu, tentang apakah tindakan yang diambil. Jadi, beliau memaklumkan bahawa ada keterbatasan dari segi bidang

kuasa Bank Negara. Maksudnya Bank Negara sudah sedar berlaku sesuatu dalam urusan transaksi ini tetapi Bank Negara hanya mampu menghantar surat dan mendenda tetapi tidak boleh mengambil tindakan yang lebih dari itu.

Jadi, adakah Yang Berhormat rasa patut dipertimbangkan juga untuk memberi lebih kuasa kepada Bank Negara untuk mengambil tindakan yang lebih awal? Sebab daripada kenyataan itu, maksudnya Bank Negara pun sudah boleh *detect* sebenarnya tetapi bidang kuasa tidak cukup untuk ambil tindakan.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Terima kasih. Saya setuju dan harap Yang Berhormat Menteri boleh mengambil isu ini.

Satu lagi isu ialah usaha pemantauan yang adalah sangat penting. Saya hendak tanya, adakah transaksi haram berpunca dari *tax evasion*, penyeludupan, amalan rasuah atau cara-cara lain? Saya memohon kerajaan untuk membentangkan pecahan peratusan punca IFF dan strategi kerajaan untuk menangani IFF berdasarkan setiap punca yang boleh dikenal pasti.

Misalnya, pada tahun 2016, pendedahan *Panama Papers*, dengan izin, telah mendapati 1,784 warga Malaysia telah menyimpan aset atau wang secara sembunyi melalui akaun *offshore*. Saya ingin tahu, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan terhadap warga Malaysia ini? Setelah Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan ini ditubuhkan, rakyat menaruh harapan supaya hasil cukai negara ini dapat dikembalikan kepada negara kita.

Satu lagi isu ialah dengan mempunyai pusat data besar berpusat, *the big data*, bagaimana privasi individu atau korporat akan dilindungi? Juga, bagaimanakah akta ini atau mekanisme lain yang dapat menangani liabiliti korporat untuk memastikan bahawa pelaku kewangan besar boleh dipertanggungjawabkan melalui undang-undang?

Walaupun saya akui bahawa usaha ini amatlah bagus, namun saya perlu bangkitkan kebimbangan mengenai *concentration of power* kepada Perdana Menteri. Rang undang-undang ini menyatakan bahawa Perdana Menteri boleh memberi nasihat kepada YDPA untuk melantik Pengerusi Lembaga Penasihat dan juga Ketua Pengarah NAFCC dan saya rasa isu ini telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat sebelum ini. Saya hendak tanya, apakah tindakan yang akan diambil terhadap isu ini?

Saya percaya dan menyokong bahawa Rang Undang-undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional ini adalah satu langkah yang terbaik bagi memastikan *check and balance* masih berterusan dan ini menunjukkan kerajaan serius

dalam memerangi jenayah kewangan yang berlaku di negara ini. Tahniah kepada niat ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rembau. Sila.

3.15 ptg.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya, saya merakamkan ucapan tahniah kepada kerajaan dan juga Yang Berhormat Menteri atas pembentangan Rang Undang-undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NAFCC) yang mana rang undang-undang ini dilihat sebagai satu perkembangan yang positif dalam kita menangani jenayah kewangan yang bukan hanya menjadi masalah di Malaysia tetapi masalah di peringkat antarabangsa yang meliputi bukan hanya *tax evasion* tetapi juga ketirisan dan penyelewengan yang datang daripada penyalahgunaan subsidi, penyalahgunaan kontrak dan juga beberapa *outflows* yang sebelum ini tidak dapat kita kesan seperti *transfer pricing* dan sebagainya yang mungkin menjadi punca kepada sebahagian besar daripada *outflow* yang telah dimaksudkan dalam perbahasan sebelum ini.

Cuma, dalam perbahasan ini, saya ingin memberi beberapa cadangan kerana rang undang-undang ini merupakan satu permulaan yang baik. Akan tetapi, secara jujur, saya mesti sebut bahawa NAFCC sepertimana yang ada, adalah suatu entiti *neither here nor there*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Neither here nor there* dalam erti kata dua perkara. Pertamanya dari segi kewibawaan dalam konteks kebebasan fungsi dia. Kedua, dari segi bidang kuasa dia. Saya akan kupas dengan lebih lanjut lagi kedua perkara ini untuk kita memantapkan lagi NAFCC ya. Saya bukan tidak menyokong, kami bukan tidak menyokong, tetapi kami hendak lihat bahawa entiti ini bukanlah entiti yang *neither here nor there* tetapi entiti yang mempunyai kebebasan dan kewibawaan dan kredibiliti dan juga kuasa yang mencukupi untuk memastikan bahawa fungsi dia dapat dilaksanakan dengan baik.

Pertamanya adalah apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya tadi dan juga beberapa Ahli-ahli Parlimen Yang Berhormat yang lain iaitu soal Perdana Menteri terlalu berkuasa di dalam pelantikan-pelantikan dalam NAFCC ini. Ini berkaitan dengan reformasi institusi yang dijanjikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan bahawa kuasa itu tidak dipusatkan sangat di Pejabat Perdana Menteri ataupun Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri itu sendiri. Rang undang-undang ini menunjukkan satu lagi contoh *cut and paste* yang klasik yang menunjukkan bahawa hampir semua, bahkan semua pelantikan utama dalam NAFCC ini sebenarnya datang daripada Perdana Menteri. Datang daripada Perdana Menteri nasihat kepada Agong, lebih kurang Perdana Menteri punya pelantikanlah. Itu amalan konvensyen dia.

Jadi, kita hendak tahu, apakah dari segi kewibawaan, dari segi kredibiliti, dari segi kebebasan— sebab, memang betul apa yang disebutkan tadi bahawa walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu adalah Ketua Kerajaan tetapi beliau adalah seorang individu yang tidak terlepas daripada terlibat dalam jenayah. Apabila beliau adalah seorang individu yang tidak langsung tidak ada imuniti daripada jenayah atau jenayah kewangan, maka sudah pasti pelantikan mutlak itu adalah satu percanggahan kepentingan ataupun *conflict of interest*.

Saya mengambil maklum bahawa Yang Berhormat Menteri sebut tadi bahawa perkara ini akan dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen, *Parliamentary Special Select Committee on Key Appointments*. Akan tetapi, saya minta maaf, Yang Berhormat Menteri, ini adalah satu, dengan izin, *afterthought*. Selewat semalam, Yang Berhormat Menteri sebut bahawa tidak perlu, tetapi hari ini mungkin oleh sebab tekanan dan desakan daripada kumpulan-kumpulan *civil society*, disebut bahawa perkara ini akan dirujuk kepada *Parliamentary Special Select Committee*. Banyak pelantikan utama tidak dirujuk dan ini mungkin kali pertama satu peluang dapat dibuat untuk dirujuk kepada *Parliamentary Special Select Committee*.

■1520

Akan tetapi tidak disebut apakah mekanismenya. Adakah ini cuma rujukan secara nasihat ataupun rujukan untuk mengesahkan sahaja. Tidak ada disebut bahawa perkara ini akan dimasukkan dalam akta bahawa diwajibkan untuk dirujuk kepada *Parliamentary Select Committee on key civil service appointments*.

Maka saya melihat bahawa *afterthought* ini tidak memenuhi semangat reformasi institusi yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: *[Bangun]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ya Yang Berhormat Kepala Batas.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Rembau, terima kasih. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rembau dan juga yang dibangkitkan oleh sebelah sana tadi tentang kebebasan Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri untuk melakukan pelantikan. Akan tetapi ada satu perkara lagi Yang Berhormat Rembau. Bersetujukah bahawa dalam satu fasal juga ada sedikit gangguan di sini saya lihat pada fasal 10(2) berkaitan dengan kedudukan pendakwa raya dalam jawatankuasa eksekutif.

Ini memberi perlambangan seakan-akan pendakwa raya juga terlibat dalam siasatan dan juga akan terlibat dalam pendakwaan. Adakah ia bukan dilihat sebagai satu gangguan serius dalam urusan keadilan negara? Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas. Saya masukkan dalam ucapan saya kerana pemisahan antara siasatan dan pendakwaan itu adalah satu prinsip yang sangat-sangat jelas dalam mana-mana badan penguatkuasaan yang perlu kita dapat pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri kenapa wakil daripada pendakwa raya itu ada dalam jawatankuasa eksekutif ya yang mungkin akan bincangkan soal siasatan dan sebagainya.

Baik saya pergi kepada perkara yang seterusnya iaitu berkenaan dengan kuasa yang diberikan kepada NAFCC ini. Minta maaf, tambahan kepada soal pelantikan tadi. Saya difahamkan bahawa pelantikan telah pun dibuat. Saya rasa ketua pengarah adalah seorang pegawai kanan yang sangat berwibawa tetapi apakah dengan pelantikan yang telah dibuat dan juga keputusan untuk rujuk pelantikan-pelantikan baru kepada jawatankuasa ini, apakah status ketua pengarah yang ada sekarang.

Saya percaya dirujuk pun kepada jawatankuasa khas yang sedia ada memang layak dan memang boleh dipertimbangkan. Akan tetapi apakah kerajaan telah buat pelantikan dahulu selepas itu baru hendak menggubal satu rang undang-undang.

Baik, saya pergi kepada kuasa yang diberi kepada NAFCC ini untuk menjalankan fungsi. Menjalankan fungsi antaranya adalah untuk menubuhkan satu pangkalan sistem data berpusat. Saya hendak sebut di sini bahawa bagi penubuhan sistem data berpusat, peruntukan di dalam fasal 15 ini agak longgar. Sebagai contoh, untuk tujuan penerimaan maklumat, sub fasal 15(13), NAFCC boleh meminta atas inisiatif sendiri atau menerima apa-apa maklumat dan laporan berkenaan daripada mana-mana orang atau entiti kerajaan.

Sepatutnya Yang Berhormat Menteri, entiti kerajaan dan agensi lain yang berkaitan mempunyai kewajipan untuk berkongsi maklumat dan data jenayah kewangan kepada NAFCC. Kalau sekiranya hendak tubuhkan satu pangkalan data maklumat, saya percaya tidak perlu diminta tetapi semua maklumat itu perlu diserahkan dan disalurkan dalam satu data bank yang disimpan oleh NAFCC.

Selain itu, terdapat pula limitasi atas kekangan kepada NAFCC dalam mendapatkan maklumat daripada agensi penguatkuasaan berkaitan. Sub fasal 15(4) menetapkan bahawa mana-mana entiti kerajaan atau agensi penguat kuasa boleh setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang bertulis yang terpakai memberi maklumat kepada NAFCC apa yang mereka fikirkan patut bagi maksud apa-apa operasi bersepadu.

Jadi, di sini saya faham walaupun ada kekangan dan keterbatasan undang-undang tetapi ini menimbulkan satu kebimbangan bahawa peruntukan yang lemah dan kekangan yang tidak wajar ini merendahkan kredibiliti NAFCC. NAFCC kena minta, NAFCC mungkin berdepan dengan *turf war*, dengan birokrasi daripada agensi lain. Saya mahu supaya NAFCC ini dapat segala maklumat yang diperlukan tanpa untuk minta, tanpa untuk berdepan dengan birokrasi, *turf war* dan sebagainya.

Ini kerana apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri itu saya setuju bahawa kita kena pecahkan segala *silo* supaya kita dapat keterangan dan maklumat daripada semua agensi untuk NFCC ini menjalankan tugas-tugasnya dengan berkesan.

Secara prinsip, jika beginilah struktur dan komposisi rang undang-undang ini walaupun tanpa rang undang-undang ini, kerajaan pada bila-bila masa pun boleh menubuhkan sebuah pasukan petugas khas ataupun jawatankuasa khas antara agensi, *inter-agency task force or committee* bersifat majlis-majlis tindakan dan sebagainya tanpa rang undang-undang. Kita hendak bentang rang undang-undang ini kerana kita hendak beri kuasa – *teeth* kepada agensi ini.

Kalau setakat macam ini, macam dahululah. Macam kita tubuhkan *task force*, macam kita tubuhkan *anti-agency committee* dan sebagainya. Saya mahu supaya NFACC ini betul-betul ada kuasa dan juga ada *jurisdiction* untuk memastikan bahawa ia dapat menjalankan tugasnya dengan baik.

Jadi, kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua memandangkan rang undang-undang ini memberi punca kuasa kepada NFCC dalam penyelarasan dan koordinasi pelbagai kementerian dan agensi, seharusnya ia mempunyai satu struktur kuasa yang lebih kukuh. Mungkin MKN bukanlah contoh *apple to apple* yang terbaik tetapi itu adalah contoh bagaimana satu agensi itu ditubuhkan untuk memastikan bahawa ia mempunyai kuasa dan *cross-agency jurisdiction* yang mencukupi.

Seharusnya, Ketua Pengarah NFCC mempunyai peruntukan kuasa yang lebih jelas dengan *directive* untuk mengetuai operasi bersepadu dan kuasa untuk mendapatkan sebarang maklumat dan data kepada sistem data berpusat NAFCC tanpa

terpaksa diminta dan sebagainya. Perlu ada pindaan untuk mewajibkan semua agensi penguat kuasa berkaitan untuk berkongsi maklumat dan data kepada sistem data berpusat NAFCC.

Mungkin perlu ada satu fasal yang memberi kuasa kepada NAFCC untuk mengakses maklumat secara bebas tanpa dikekang oleh akta lain ataupun kerahsiaan dan sebagainya. Saya secara prinsip Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini dengan syarat agar pindaan-pindaan tersebut dapat dipertimbangkan untuk memperkukuhkan kewibawaan, kebebasan dan juga kecekapan NAFCC ini yang saya lihat sangat penting untuk kita mencegah jenayah kewangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Krai. Selepas itu Yang Berhormat Bukit Bendera. Sila.

3.27 ptg.

Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: *Bismillahi rahmanir rahim. [Kata-kata aluan dalam bahasa Arab]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mulakan dengan membaca ayat Al-Quranul Karim. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Maksudnya, dan janganlah kamu makan atau mengambil harta orang-orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu yakni memberi rasuah kepada hakim-hakim kerana hendak memakan atau mengambil sebahagian dari harta manusia dengan berbuat dosa padahal kamu mengetahui salahnya.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional ini adalah bertujuan untuk memberi punca kuasa kepada Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NAFCC) yang merupakan satu inisiatif yang dibuat di bawah Pelan Anti Rasuah Kebangsaan 2019-2023 dengan tujuan utamanya bagi menjalankan operasi bersepadu dalam menangani jenayah kewangan dan mengekang ketirisan dalam sistem ekonomi negara.

Saya bangun mengambil bahagian kerana memikirkan bahawa hasrat daripada rang undang-undang ini adalah amat baik. Saya ucap tahniah kepada kerajaan di atas inisiatif untuk memerangi rasuah hingga ke akar umbi di mana rasuah kita dapati akan memberi kesan besar terhadap beban kehidupan rakyat dan akan juga meruntuhkan asas keseluruhan sesebuah negara.

Tujuan dan fungsi utama pusat ini adalah untuk menyelaraskan usaha sekurang-kurangnya 12 agensi penguatkuasaan sedia ada. Antaranya PDRM, SPRM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Bank Negara dalam memerangi dan mencegah jenayah kewangan di persada domestik dan antarabangsa. Pusat ini akan bertindak sebagai penyelar operasi bersepadu bersama agensi penguat kuasa undang-undang dan bukanlah sebuah agensi penguat kuasa yang baharu dan tidak mempunyai kuasa siasatan.

Tuan Yang di-Pertua, penyelewengan termasuk penipuan sama ada juga rasuah dan sebagainya menjadi perkara yang tidak sepatutnya berlaku. Sekiranya kita mengamalkan ataupun mengiktiraf negara kita sebagai sebuah negara Islam dan mengamalkan sistem Islam sepenuhnya. Ini kerana Islam mengharamkan bahkan membenci, amat tidak menyukai dan juga memerangi rasuah sehingga ke akar umbi.

Dalam habis Nabi, Nabi SAW bersabda, *[Membaca sepotong hadis]* Rasulullah SAW melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah. Dalam hadis yang lain, *[Membaca sepotong hadis]* “*Sesiapa memberi jaminan ataupun menjadi pemudah cara, perantara, orang tengah kepada kawannya dalam mendapat sesuatu projek kerja dan sebagainya, maka orang tersebut memberi hadiah kepadanya dan dia menerimanya, maka dia telah memasuki pintu yang cukup besar daripada pintu riba*”.

■1530

Tuan Yang di-Pertua, pada 1 Jun 2018 Pusat Governans, Integriti, dan Anti Rasuah Nasional (GIACC) telah ditubuhkan susulan langkah kerajaan dalam usaha membanteras rasuah. GICC ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang membuat laporan terus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Manakala, Pelan Anti Rasuah Nasional 2019-2023 yang telah dilancarkan pada awal tahun ini oleh kerajaan dan penggubalan undang-undang berkaitan telah dilaksanakan bagi perkukuhkan tabir urus dalam usaha memperbaiki kedudukan negara dalam Indeks Persepsi Rasuah. Menerusi GIACC yang diberi tanggungjawab untuk memantau semua inisiatif di bawah Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah dan pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional dan memastikan pelaksanaannya membawa impak yang positif kepada negara.

Setiap tahun Tuan Yang di-Pertua, negara kita mencatat kehilangan hasil sebanyak RM8 bilion akibat penyeludupan rokok dan alkohol. Isunya di sini bukanlah sekadar isu penyeludupan bahkan ia membabitkan isu berkaitan sogokan. Penggunaan kumpulan mafia, pengelakan cukai dan proses-proses transaksi bank yang

mencurigakan. Pada tahun 2016, menurut Bank Dunia kegiatan ekonomi bawah tanah, *black economic* menghasilkan antara 20 hingga 30 peratus KDNK Malaysia.

Ketua Pengarah Kastam pada tahun 2018 mendedahkan ekonomi bawah tanah membabitkan kegiatan setiap penyeludupan. Dianggarkan bernilai RM5 bilion hingga RM7 bilion setahun. Aktiviti penggubalan wang haram di Malaysia yang disiasat oleh pihak berkuasa dalam tempoh tiga tahun iaitu di antara tahun 2011 sehingga 2013 mencecah RM13.1 bilion. Membabitkan 13,126 kes pelbagai jenis kesalahan jenayah.

Undang-undang dalam negara kita yang sudah ada yang cukup keras sebenarnya yang sepatutnya digunakan sebaik mungkin. Antaranya ialah, contohnya ialah seperti di bawah AMLA seksyen 4(1) yang apabila terlibat dengan kesalahan penjara sehingga 15 tahun. Seksyen 4(1) lima juta. Seksyen 28(b) AMLA, dendanya sampai tiga juta dan sebagainya, ini antara contoh bahawasanya di dalam negara kita tidak kurang akta-akta yang telah pun sedia ada yang sepatutnya dikuatkuasakan dan digunakan dengan sebaik mungkin supaya tidak berlaku ketirisan dan tidak berlaku penyelewengan dalam isu kewangan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, memastikan sebarang akta dan undang-undang yang digubal tidak di salah gunakan untuk menyasarkan penentang politik. Banyak isu-isu yang berlaku dalam setahun enam bulan terakhir ini antaranya ialah yang terbaru contoh terbaru yang satu dua hari ini disebut ialah salah seorang bekas Ahli Parlimen mendedahkan senarai penerima wang 1MDB yang asalnya ada tiba-tiba lenyap apabila beliau bertukar geng. Ini jelas menunjukkan ketidaktelusan dan amal terpilih masih jelas dalam SPRM walaupun Pengerusi baharunya bertegas SPRM kini mempunyai integriti. Kita bimbang rakyat melihat perkara ini sebagai jalan untuk menyelamatkan diri para pemimpin yang terlibat dalam rasuah hanya perlu geng dan dia akan selamat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, penjelasan.

Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Minta penjelasan. Saya ingin bertanya sebab menyebut nama Ahli Parlimen ini saya takut saya terlibat, kawan-kawan banyak terlibat. Siapakah Ahli Parlimen tersebut?

Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Bekas Ahli Parlimen. Maksud saya ialah bekas Ahli Parlimen Barisan Nasional mendedahkan bahawasanya ada salah seorang senarai nama yang telah disebut dalam senarai penerima wang 1MDB tetapi telah digugurkan apabila bertukar geng. Contoh yang kedua ialah saya juga tertarik mengenai isu penjualan IC.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Ya. Ya.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Boleh?

Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Masa tidak cukup ini. Saya juga tertarik dengan isu penjualan IC. Ternyata isu ini bukan kecil, kalaulah IC merupakan perkara terpenting untuk mengesahkan identiti seseorang terhadap sesebuah negara pun dijual, bermakna rasuah dalam negara kita ini sudah berada di tahap yang sangat teruk. Dikatakan penjualan IC ini mengaut keuntungan antara RM100,000 sehingga RM600,000 hasil jualan MyKad berkenaan kepada warga asing. Ternyata pencabulan ini adalah sangat teruk dan tidak bertanggungjawab. Saya harap mereka yang bersalah dikenakan hukuman yang maksimum agar menjadi paduan kepada orang lain. Saya juga menyarankan agar kerajaan menjelaskan berapakah IC palsu ini telah berlegar dalam negara kita ini?

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya sebutkan tadi memastikan bahawasanya melalui akta ini dan lain-lain lagi akta yang telah sedia ada dalam negara kita ini, bahawa undang-undang yang digubal ini tidak disalahgunakan dan menyasarkan penentang politik semata-mata. Saya bagi contoh satu hadis Nabi SAW sebagai panduan kita. Dalam satu riwayat oleh Aisyah RA, beliau menyatakan... *[Membaca sepotong hadis]* Nabi bersabda dengan maksudnya, *“Wahai manusia sesungguhnya umat terdahulu rosak dan binasa kerana apabila pemimpin atau orang yang mempunyai kedudukan di kalangan mereka mencuri, maka mereka akan dibiarkan atau dibebaskan. Dan apabila yang mencuri itu rakyat biasa, maka mereka akan laksanakan hukuman hudud ke atasnya. Demi Allah, jika Fatimah binti Muhammad mencuri, nescaya akan aku potong tangannya.”* Ini adalah hadis nabawi. Contoh bahawa Nabi SAW bertegas dalam isu ini.

Terbaru saya bagi contoh perkara-perkara yang perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan walaupun disebut tidak di sebut secara jelas tetapi saya yakin ini ada isu. Antara contoh ialah yang disebut oleh salah seorang pemimpin Ahli Parlimen kita juga, dia kata *“Awak curi satu jean, awak duduk enam bulan di penjara. Awak curi bilion, awak dapat Tan Sri atau Tun.”* Ini contoh. Yang kedua terakhir Tuan Yang di-Pertua ialah kata-kata veteran PKR. Bahawasanya wujud dalam negara kita ini satu suasana baharu iaitu *kleptocracy* kroni, ini satu perkara cukup besar yang perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan supaya perkara ini, undang-undang ini dapat dilaksanakan dengan telus.

Terakhir, supaya memastikan skop tugas tidak bertindih dengan agensi penguatkuasaan yang sedia ada dan memberi kuasa kepada jawatankuasa

pengawasan untuk memberi arahan mengenai sesuatu siasatan bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa sebagaimana disebut dalam fasa 4 akta ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bukit Bendera. Selepas itu Yang Berhormat Arau.

3.37 ptg.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut ingin menyertai perbahasan Rang Undang-undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019. Ini merupakan satu rang undang-undang untuk mewujudkan satu agensi Federal untuk operasi bersepadu untuk membanteras jenayah kewangan.

Sebelum ini, agensi-agensi kerajaan telah bekerja dalam bentuk silo, mempunyai *database* yang berlainan dan diharapkan melalui pembentukan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional ini boleh berkongsi *database*, boleh mewujudkan *big data pool*, supaya jenayah kewangan ini dapat diberikan pambanteras yang lebih tersusun.

Kalau kita kaji di peringkat antarabangsa, beberapa agensi di peringkat antarabangsa seperti USA. Kalau di United State dia panggil *Financial Crimes Enforcement Network* (FinCEN). Di Kanada *Financial Transaction and Report Analysis Center of Canada* (FINTRAC). Di UK, *Economic Crime Center*. Australia, *Transaction Report and Analysis Center*. Berbagai-bagai jenis *financial crime* atau jenayah kewangan. *Online fraud, money games, offshore transaction*. Kalau *crypto currency* yang tidak dikawal selia, yang merentasi sempadan negara dan melibatkan banyak pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya membaca laporan tahunan untuk FINTRAC Kanada tahun 2017. Agensi pencegahan jenayah kewangan di Kanada bekerjasama, mempunyai 100 *bilateral agreements* dengan negara-negara untuk berkongsi *financial intelligent* maklumat-maklumat *financial* untuk peringkat antarabangsa secara *G to G*, secara *government to government*.

■1540

Oleh itu, rang undang-undang ini perlu untuk kita menubuhkan satu *government* – Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan peringkat nasional supaya kita dapat

berkomunikasi, berkongsi maklumat dengan *centre* ataupun Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan yang lain di tempat-tempat lain.

Jikalau di FINTRAC Kanada, dia mempunyai infrastruktur IT yang sangat *sophisticated*, dia mempunyai setiap *database* IT – ia boleh – setiap tahun ada 25 juta *new financial reports*. Antara lain *electronic fund transfer (EFT) transaction report*, *suspicious transaction reports*, *cross borders transaction report*, *suspicious activity reports (SAR)* dan sebagainya. Oleh itu dia menyimpan banyak laporan daripada bank-bank, daripada institusi kewangan, dia membuat *filtering*, membuat analisis kemudian *generate actionable financial intelligence for police and also other enforcement agency*. Oleh itu dia telah melabur *stick to the art, IT Analytic System*. Ini merupakan contoh di Kanada apabila mereka membuat pelaburan besar untuk mengumpul maklumat-maklumat kewangan yang banyak.

Saya ingin merujuk kepada seksyen di bawah D.R.28 ini iaitu seksyen 16, kuasa untuk mengumpul maklumat. Di bawah seksyen 16(1), "*Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional boleh melalui suatu notis bertulis mengarahkan mana-mana orang yang mempunyai apa-apa dokumen yang berkaitan untuk serah dokumen itu kepada pusat pencegahan*". Kuasa ini amat besar, saya ingin mengingatkan kerajaan dan Yang Berhormat Menteri bahawa klausa ini besar dengan seksyen 16(6), "*Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM1 juta atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun ataupun kedua-duanya*".

Oleh itu kuasa itu hendaklah digunakan secara berhemah oleh pihak eksekutif kerana kuasa untuk mengumpul maklumat yang begitu besar dengan *database* yang begitu besar, itu perlu digunakan secara berhemah. Saya sebenarnya ingin mengingatkan pihak eksekutif bahawa terhadap *data privacy*, terhadap *personal data protection*, terhadap BAFIA *act* yang melindungi pengguna-pengguna yang melindungi rakyat. Itu perlu diberikan satu keseimbangan dalam kita membanteras jenayah kewangan ini. Kita juga perlu melihat kepada *data privacy* dan juga *personal data protection* oleh rakyat.

Di bawah Jadual Kedua, di bawah seksyen ini, antara lainnya di bawah RUU ini juga menyatakan bahawa siasatan boleh dikena- Di bawah jadual kesalahan-kesalahan di bawah Jadual Kedua kepada Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, iaitu satu senarai yang panjang dengan pelbagai akta, pelbagai perundangan. Oleh itu saya harap

kuasa yang besar ini, kuasa yang mengumpul maklumat yang besar ini, kuasa menganalisis maklumat yang besar ini, kuasa berkongsi maklumat dengan antarabangsa ini hendaklah diseimbangkan dengan privasi dan juga *data protection* kepada rakyat.

Seperti yang kita tahu, jenayah kewangan sekarang menjangkau *multiple jurisdiction* dengan secara global, dengan pelbagai produk dan juga perkhidmatan. Oleh itu kita perlu bekerjasama dengan *partner* di domestik dan antarabangsa untuk membanteras jenayah kewangan. Antara jenayah kewangan yang terkenal ataupun *famous* yang mempunyai nama yang buruk seperti skandal 1MDB, *Panama leak* dan sebagainya.

Selain itu saya ingin meminta pihak kerajaan untuk melihat kepada beberapa, tiga isu. Selain daripada pelaksanaan Rang undang-undang Pusat Pencegahan Kewangan Nasional ini, ada tiga perkara yang saya ingin *highlight* kepada pihak kerajaan iaitu negara kita Malaysia telah menandatangani *Treaties on Mutual Legal Assistance in Criminal Matters* iaitu di bawah Akta Bantuan Bersama Perkara Jenayah 2002. Kita telah menandatangani *treaties* ini dengan sembilan buah negara ASEAN dan juga dengan Australia, dengan Hong Kong Special Area Region, dengan USA, UK, India dan Republic of Korea. Kita hanya menandatangani *treaties* dengan 14 buah negara sahaja. Bagaimana dengan negara-negara lain, adakah kita lebih aktif dalam supaya kita boleh mendapatkan kerjasama dengan autoriti-autoriti kerajaan lain untuk membuat siasatan-siasatan terhadap jenayah kewangan.

Begitu juga dengan *Extradition Act* 1992, kita perlu lihat bagaimana kita dapat menggunakan *Extradition Act* ini untuk memanggil balik, dengan bantuan kerajaan asing untuk membuat siasatan terhadap penjenayah-penjenayah yang di luar negara. Begitu juga dengan satu perjanjian *Automatic Exchange of Information* (AEOI) untuk percukaian. AEOI untuk negara-negara OECD. Kita telah menyertai forum AEOI pada tahun lalu. Di bawah pengumuman bajet pada tahun 2019 kita telah umum, itu boleh membantu kita untuk memastikan bahawa berkongsi maklumat dengan *tax* autoriti negara lain supaya untuk menguatkuasakan terhadap mereka yang lari dari cukai.

Oleh itu saya meminta ketiga-tiga perundangan dan juga *agreement* antarabangsa ini diberikan penekanan supaya pusat yang kita tubuh nanti, Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional ini mempunyai kekuatan, mempunyai *international reach* yang boleh kita gunakan untuk membanteras jenayah kewangan

yang semakin *sophisticated* dan semakin kompleks. Oleh itu saya mohon menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Arau. Sila.

3.58 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya. Okey, yang saya cakap tadi supaya jiwanya sama seperti Tuan Yang di-Pertua, jangan berubah ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Jiwa dan raga.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, pertama sekali saya menyokong Rang Undang-undang NAFCC ini yang sekali gus sama-sama untuk membendung aktiviti-aktiviti jenayah kewangan supaya tidak berleluasa. Walaupun...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini baru saya dengar kedua kali Yang Berhormat Arau menyokong, selama ini dia bangkang sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Dari Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang keduanya, saya akan ikut arahan Speaker yang awal iaitu semua kami sembilan orang, boleh bercakap seorang selama 15 minit ataupun 10 campur lima, *no problem*. Pertama sekali kita menyokong rang undang-undang ini untuk membendung jenayah kewangan. Cuma saya bimbang sedikit apabila kita buat rang undang-undang dan juga pelbagai rang undang-undang, ada tendensi peguam-peguam *criminal* ini yang sekarangnyanya ramai yang duduk dalam kerajaan dan juga di luar kerajaan yang akan menyokong kepada perkara-perkara yang menyokong kepada *criminal*.

Contohnya macam undang-undang untuk membatalkan hukuman mati. Bayangkan ada di antara peguam ini, sekarang Menteri Kabinet, adalah di antara orang yang pernah terlibat menjadi *lawyer* kepada orang yang dihukum mati. Orang yang dihukum mati sekarang ini sedang menunggu di dalam penjara sana seramai 1,281 orang. Apakah seramai 1,281 orang ini mewakili rakyat Malaysia?

■1550

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Rakyat Malaysia seramai 33 juta orang...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Memerlukan perlindungan dan hukuman mati mesti dipertahankan supaya diteruskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Setiawangsa minta laluan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Tadi Yang Berhormat Kinabatangan boleh, Setiawangsa boleh?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Eh, saya belum bercakap lagi. Sekejap lagi saya bagi.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Okey.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagi saya cakap dulu. Yang Berhormat Setiawangsa orang baik, saya bagi *chance*. Kalau jahat saya tidak bagi. Pertama sekali perkara 52, iaitu perkara 52 menyebut— tadi saya tidak perasan sama ada Yang Berhormat Menteri sudah pinda. Saya rasa macam dengar Yang Berhormat Menteri kata, ia akan dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk memilih lembaga penasihat.

Akan tetapi dalam ini perkara 52 bahawa lembaga penasihat dipilih oleh Perdana Menteri dan seperti Yang Berhormat Jelutong sebut mesti seorang yang ikhlas dan jujur. Ikhlas dan jujur kebanyakan berada di sebelah 'sini'. Sebelah 'sana' mungkin ikhlas tetapi tidak jujur. Sini ikhlas dan jujur. Itu bezanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Itu bukan sangkaan jahat kah?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Itu bezanya. Jangan kerana dua, tiga orang, kita tuduh kami? Kami semua majoriti adalah kumpulan ikhlas dan jujur. Okey, jadi kita setuju, kawan-kawan merasa terpanggil untuk menyebut kenapa kita memilih lembaga penasihat di atas nasihat Perdana Menteri. Kita kena ingat, sudah sampai masanya untuk memilih lembaga penasihat ini mestilah orang yang bebas. Mesti dipilih oleh Parlimen. Parlimen sekarang ini mula perlahan-lahan mesti diberikan kuasa untuk memikirkan hala tuju negara. Saya sudah lama ini— Tuan Yang di-Pertua, saya sudah pening kepalalah. Malaysia ini tidak berhenti kita cakap tajuk tentang "Anwar"— *Allahuakhbar*, Yang Amat Berhormat Langkawi. Tidak mahu cakaplah, duduk di depan. *[Ketawa]*

Kenapalah dia masuk awal sangat? Okey, *wallahualam*. Okey, tajuk ini balik. Kita bahas masuk ke tajuk ini bahawa, pemilihannya mesti dibuat oleh Parlimen dan bukan Perdana Menteri. Jadi, kalau semua kita bincang tajuk Perdana Menteri, Perdana Menteri, tidak habis-habis, kita tidak boleh makan. Sebab tiap-tiap kali kita berucap saya tengok jatuh. *Sat-sat* jatuh lagi dua poin *market*. Saya bimbang betul-betul bahawa dalam keadaan...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi selepas saya berucap, sering kali dia naik sikit ya.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Orang baik ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Setiawangsa telah minta untuk laluan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, okey habis cerita. Jadi kita minta supaya perkara 52 ini dipilih di kalangan Ahli Parlimen.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, saya bagi seminit ya. Yang Berhormat cepat.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih. Jadi, saya *take note* apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Arau tentang untuk minta supaya jangankan kuasa itu dipusatkan kepada Perdana Menteri. Cuma saya mahu tanya Yang Berhormat Arau ketika apa yang Yang Berhormat Arau anggap sebagai orang-orang jujur dan ikhlas itu duduk di sebelah kerajaan, kenapa waktu itu tidak diturunkan kuasa sebagai mana yang diminta oleh Yang Berhormat Arau pada hari ini?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, sebab kami ikhlas dan jujur. Hendak turun kuasa dekat mana lagi? Yang Amat Berhormat Langkawi sendiri, bekas Timbalan Perdana Menteri ikhlas dan jujur. Kawan baik saya Yang Berhormat Port Dickson, kawan baik saya ikhlas dan jujur. Lihat kami sebelah sini, kami tidak pernah kacau orang dan negara telah ditadbir aman dan makmur di bawah Yang Amat Berhormat Langkawi dan juga Yang Berhormat Port Dickson. Negara hebat. Akan tetapi apabila mereka berdua ada 'sikit-sikit' sahaja kita lihat negara ada kurang hebat sikitlah.

Okey, *mai* tajuk ini balik. Tajuk ini ialah tajuk tentang penggubahan wang haram. Wang haram— sebab hampir dua per tiga wang haram ini, wang haram beredar— kutipan kita ialah lebih kurang RM23 bilion, SST. Kalau dulu GST sebanyak RM44 bilion.

Akan tetapi wang haram, beredar sebanyak RM15 bilion ke RM30 bilion, lagi laju. Makna kata, wang haram lebih banyak beredar daripada kutipan kerajaan. Benda ini bahaya. Kita mengharapkan supaya pengenalan rang undang-undang ini mampu untuk mengutip balik separuh, sekurang-kurangnya wang haram tersebut dengan kaedah-kaedah tertentu. Saya sering beritahu kaedah ini, mungkin tidak digemari tetapi inilah kaedah di mana kita boleh...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat Arau?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Kutip wang ini dengan hebatnya, tanpa membiarkan ia berleluasa di tangan orang-orang yang tidak sewajarnya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Arau? Yang Berhormat Arau? Boleh? Sikit?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kasihanilah kepada ku, tinggal tiga minit lagi.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Arau, lebih kurang RM15 bilion sehingga RM30 bilion wang yang tidak boleh dikesan. Ini belum termasuk RM8 bilion daripada wang berbentuk penyeludupan, rokok, barang-barang lain dan sebagainya.

Jadi apakah Yang Berhormat Arau ingin mencadangkan kepada kerajaan bahawa *enforcement* juga harus diberikan penekanan. Oleh sebab pengedaran rokok, arak dan sebagainya ini satu tahun berjumlah beratus-ratus juta, tetapi yang ditangkap cuma sebanyak RM10,000 ke RM20,000. Minta pandangan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, masukkan ke dalam sebahagian ucapan saya yang hebat ya. Okey, Tuan Yang di-Pertua masuk tajuk ini balik. Kita hendak memastikan supaya wang beredar secara haram kerana ada pemain-pemain di sana, ada orang-orang yang terlibat dengan jenayah itu mengedarkan duit dan yang paling penting ada peguam-peguam yang mempertahankan mereka.

Sebahagian daripada peguam ini berada di dalam Dewan ini untuk membincangkan isu-isu tentang pemilihan wang haram. Padahal mereka ialah orang yang terlibat secara langsung atau tidak langsung mempertahankan aktiviti jenayah ini. Ini contohnya, seorang exco telah ditangkap. Saya berharap ia tidak melibatkan wang haram yang dihantar keluar untuk membantu gerakan-gerakan yang tidak bagus di luar negara.

Okey, sekarang ini akhir sekali, sebab apa masa tidak mengizinkan tetapi bagilah saya tiga ke empat minit ya. Akhir sekali, ini fasal 1MDB. Saya sudah letih dengan Yang Berhormat Jelutong ini. Tidak berhenti sebut fasal 1MDB. Hutang sebanyak RM3.1 bilion, okey Yang Berhormat. Saya pun tidak mahu— kalau betul 1MDB ini mencuri, saya pun mahu dipertimbangkan dengan adil. Akan tetapi kalau sekiranya sebahagian daripada harta 1MDB ini dijual, kena tolaklah. Sekarang ini kita jual Bandar Malaysia sebanyak RM7.4 bilion, tolaklah. RM31 bilion tolak RM7.4 bilion berapa Yang Berhormat Pontian?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Soalan saya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: RM26 bilion.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Penjualan itu runding terus atau tender terbuka?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Keduanya, penjualan aset yang dibuat dengan berleluasa saya tanya kawan-kawan daripada Kabinet pun, daripada Ahli Parlimen sebelah sana pun bimbang. Ini Yang Berhormat Port Dickson tolong tengok ini. Mereka sedang jual aset, mahu jual negara *kah?* Hotel yang begitu indah di *Singapore* dijual dengan harga sebanyak RM1.45 bilion. *[Disampuk]* Runding terus. Kalau beritahu dekat saya, mungkin saya dengan Tuan Yang di-Pertua boleh pakat-pakat boleh beli hotel itu. Kenapa jual kepada *Singapore?*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Jangan libatkan Tuan Yang di-Pertua ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini tanah di Perlis sebanyak 4,300 hektar. Perlis mana ada tanah, itu sahaja tanah yang ada. Ini dia jual RM0.30. Kalau bagi orang Perlis boleh beli seorang satu hektar, RM0.50 kita beli. RM0.30 bererti sebanyak RM120,000. Harga tanah *kongkiak* pun RM100,000 lebih.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini tanah *prime area*, dengan izin...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Setiawangsa minta laluan Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Prime area* dijual dengan harga sebanyak RM0.30 ya.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, kita mahu tanya kepada kerajaan...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan? Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Aset ini dijual dengan cara bagaimana? Kenapa diam-diam menjual? Kenapa jual? Untuk apa dijual? Saya minta tolonglah kawan-kawan saya, bakal-bakal Perdana Menteri, selamatkanlah negara ini.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Yang Berhormat Arau minta laluan? Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sebenarnya masa pun sudah tamat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, kita minta selamatkanlah negara ini daripada penjualan aset yang secara gila-gila. Kemudian ambil duit PETRONAS sebanyak RM82 bilion. Ke mana duit ini pergi wahai negara? Kawan-kawan yang bercita-cita untuk menjadi Perdana Menteri, kami akan sokong. Pastikan untuk selamatkan negara ini. Sesiapa yang mahu menjadi Perdana Menteri, selamatkanlah negara ini.

Perdana Menteri sekarang ini boleh teruskan sementara tetapi selamatkanlah negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi kalau semua sudah tidak layak lagi menjadi Perdana Menteri, serahlah kepada kami untuk kami menguruskan dengan baik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Akhirnya, inilah waktu Yang Berhormat Arau. Terima kasih Yang Berhormat Arau, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Lembah Pantai.

3.59 ptg.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu Yang Berhormat Arau sudah pukul 4.00 petang. Memang *timing* dia *perfect* pukul 4.00 petang hari-hari. Sebelum saya meneruskan perbahasan saya ingin mengalu-alukan kehadiran Ahli-ahli Jawatankuasa Bahagian P.185, Batu Sapi. Ini daripada Yang Berhormat Menteri dari Parti Warisan Sabah.

Bismillahir Rahmanir Rahim. Saya ingin turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019. Tuan Yang di-Pertua, saya beranggapan bahawa ini adalah satu rang undang-undang yang

bertepatan dengan masanya. Akan tetapi bila kita lihat kepada fakta dari tahun 2006 hingga tahun 2015, sewaktu pentadbiran-pentadbiran yang dahulu di bawah dua Perdana Menteri sebelum ini, sebanyak RM1.8 trilion didakwa telah hilang.

■1600

Pada tahun 2015 sahaja, sewaktu pentadbiran Perdana Menteri ke-6, Malaysia berada di kedudukan tangga ketiga dengan jumlah pengaliran wang haram keluar daripada negara kita berjumlah RM138.61 bilion. Ini satu angka yang cukup besar bila kita lihat setiap tahun belanjawan kita, mungkin dua kali ganda daripada jumlah yang hilang ini.

Malah kalau kita lihat dari segi penyeludupan rokok dan arak sahaja, jumlahnya adalah RM8 bilion anggarannya. Ini adalah anggaran. Untuk sebagai perbandingan, belanjawan untuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur setiap tahun adalah lebih kurang RM2.9 bilion. Ini bermaksud setiap tahun daripada penyeludupan rokok dan arak sahaja boleh menampung pengurusan dan projek-projek di Kuala Lumpur sebanyak dua setengah kali ganda. Ini adalah satu realiti yang telah terlalu lama berlaku.

Akhirnya pentadbiran ini menunjukkan satu perubahan yang cukup positif dan, *insya-Allah*, akan membantu kita untuk mengenal pasti dan membawa ke muka pengadilan mereka yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti seperti pelarian cukai, pengelakan cukai, penyeludupan serta salah guna subsidi dan insentif cukai.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang ada disebut oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi termasuklah isu, dengan izin, *working in silos* di mana dengan adanya Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan (NAFCC) ini, semestinya pelbagai agensi kerajaan akan dapat bekerjasama. Isunya adalah tadi ada Yang Berhormat Rembau bangkitkan, isu berkenaan dengan *sharing of information*, dengan izin. Ini satu perkara yang penting. Akan tetapi, saya juga agak waspada bila masa kita ingin menubuhkan satu pangkalan data bahawa *track record*, dengan izin, ataupun sejarah kita dengan data ini, mungkin perlu kita lihat kesesuaian ataupun dari segi keselamatannya.

Kalau Tuan Yang di-Pertua ingat pada tahun 2014, satu pangkalan data yang besar yang diusahakan oleh pihak kerajaan pada waktu itu di antara syarikat-syarikat telekomunikasi, sebuah syarikat bernama Neumera Sdn Bhd telah menghilangkan

ataupun kita telah kehilangan 43 juta data semua pengguna syarikat-syarikat telekomunikasi di seluruh negara. Sebanyak 43 juta lebih data pengguna telekomunikasi.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Sila, sila, Yang Berhormat Kepong.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Lembah Pantai, ini fasal *sharing of information* dan wang haram. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat Lembah Pantai mengenai satu kes yang berlaku pada Mei tahun lepas iaitu seorang Pengarah Polis CID daripada Bukit Aman, namanya Wan Ahmad Najmuddin. Pihak negara Australia telah membekukan wangnya sebanyak RM1 juta di Australia sebab terlibat dalam wang haram. Akan tetapi, saya hendak tanya Yang Berhormat Lembah Pantai, pendapat Yang Berhormat Lembah Pantai, mengapa sehingga sekarang pihak polis negara kita, SPRM, Bank Negara, Kerajaan Malaysia tidak ambil tindakan terhadap Wan Ahmad Najmuddin? Terima kasih.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kepong. Saya rasa mungkin dengan adanya NAFCC ini, mungkin antara soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong itu mungkin akan dapat kita cari jawapannya. Saya rasa bukan— itu kes terpencil ya. Mungkin ada banyak kes yang kita tidak tahu lagi.

Malah kalau kita ingat sewaktu isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) begitu hangat dibincangkan dalam media dan juga di kalangan rakyat Malaysia, kita ketahui bagaimana pada waktu itu banyak usaha untuk mengadakan kerjasama di antara negara-negara, contohnya di Luxemburg, di Switzerland di mana kita telah diminta untuk bekerjasama tetapi pada waktu itu tidak ada kerjasama yang diberikan mungkin. Akan tetapi, harapan saya, dengan adanya NAFCC ini, setengah daripada perkara ini akan dapat kita selesaikan dengan lebih baik dan pastikan ia tidak berlaku lagi.

Cuma, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah sebenarnya rasional kita mewujudkan sebuah Lembaga Penasihat? Ini kerana saya lihat mungkin NAFCC itu sepatutnya diberikan ruang sepenuhnya untuk bekerja tetapi dengan adanya Lembaga Penasihat ini, adakah ia akan mendatangkan kesan dari segi pengoperasian NAFCC itu sendiri?

Ramai Yang Berhormat telah membangkitkan bagaimana perlunya calon untuk Pengerusi Lembaga Penasihat ini dirujuk kepada Parlimen. Saya setuju bahawasanya kita perlu mengamalkan, mempraktikkan bagi jawatan-jawatan utama dalam perkhidmatan awam, ia seharusnya melalui Jawatankuasa Pilihan Khas Melantik Jawatan-jawatan Utama ini. Ini penting bukan sahaja untuk mempraktikkan satu budaya demokrasi yang lebih telus dan lebih terbuka tetapi pada masa yang sama, kita dapat bertanya adakah cadangan-cadangan, calon-calon daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu cukup tauliahnya, ada sebarang isu ataupun setidak-tidaknya kita akan dapat membawa ke Dewan ini dan kita akan dapat lebih *accountability*, dengan izin.

Saya juga berpandangan bahawa NAFCC ini sendiri perlu lapor kepada Parlimen, maksudnya sama seperti beberapa badan yang lain. Saya rasa dengan mungkin dari semasa ke semasa laporan itu dibentangkan, maka Parlimen mempunyai ruang untuk bertanya tentang pencapaian yang telah dicapai memandangkan ini adalah salah satu daripada beberapa langkah yang ingin diambil untuk membanteras pengaliran wang haram ke luar negara.

Semestinya kita lihat dalam konteks keselamatan, bila jumlah yang begitu besar lesap ataupun hilang ataupun tidak dapat dikenal pasti ia keluar ke mana, kita perlu tanya apakah kesannya kepada keselamatan negara. Apakah wang yang diseludup ataupun dikeluarkan ini pergi kepada mana-mana— bukan sahaja agensi ataupun aktiviti rasuah tetapi juga kita tidak mahu wujud satu *black market economy*, dengan izin, yang akan mendatangkan kesan yang cukup negatif kepada negara kita.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat. Saya ada satu soalan yang saya ingin tanya dan minta penjelasan juga.

Terdapat juga keterangan ataupun tuduhan bahawa ramai daripada pemimpin-pemimpin dahulu juga menyimpan *offshore accounts*, dengan izin. Banyak daripada wang haram, wang daripada pendapatan rasuah dan sebagainya disimpan di luar negara. Masih banyak lagi di sana. Yang dirampas di negara ini berbilion-bilion. Yang dibawa keluar, yang disimpan di luar masih lagi berbilion-bilion. Jadi, apakah undang-undang ini dapat memastikan bahawa...

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Ini Yang Berhormat Jelutong tuduh kah apa? Dakwaan?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dengar dulu, Yang Berhormat. Dengar dulu.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Tak. Dakwaan kah apa?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini adalah dakwaan, tuduhan dan ada juga keterangan menunjukkan...

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Tak. Dakwaan atau tuduhan yang tak pasti— Yang Berhormat bercakap mengenai apa ini?

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat tak payahlah, Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tanya pendapat Yang Berhormat.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Tak payah Yang Berhormat cakap macam itu.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Siapa makan cili?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kenapa Yang Berhormat rasa sakit hati?

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Bukan. Kalau ada, tuduhlah. Kalau ada, tuduh, bawa tuduhan. Tapi Yang Berhormat hendak bangkit dalam Parlimen ini sewaktu sedang dibahaskan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Terasa pedaskah?

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat tak perlu diarahkan kepada pihak sebelah. Buat kenyataan yang umum. Ini memang umum kita tahu ada orang yang menyimpan di *offshore account* ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya ingin tanya, adakah undang-undang ini dapat memastikan wang itu dipulangkan? Atau adakah keperluan untuk kita mengadakan satu peruntukan baharu untuk memastikan perkara ini tidak berulang? Terima kasih.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong dan juga Yang Berhormat Padang Terap yang mengingatkan kita tentang keperluan untuk *stay on message* ataupun apa yang kita bincangkan pada waktu ini.

Saya beranggapan mungkin badan ini yang kita ingin tubuhkan, NAFCC ini, ia sendiri tidak mempunyai kuasa untuk menyiasat tetapi ia boleh mengumpulkan semua agensi untuk melakukan siasatan itu. Bagi saya, ia adalah satu keperluan dan mungkin kita boleh lihat, mungkin jumlah yang masih berlegar di luar sana kita tidak tahu jumlahnya, kita tidak tahu siapa yang memilikinya, siapa yang memungkinan perkara-perkara itu berlaku tetapi saya rasa kita kena lihat secara menyeluruh dari segi

ekosistem itu sendiri. Memang akibat daripada masalah 1MDB, banyak *jurisdiction* ataupun negara-negara yang mula melihat kembali kesesuaian mungkin *financial system* mereka sendiri, tetapi dengan adanya NAFCC ini, setidak-tidaknya di Malaysia kita akan dapat mula menjawab beberapa soalan yang saya rasa rakyat Malaysia mahukan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, guruh pun sudah bermula maka saya pun berakhir. Terima kasih, saya mohon menyokong.

■1610

Tuan Yang di-Pertua: Ya, terima kasih. Bukan sebab guruh ya, masa sudah habis. [*Dewan ketawa*]. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tumpat, silakan.

4.10 ptg.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019 yang merupakan satu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional. Penyelarasan operasi bersepadu yang berhubungan dengan jenayah kewangan dalam kalangan entiti kerajaan dan agensi penguat kuasa dan pengurusan sistem data berpusat dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, aspek *cooperation* dan *coordination* yang menjadi teras NAFCC merupakan satu langkah yang wajar disokong. Ini kerana sudah sampai masanya tenaga daripada pelbagai agensi digembleng bersama bagi memerangi jenayah melibatkan sektor kewangan ini. Oleh itu secara umumnya saya sokong namun beberapa perkara perlu diberi perhatian agar ianya tidak menjadi sebagai tambahan satu agensi kerajaan sahaja.

Saya ada terbaca satu laporan akhbar yang menjelaskan bahawa jenayah penyeludupan rokok di negara ini merupakan antara yang tertinggi di dunia melibatkan 60 peratus rokok di pasaran dengan nilai kerugian mencecah RM5 bilion setahun. Sebahagian daripada sahabat-sahabat kita tadi sebut RM8 bilion bagi kutipan cukai.

Saya tidak bermaksud untuk menyokong industri rokok di negara ini cuma jenayah penyeludupan dan sebagainya adalah antara jenayah kewangan yang masih berlaku dalam negara ini yang perlu dibanteras sehingga ke akar umbi. Disebabkan faktor penyeludupan yang tidak terkawal ini, ia turut mendorong aspek pengurusan subsidi yang menyebabkan perubahan daripada subsidi pukal kepada subsidi bersasar.

Saya ingin menyentuh isu mengenai pengaruh pihak kerajaan dalam beberapa fasal yang terdapat dalam RUU ini dan ini sangat penting agar fungsi NAFCC ini berkesan. Sebagai contoh dalam fasal 5 menyentuh mengenai pelantikan Pengerusi Lembaga Penasihat dan Ketua Pengarah NAFCC. Subseksyen 6 pula menyentuh mengenai kriteria iaitu kejujuran dan kedudukan orang yang dilantik, kelayakan yang sewajarnya dan tiada percanggahan kepentingan.

Asas yang saya ingin bangkitkan adalah kuasa pelantikan, baik Lembaga Pengarah mahupun Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif dalam fasal 10 sepatutnya diletakkan di bawah nasihat dan syor daripada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk melantik jawatan-jawatan utama perkhidmatan awam sebelum dibentang ke hadapan Yang di-Pertuan Agong. Penjelasan dan hujah yang panjang yang disebut oleh Yang Berhormat Paya Besar tadi dengan menyenaraikan agensi-agensi yang dilantik pengerusinya daripada ahli-ahli politik daripada pihak kerajaan tanpa melalui Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen.

Saya berpandangan supaya dibawa kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ini kerana jawatankuasa ini adalah badan yang lebih layak untuk melantik ataupun mencadangkan seseorang yang akan bertindak sebagai koordinator dalam sebarang tindakan bagi memerangi jenayah kewangan supaya tindakan yang diambil oleh NAFCC nanti bebas daripada sebarang pengaruh politik dan paling penting mendapat kepercayaan awam terutamanya dalam suasana hilang kepercayaan rakyat terhadap kerajaan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada 1 Jun yang lalu kerajaan melantik Ketua Pengarah SPRM tanpa melalui PAC walaupun janji asalnya sebarang pelantikan utama badan-badan penting negara adalah melalui Parlimen. Jika ia tidak diperuntukkan melalui akta, bagaimana kita ingin berpegang dengan janji mulut pihak kerajaan yang sering kali memungkiri janji-janji lainnya sebelum daripada ini.

Tuan Yang di-Pertua, sektor ataupun industri perkhidmatan kewangan merupakan sektor paling berisiko terhadap ancaman jenayah siber di Rantau Asia Pasifik khususnya melibatkan penggodaman transaksi pelanggan dan perkhidmatan pembayaran antara bank. Saya yakin sebahagian agensi-agensi penguatkuasaan ini mempunyai Unit Jenayah Siber masing-masing bagi mengatasi isu ini. Cuma saya ingin dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan sejauh mana jenayah siber ini diberi perhatian yang utama oleh NAFCC selepas daripada ini.

Tuan Yang di-Pertua, bukan semata-mata dari sudut koordinasi bahkan juga dari sudut membangunkan pelan tindakan yang lebih terperinci bagi mengatasi masalah jenayah kewangan siber memandangkan jenayah tersebut semakin berleluasa di luar sana. Dalam aspek yang sama, fasal 14 hingga 16 turut merangkumi operasi bersepadu Sistem Data Berpusat dan kuasa untuk mengumpul maklumat bagi *big data*. Jadi, bagaimana aspek kerahsiaan yang turut diletakkan di bawah fasal 18 diberikan fokus yang tinggi.

Apakah mekanisme kerajaan bagi mengatasi isu kerahsiaan disebabkan kepelbagaian agensi memungkinkan pelbagai data rahsia mudah untuk terdedah dan saya mengajukan soalan yang sama seperti Yang Berhormat Petaling Jaya berhubung rahsia peribadi ditangani dalam isu *big data* ini.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Tumpat, boleh saya mencelah sedikit sahaja?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Ya, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Dibenarkan, silakan.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah pusat ini akan diberikan kuasa mutlak untuk mengarahkan mana-mana institusi ataupun kuasa itu ada syarat-syarat tertentu sahaja, silakan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tadi dan soalan tadi seharusnya dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, jadi saya minta supaya dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya untuk dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya, bagaimana perlindungan *big data* ini dilindungi dengan rapi bagi mengelakkan daripada digodam oleh penjenayah siber? Siapa *lead agency* dalam aspek-aspek jenayah siber yang saya sebutkan di bawah NAFCC nanti. Perkara terakhir yang ingin saya bangkitkan adalah mengenai jenayah judi siber yang masih berleluasa sehingga ke hari ini. Adakah ia termasuk dalam agenda NAFCC selepas ini bagi menghapuskan jenayah judi siber daripada terus berlaku dan apa rancangan daripada kerajaan berkenaan dengan perkara ini. Saya bersetuju dengan kuasa mencukupi dan lebih jelas kepada NAFCC bagi matlamat ini dicapai, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Tumpat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bandar Kuching, silakan.

4.17 ptg.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana diberikan peluang untuk berbahas pembentangan RUU Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NAFCC) ini. Ini memang satu perkembangan yang positif kerana melalui RUU ini, sebuah agensi akan ditubuhkan yang akan menyelaraskan operasi antara 12 agensi-agensi kerajaan yang berbeza dan memusatkan maklumat berkaitan dengan jenayah kewangan yang berlaku di negara kita dan juga untuk memantau dan mengelakkan pemindahan *illicit money* ke luar negara atau mana-mana sahaja. Malah mungkin ia juga dapat digunakan sebagai satu kenderaan yang lebih efektif untuk mendapatkan aset-aset negara yang telah hilang di luar negara.

Memang sejarah telah membuktikan keperluan yang mendesak bagi pembentukan agensi ini kerana pertumbuhan negara kita telah terjejas dan terbantut disebabkan pelbagai skandal kewangan yang melanda di negara kita. Mangsanya selalu rakyat seperti Sarawak jumlah berbilion-bilion tersebut dapat digunakan untuk merapatkan jurang pendapatan dan pembangunan di Sarawak. Sekolah dapat dibina, sekolah daif dapat diperbaiki, klinik-klinik kesihatan dapat dilengkapi, jalan-jalan dibina dan banyak lagi.

Oleh itu secara prinsipnya memang saya menyokong RUU ini dan penubuhan NAFCC kerana jenayah kewangan memang biasanya sangat rumit dan merentasi pelbagai sektor dan skop transnasional. Oleh itu satu *consolidated agency* dan *consolidated SOP* atau *procedure* atau mekanisme memang dialu-alukan terutamanya jika dapat menambah *efficiency effectiveness*, yang paling penting secara efektif membendung masalah yang ada ini.

Namun begitu walaupun dengan niat yang baik, prinsip yang baik tetapi jika implementasinya tidak baik, ia masih tetap boleh disalahgunakan. Seperti seorang doktor, pisau yang boleh digunakan untuk membedah dan menyelamatkan nyawa seseorang juga boleh digunakan untuk membunuh seseorang.

Oleh itu, saya ingin mempersoalkan dan juga membentangkan kebimbangan saya terutamanya jika dengan penubuhan NAFCC ini. Adakah pertindihan kuasa akan berlaku dengan agensi-agensi yang sedia ada yang memantau isu ini seperti Bank Negara yang memang sekarang bertanggungjawab untuk menangani jenayah kewangan, *money laundering* ataupun jenayah-jenayah kewangan lain.

■1620

Adakah dengan penubuhan NFCC ini kita akan menambah birokrasi kepada proses tersebut dan jika tidak, apakah secara jelasnya *cross ministry agency mechanism* yang akan diterapkan, digunakan untuk menjamin *efficiency* proses ini? Saya juga ingin mendapat penjelasan berapakah anggaran kos penubuhan dan mengurus tahunan dan juga adakah satu *cost benefit analysis* telah dilakukan untuk memastikan adakah jalan ini adalah jalan yang paling efisien ataupun mungkin kita boleh memperkasakan agensi yang sedia ada untuk melakukan pemantauan ini.

Saya juga ingin mendapat lebih penjelasan tentang kebolehan kita untuk mendapatkan balik aset-aset yang telah dibawa keluar atau *laundered* dari negara kita ke luar negara kerana walaupun kita ada undang-undang domestik seperti RUU yang cuba dibuat ini tetapi juga bidang kuasa atau *jurisdiction* luar negara, undang-undang domestik ini tidak ada baiklah, tidak ada kuasa di negara-negara tersebut. Jadi saya memang difahamkan bahawa aset-aset yang kita cuba dapatkan dari luar negara, ada negara yang bekerjasama dengan kami, ada yang tidak begitu *friendly* lah dengan izin.

Jadi adakah melalui penubuhan NFCC ini satu proses yang lagi kukuh untuk mendapatkan aset-aset itu kembali sama ada satu persefahaman baru, *agreement between government to government (G2G)*, apa-apa pun proses *asset recovery* antara sempadan atau *treaties* yang akan ditandatangani melalui rang undang-undang ini?

Saya juga ingin menyatakan kebimbangan saya tentang keluasan kuasa Perdana Menteri untuk campur tangan dalam sesebuah agensi seperti NFCC di mana pelantikannya memang hak YDPA atas nasihat Perdana Menteri tetapi agensi itu juga diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Yang ini kita lihat di seksyen 12. Bukan saya tidak percaya pada Perdana Menteri kita atau Kerajaan Pusat yang ada tetapi *structure reform* yang kita janjikan dan perjuangkan bukan sekadar janji. Akan tetapi sejarah telah membuktikan bahawa jika seseorang mempunyai kuasa yang terlalu tinggi di tangan beliau, risiko salah guna memang adalah tinggi. Malah skandal kewangan terbesar di dunia berlaku di bawah pengawasan agensi-agensi yang sedia ada seperti Bank Negara disebabkan pengaruh *unduly influence* dengan izin PM terhadap siasatan dan juga perkara *judicial matters* atau perkara kehakiman.

Oleh itu dengan adanya satu agensi yang baru, tidak dapat menangani akar isu tersebut agar masalah tersebut jadi – *if we do not solve the root issue, it is no point of building a beautiful house on top of the problem*, dengan izin. Oleh itu saya memang menyambut baik cadangan kerajaan agar pelantikan KP akan dihadapkan ke

Jawatankuasa Pilihan Khas untuk melantik jawatan-jawatan utama perkhidmatan awam. Walaupun saya faham sekarang tiada undang-undang yang mewajibkan ia dihadapkan ke PSC.

Namun begitu saya berharap ia dapat diterapkan dalam akta tersebut untuk memberikan kuasa kepada keperluan tersebut. Mungkin ini *patty* lah tetapi mungkin kita dapat memikirkan nama yang baru kepada NFCC kerana *National Financial Crime Centre* itu bagaikan itu *centre* di mana *crime financial crime* berlaku. Mungkin *NAFCC or National Anti-Financial Crime Centre* adalah lebih sesuai bagi agensi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, skandal kewangan 1MDB perlu dijadikan iktibar kepada kita bahawa kalau kita membenarkan seseorang Perdana Menteri kah atau mana-mana untuk mempunyai kawalan ke atas sesuatu agensi yang begitu berkuasa, mereka ada risiko untuk menggunakan agensi itu sebagai pelindung bagi jenayah kewangan yang dilakukan oleh mana-mana termasuk PM ataupun badan eksekutif. Ini bukan sekadar janji tetapi ini satu *reform* yang penting untuk memperkasakan Parlimen dan juga untuk mengehadkan keupayaan mana-mana Perdana Menteri untuk memanipulasikan institusi utama. Kita juga haruslah mewujudkan mekanisme semak dan imbang yang lebih kukuh dengan kuasa yang berkaitan akan diagihkan kepada badan-badan yang lain termasuk kepada Parlimen.

Ini bagi saya boleh menjamin kebebasan institusi negara kita dan meletakkan kita atas asas atau *foundation* yang baik untuk mengelakkan sebarang penyalahgunaan kuasa untuk memperkayakan diri sendiri ataupun mana-mana golongan elit. Oleh itu secara penutupnya saya memang menyambut baik pembentangan rang undang-undang ini. Namun begitu, saya berharap cadangan kami dapat diterima untuk mengukuhkan lagi rang undang-undang ini sama ada secara domestik mahupun *international reach* yang ada. Biarlah sejarah yang berlaku menjadi pedoman kita, dengan izin *those who do not learn from history are doomed to repeat it*. Dengan itu sekian terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching, ada dua lagi orang pembahas. Mungkin lima minit seorang. Ada wajar, adakah wajar lima minit? Yang Berhormat Tebrau.

4.26 ptg.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan dalam Rang

Undang-undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019. Pada tahun 2015, pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dengan izin meletakkan Malaysia di antara 30 negara teratas yang terlibat dalam aliran wang keluar haram. Pengaliran wang keluar secara haram meliputi banyak kegiatan jenayah seperti penyeludupan, rasuah dan penggubahan wang haram. Pejabat narkotik dan jenayah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menganggarkan bahawa setiap tahun di seluruh dunia jumlah kebanyakan sebanyak USD2.6 trilion dicuri melalui rasuah. Menurut kajian *Transparency International 2018*, Malaysia berkedudukan 61 di seluruh dunia dalam Indeks Persepsi Rasuah sedunia.

Malaysia mencapai markah sebanyak 47 daripada 100, berkedudukan sama dengan Cuba. Jumlah wang yang dicuri melalui rasuah mungkin tidak dapat mengalir semula dalam pasaran tempatan akibat penerima rasuah cenderung menyimpan wang rasuah dalam mata wang lain. Secara tidak langsung ia menyebabkan pengaliran keluar wang secara haram. Laporan badan-badan antarabangsa menunjukkan kepentingan penubuhan sebuah agensi yang mampu menyelaraskan segala aktiviti perundangan terhadap kegiatan-kegiatan jenayah kewangan yang melibatkan bidang kuasa beberapa agensi. Sepanjang ini ketidakselesaian antara agensi tidak mampu menangani kegiatan jenayah kewangan yang bertambah rumit serta berbagai.

Tuan Yang di-Pertua, NFCC merupakan sebuah inisiatif di bawah kerangka Pelan Antirasuah Nasional 2019 hingga 2023 di mana ia menyelaraskan tindakan antara beberapa agensi seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Bank Negara dan Lembaga Hasil Dalam Negeri, pusat ini menggalakkan penukaran maklumat antara semua agensi berkenaan supaya tindakan perundangan terhadap jenayah kewangan lebih cekap dan komprehensif. Penubuhan NFCC bertujuan untuk menangani masalah jenayah kewangan yang lebih kompleks kerana merangkumi cara pengaliran wang. Walaupun rang undang-undang ini dirangka dengan tujuan yang baik akan tetapi saya mendapati rang undang-undang ini digubal dengan fokus untuk menyiasat, mendakwa dan menghukum sesiapa yang melakukan jenayah-jenayah kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus juga memberi kepentingan kepada tadbir urus, *corporate governance* yang sama dengan izin di semua badan-badan kerajaan supaya mekanisme kawal selia dapat dipertingkatkan dan pada masa yang sama semua pegawai di semua peringkat akan dididik dan diingatkan sentiasa supaya integriti dan

profesionalisme menjadi satu amalan biasa dan juga sebahagian daripada gaya hidup kita.

■1630

Ini adalah kaedah yang paling berkesan bagi tujuan mencegah jenayah kewangan oleh sebab *prevention is better than cure* dengan izin. Lagi satu perkara yang saya perhatikan dan telah dibentangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini adalah pelantikan Pengerusi Lembaga Penasihat, Ketua dan Timbalan Ketua Pengarah Jawatankuasa Eksekutif memerlukan cadangan daripada Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya rang undang-undang ini akan lebih baik jika pelantikan jawatan-jawatan yang saya sebut di atas adalah dicadangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ataupun PAC dengan izin. Ini dapat memperkukuhkan sistem semak imbang (*check and balance*) negara di mana badan kawal selia tidak dikawal oleh kuasa eksekutif.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya masih menyokong rang undang-undang ini di hadapan saya, walaupun ada dua cadangan yang saya sangat mengharapkan akan dipertimbangkan oleh kerajaan untuk menambah baik rang undang-undang ini sebelum ia diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau dan akhir sekali Yang Berhormat Pasir Gudang, lima minit.

4.31 ptg.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang saya turut membahaskan. Saya berharap Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan ini ringkasnya dalam bahasa Inggeris NAFCC betul-betul menjadi badan yang berfungsi. Saya tidak mahu NAFCC ini menjadi harimau kertas (*paper tiger*).

Jadi, isu pertama yang saya hendak ketengahkan dalam masa yang ada ini iaitu saya faham dalam rang undang-undang dan dalam undang-undang belum boleh lagi peringkat ini hendak sebut pelantikan Lembaga Pengarah, pelantikan Ketua Pengarah Jawatankuasa Eksekutif itu mesti melalui Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk pelantikan-pelantikan besar. Itu mungkin pada waktu ini tidak kena dari segi Perlembagaan.

Akan tetapi saya akan sokong dalam perkara ini rang undang-undang ini sekiranya Yang Berhormat Menteri apabila menggulung nanti berjanji dalam Parlimen

ini bahawa pelantikan Jawatankuasa Penasihat dan juga Ketua Pengarah itu akan dirujuk kepada *Select Committee* supaya *Select Committee* yang memilih dan bagi nama kepada Perdana Menteri, Perdana Menteri akan menasihatkan Yang di-Pertuan Agong. Kalau itu dapat janji daripada Yang Berhormat Menteri dalam menggulung itu, yang akan direkod dalam *Hansard* dan itu akan boleh dipakai dalam mahkamah dan sebagainya, maka barulah bermakna.

Kedua, soal dalam rang undang-undang ini disebut tentang perlunya dilantik Lembaga Penasihat. Satu lagi badan yang sudah ada ialah Jawatankuasa Eksekutif yang diketuai oleh Ketua Pengarah. Ketua Pengarah dilantik atas nasihat Perdana Menteri, dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, Lembaga Penasihat pun juga akhirnya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Jadi, mengapa perlunya ada Lembaga Penasihat. Kita lihat satu kontroversi polemik di Indonesia. Rakyat di Indonesia turun ke jalan raya. Di mana badan pencegah rasuah di Indonesia? Sebelum ini tidak ada Lembaga Penasihat, yang ada ialah badan pencegah rasuah yang eksekutif sifatnya yang dilantik oleh Presiden dan pihak berkuasa Indonesia yang telah berfungsi dengan baik. Tiba-tiba selepas pilihan raya di Indonesia, Parlimen Indonesia hendak bentuk pula Lembaga Penasihat, seolah-olah hendak kawal Jawatankuasa Eksekutif yang telah berfungsi dengan baik di Indonesia.

Jadi, kita berharap jangan kesilapan yang berlaku memadailah dengan Jawatankuasa Eksekutif ini, Ketua Pengarah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Jadi kalau tidak, ertinya Jawatankuasa Eksekutif itu dikawal oleh Lembaga Penasihat.

Perkara yang ketiga, bila kita rujuk rang undang-undang, kita hendak bincang tentang pusat pencegahan jenayah. Saya pergi apa itu jenayah kewangan. Saya rujuk dalam rang undang-undang, saya pergi pada muka surat 18 hendak tahu apa itu jenayah kewangan. Apa yang saya jumpa dalam muka surat 18, kesalahan yang disenaraikan sebagai jenayah kewangan di bawah rang undang-undang ini disebut kesalahan di bawah Jadual Kedua kepada Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram.

Saya mintalah pada Kabinet, hendak bawa rang undang-undang ini ke Parlimen biarlah perkara yang disebut jadual erti tafsiran jenayah itu dicatatlah di sini. *[Menunjukkan senaskah dokumen]* Berapa muka surat sangat. Jadi kita tidak tahu apa kesalahan di bawah jenayah kewangan ini. Terpaksa hendak rujuk akta yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau, tepat pada masanya. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.36 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil peranan dalam perbahasan Rang Undang-undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019. Semua pandangan dan juga teguran daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil maklum oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pontian telah pun membangkitkan isu mengenai salah nyata harga yang kononnya dibangkit daripada sesi libat urus bersama dengan Ahli-ahli Parlimen kelmarin. Untuk maklumat Yang Berhormat, jumlah yang dinyatakan iaitu USD435 bilion adalah anggaran aliran kewangan haram bagi tahun 2006 sehingga tahun 2015 yang dibuat oleh *Global Financial Integrity* (GFI). Sebahagian besarnya ialah salah nyata harga. Satu kaedah bagi memindahkan modal yang tidak direkodkan di luar negara adalah salah urus transaksi.

Perdagangan antarabangsa, pengeksport mungkin menundakan pendapatan eksport ke atas invois mereka dan juga pengimport mungkin meninggikan perbelanjaan import, sementara rakan dagang luar negara mereka diarahkan untuk mendepositkan baki keuntungan mereka dalam akaun asing. Contoh salah nyata harga ialah Yang Berhormat pindaan harga oleh Syarikat Multi National iaitu amalan mengalihkan keuntungan luar negara melalui lebihan atau pengurangan invois antara syarikat sekutu.

Kedua, lebihan atau pengurangan pada pengisytiharan oleh pengimport dan juga pengeksport. Ketiga ialah pengeluaran invois bagi pihak ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pontian juga bertanya mengenai fungsi Lembaga Penasihat. Untuk maklumat Yang Berhormat, Lembaga Penasihat NAFCC ini antaranya ialah menasihati Perdana Menteri mengenai apa-apa aspek yang berhubung dengan jenayah kewangan. Apa-apa perkara yang berkaitan dengan jenayah kewangan ini akan diambil kira sekiranya relevan Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Ledang pula Tuan Yang di-Pertua telah pun bertanya mengenai kelayakan bagi pelantikan anggota Lembaga Penasihat dan juga Ketua Pengarah NAFCC. Untuk maklumat Yang Berhormat, kelayakan bagi anggota Lembaga Penasihat telah disenaraikan dalam subfasal 5(6) RUU iaitu kejujuran dan kedudukan orang itu.

Kedua ialah kelayakan akademik, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman orang itu dalam perkara perbankan dan juga ekonomi, kewangan, pengurusan, aset, pencukaian, pendakwaan, penyiasatan, undang-undang atau perkara lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perdana Menteri.

■1640

Kemungkinan terdapat percanggahan kepentingan antara NAFCC dengan orang itu. Kriteria yang sama Tuan Yang di-Pertua, akan digunakan dalam pertimbangan pelantikan Ketua Pengarah NAFCC. Juga ditanya oleh Yang Berhormat Ledang mengenai keperluan sama ada Lembaga Penasihat sedangkan NAFCC tiada kuasa menyiasat. Apakah keperluan ada kepada Lembaga Penasihat sedangkan NAFCC tiada kuasa menyiasat?

Untuk maklumat Yang Berhormat, fungsi Lembaga Penasihat adalah lebih besar yang merangkumi hala tuju dan perancangan strategik NAFCC serta untuk Jawatankuasa Pemantau yang menimbang teliti dan membuat keputusan atas syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Eksekutif NAFCC mengenai apa-apa perkara yang berhubung dengan jenayah kewangan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ledang juga mencadangkan supaya NAFCC diberi kuasa siasatan bagi kes yang sensitif dan besar. Untuk maklumat Yang Berhormat Ledang, kuasa siasatan sedia ada pada agensi penguat kuasa adalah mencukupi. Ada yang perlu ialah koordinasi yang berkesan supaya siasatan yang dibuat adalah berkesan. Ini adalah fungsi utama NAFCC dan bukan untuk menjadikan NAFCC sebagai sebuah agensi penguat kuasa. Ini seperti yang telah pun dinyatakan dalam dasar ucapan saya tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi Yang Berhormat Ledang juga bertanya berapakah peruntukan yang perlu untuk NAFCC untuk melaksanakan fungsi-fungsinya. Mengenai kos ini Tuan Yang di-Pertua, kajian kos dan faedah iaitu *cost benefit analysis* telah pun dibuat dan hasilnya mendapati faedah sememangnya jelas melangkaui kos. Kos operasi sememangnya akan melibatkan sejumlah kewangan dan NAFCC yang akan ditanggung kerajaan boleh berjimat dengan ketara kerana aktiviti dan juga operasi NAFCC ini dibuat bersama dengan agensi kuat kuasa yang lain. Manakala kakitangan dan juga *staff* NAFCC sebahagiannya dipinjamkan oleh agensi-agensi penguat kuasa. Sumber yang digunakan untuk operasi bersama akan dikongsi secara bersama. Ini adalah penjimatan kos untuk kerajaan jika dibandingkan dengan penyiasatan yang dibuat secara berasingan.

Faedah juga Tuan Yang di-Pertua yang diperoleh hasil daripada operasi bersama ini juga sememangnya melebihi kos yang ditanggung kerajaan. Contohnya, operasi bersama yang dibuat secara *ad hoc* sebelum ini menghasilkan peningkatan hasil kerajaan yang ketara iaitu RM25 bilion pada tahun 2011. Pengaliran wang haram ke luar negara juga dapat dikurangkan pada tahun yang sama. Saya juga ingin tekankan di sini bahawa terdapat faedah yang jelas dapat diperoleh dari sudut pencegahan jenayah dan reputasi negara. Usaha pencegahan secara lebih efektif dapat dilaksanakan di bawah NAFCC yang dapat mengelakkan reputasi negatif negara akibat daripada aktiviti jenayah kewangan.

Kerajaan berpendapat kos yang munasabah untuk NAFCC adalah perlu untuk menjaga reputasi negara dan melindungi orang ramai daripada gejala jenayah kewangan. Perbincangan lanjut akan diadakan dengan pihak MOF tentang keperluan peruntukan kewangan untuk operasi NAFCC.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Yang Berhormat Kuala Terengganu juga telah pun bertanya adakah penubuhan NAFCC merupakan suatu keutamaan sekarang. Tidakkah ada jalan lain yang tidak melibatkan pertambahan kos. Untuk maklumat Yang Berhormat seperti yang telah pun dikatakan, penubuhan NAFCC adalah merupakan suatu keutamaan memandangkan ia merupakan satu inisiatif kerajaan di bawah NACP yang perlu dilaksanakan dengan segera untuk menangani jenayah kewangan yang kompleks, rentas sempadan dan melangkaui pelbagai kesalahan di bawah akta yang berlainan. Kos penubuhan NAFCC ini juga adalah munasabah berbanding dengan usaha yang akan dijalankan.

Saya telah pun menjawab mengenai *cost benefit analysis*...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong minta celah.

Datuk Liew Vui Keong: Ha Yang Berhormat Jelutong ya. silakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih. Saya juga ingin tanya— telah bangkitkan dalam perbahasan tadi. Bagaimana undang-undang ini dapat memastikan wang-wang yang telah keluar ke luar negara itu dapat kita dapatkan balik? Kita lihat sekarang kebanyakan wang yang telah keluar dikembalikan ke negara kita hanya berdasarkan ihsan sahaja. Ihsan maksudnya budi bicara kepada kerajaan tertentu daripada Singapura, umpamanya dalam kes melibatkan 1MDB. Wang tersebut hanya dikembalikan berdasarkan kepada ihsan. Kerajaan Singapura kembalikan kerana mereka mahu mengembalikan. Amerika Syarikat mengembalikan kerana mereka mahu

mengembalikan. Begitu juga dengan kerajaan-kerajaan yang lain di luar negara. Akan tetapi apakah yang boleh memastikan bahawa sekiranya berlaku sekali lagi perkara ini, undang-undang ini dapat memastikan bahawa wang itu dapat dituntut semula dan memastikan wang itu dikembalikan kepada rakyat? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Jelutong atas soalan ini. Seperti yang saya katakan tadi, pusat ini hanya untuk mengkoordinasi semua perkara pengesanan dan penguatkuasaan untuk memastikan bahawa perkara-perkara menaikkan jenayah kewangan ini yang melibatkan luar negara ini dapat dikoordinasi. Jadi, saya yakin bahawa dengan kewujudan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan ini maka wang-wang yang telah pun dikeluarkan daripada negara ini dapat dikembalikan melalui satu koordinasi *centre* ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Jadi, ini amat penting kepada negara untuk memastikan bahawa...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Mohon pencelahan.

Datuk Liew Vui Keong: Tunggu ya. Untuk memastikan pencegahan jenayah kewangan ini dapat dikawal dengan baik.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, tadi saya menimbulkan kertas taklimat Ketua Eksekutif NAFCC Datuk Seri Mustafar Ali yang menyebut bahawa, anggaran aliran kewangan wang haram bagi Malaysia dari tahun 2006 hingga tahun 2015 disebut di situ sebagai USD435 bilion. Pada saya dalam masa sembilan tahun, angka itu terlalu besar. RM1,822 bilion ataupun setahun kalau kita bahagi sembilan 2006-2015, sembilan tahun bererti setahun RM202 bilion pengaliran yang disebut sebagai salah nyata harga wang haram ini.

Pada saya kiraan itu adalah tidak tepat kerana pada tahun 2013, SPRM ada membuat kenyataan akhbar bahawa Bank Negara Malaysia telah menyatakan bahawa laporan *Global Financial Integrity* (GFI) itu silap. Tuduhan mereka, aliran keluar yang begitu banyak silap. Ini silap kerana sebabnya ialah jika kita mengeksport barangan ke negara China, kita terus merekodkan eksport kita ke negara China. Walau bagaimanapun, eksport itu melalui Singapura. Jadi, negara China menulis dalam akaun mereka eksport itu datang daripada Singapura, bukan daripada Malaysia. Jadi, pandangan saya ialah angka yang disebut dalam taklimat itu terlalu besar dan ia adalah tidak tepat dan dinyatakan sendiri oleh SPRM bahawa data GFI terhadap Malaysia adalah salah. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Seperti yang saya katakan tadi bahawa salah nyata harga ini merangkumi dengan pindaan harga oleh syarikat multinasional iaitu amalan mengalirkan keuntungan luar negara melalui lebihan dan juga pengeluaran invois antara syarikat sekutu. Jadi, lebihan dan juga pengeluaran pada pengisytiharan oleh pengimport dan pengeksport ini telah pun diambil kira.

■1650

Jadi, bagi saya, saya telah pun diberikan anggaran ini bahawa jumlah yang dinyatakan itu ialah USD435 bilion anggaran aliran kewangan haram bagi tahun yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi, ini telah pun dibuat oleh *Global Financial Integrity*. Jadi, saya tidak ada apa lagi untuk mengatakan bahawa anggaran itu adalah tidak betul.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya harap pihak kerajaan *check* semula dengan Bank Negara Malaysia yang mengesahkan bahawa anggaran itu adalah salah dan angka GFI itu salah. Sebab ia memburukkan nama baik negara kita. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Baiklah, Yang Berhormat Pontian. Tuan Yang di-Pertua, saya akan teruskan dengan jawapan kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu yang telah pun membangkitkan isu mengenai kenapa Datuk Seri Mustafar Ali telah menerima surat pelantikan pada Januari tahun ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Datuk Seri Mustafar Ali telah pun dilantik sebagai Ketua Eksekutif Pasukan Nukleus di bawah bimbingan GIACC untuk menubuhkan NAFCC dengan mandat utama untuk menggubal undang-undang penubuhan NAFCC ini yang setakat ini. Selepas itu, NAFCC akan mengadakan satu pemilihan untuk memastikan siapa yang akan menjadi Ketua Pengarah. Jadi, beliau bukanlah dilantik sebagai Ketua Pengarah bagi NAFCC kerana kewujudan NAFCC ini akan boleh diadakan selepas rang undang-undang ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu, mengapakah data pengaliran wang haram keluar Malaysia bagi tahun 2007 ini ke hadapan tiada lagi. Jadi, saya telah pun mengatakan tadi bahawa laporan belum lagi lengkap dan belum lagi keluar. Jadi, laporan terkini yang dikeluarkan pada tahun 2019 itu adalah berdasarkan data pada tahun 2015 daripada pihak GFI iaitu *Global Financial Integrity* yang saya katakan tadi.

Yang Berhormat Jelutong juga telah pun mencadangkan supaya mengadakan peruntukan untuk memberi perlindungan kepada pemberi maklumat. Pemberi maklumat, seperti Yang Berhormat sedia maklum, boleh diberi perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010. Akta ini telah pun diwujudkan sejak tahun 2010 lagi. Jadi, sesiapa sahaja yang memberikan maklumat, mereka boleh juga mendapat perlindungan daripada akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Paya Besar telah pun bertanya mengapa tidak ada dinyatakan dalam rang undang-undang ini tentang *digital currency*. Untuk makluman Yang Berhormat, rang undang-undang ini merangkumi jenayah kewangan yang disenaraikan dalam Jadual Kedua kepada Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001. Jenayah kewangan di bawah jadual rang undang-undang ini akan terpakai kepada mana-mana kesalahan termasuk kesalahan yang berkaitan dengan transaksi kewangan secara digital di negara ini yang melanggar mana-mana peruntukan Jadual Kedua kepada Akta 613 ini.

Yang Berhormat Paya Besar juga bertanya mengapa bilangan kuorum mesyuarat Lembaga Penasihat tidak dinyatakan dalam rang undang-undang ini. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara mengenai kuorum dan juga tatacara mesyuarat yang lain akan ditentukan oleh Lembaga Penasihat di bawah sub fasal 5(7). Menjadi suatu amalan terbaik dalam sesebuah organisasi, perkara-perkara seperti tatacara mesyuarat tidak dinyatakan dalam undang-undang utama iaitu dalam undang-undang *the principal act*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Yang Berhormat Paya Besar juga bertanya mengapakah sub fasal 13(2) menyatakan bahawa Ketua Pengarah NAFCC boleh memberikan arahan secara lisan. Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya sebahagian besar arahan yang diberikan oleh Ketua Pengarah akan diberikan secara bertulis. Walau bagaimanapun, adalah perlu untuk membenarkan Ketua Pengarah mengeluarkan arahan secara lisan bagi perkara-perkara tertentu untuk memastikan kelancaran operasi terutamanya dalam operasi bersepadu. Itulah sebab kita membenarkan pihak Ketua Pengarah untuk memberikan arahan secara lisan.

Yang Berhormat Petaling Jaya, Tuan Yang di-Pertua, juga bertanya...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, boleh?

Datuk Liew Vui Keong: ...Bagaimana privasi...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, sedikit.

Datuk Liew Vui Keong: Silakan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya agak keliru, yang pertama, yang terakhir Yang Berhormat Menteri memberi maklum balas kepada saya berkaitan dengan secara lisan. Ini kerana, bagi saya, perkara ini, macam mana hendak dibuktikan nanti sekiranya berlaku sebarang perkara-perkara yang disifatkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi perkara-perkara yang melibatkan operasi tanpa arahan daripada Ketua Pengarah atau operasi yang sebenarnya Ketua Pengarah telah bagi arahan tetapi tidak diakui dalam konteks menyelamatkan diri? Itu yang pertama persoalan saya.

Kedua, saya merujuk Jadual Kedua, Yang Berhormat Menteri, di bawah Akta 613 sepertimana yang dirujuk oleh Yang Berhormat Pasir Gudang. Saya tidak nampak di mana akta yang berkaitan dengan *digital currency*. Itu yang pertama.

Keduanya, saya hendak juga tanya, kenapa SOSMA tidak dimasukkan di bawah akta di Jadual Kedua? Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada PDRM kerana menahan EXCO Melaka dan ADUN DAP yang terlibat dengan LTTE. Jadi, saya mengharapkan sangat— sebab, bagi kita adalah bukan sahaja wang yang dialihkan keluar tetapi bagaimana pendanaan yang haram masuk ke negara kita membantu apa sahaja aktiviti, mungkin aktiviti NGO. Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar atas soalan tadi. Seperti yang saya katakan tadi, bahawa di bawah fasal 13(2) ini sememangnya kita telah pun memperuntukkan bahawa pihak Ketua Pengarah NAFCC diberikan arahan secara lisan dan selepas itu juga diberikan ruang untuk memberikan arahan secara bertulis. Ini adalah untuk memastikan bahawa kelancaran operasi yang bersepadu. Mungkin pada masa yang berkenaan itu untuk mengadakan arahan secara bertulis mungkin tidak memberikan masa yang sesuai kepada beliau, jadi kita berikan mereka secara lisan dalam perkara ini. Jadi, itu yang dapat saya katakan buat setakat ini kerana pihak Ketua Pengarah ini bolehlah mengeluarkan arahan secara lisan bagi perkara-perkara tertentu sahaja.

Mengenai isu SOSMA ini, seperti Yang Berhormat sedia maklum, SOSMA ini ialah melibatkan aktiviti keganasan, *terrorist*. Jadi, dia tidak samalah dengan akta ini. Tidak boleh dimasukkan. Akan tetapi, sekiranya terlibat dengan jenayah kewangan ini, maka pihak Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan ini bolehlah mengambil tindakan

terhadap mereka. Ini kerana sebagai satu pusat yang mengkoordinasi dengan semua agensi penguat kuasa seperti pihak PDRM, pihak SPRM dan Bank Negara, maka pusat ini dapat mengkoordinasi untuk mendapatkan data dan maklumat yang mengenai dengan aktiviti-aktiviti jenayah kewangan mereka itu.

Jadi, saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya yang bertanya bagaimanakah privasi seseorang individu dilindungi di bawah akta ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, klausa perlindungan ke atas pemberi maklumat telah pun diperuntukkan di bawah fasal 16(1) dan (3) di mana NAFCC hanya boleh meminta dari mana-mana orang maklumat berhubung dengan jenayah kewangan yang mana NAFCC mempunyai alasan yang munasabah dan bahawa maklumat tersebut adalah berkaitan dengan pelaksanaan fungsi dan hanya boleh diserahkan kepada NAFCC setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang bertulis yang terpakai sahaja.

■ 1700

Di samping itu di bawah Akta NAFCC, tindakan undang-undang tidak boleh diambil terhadap mana-mana orang yang memberikan maklumat kepada NAFCC berlandaskan kepada mana-mana perundangan yang terpakai.

Tindakan undang-undang hanya boleh dilakukan sekiranya mana-mana orang yang gagal memberikan maklumat kepada NAFCC tanpa alasan yang sah atau mengemukakan maklumat palsu.

Yang Berhormat Petaling Jaya juga telah pun bertanya sama ada penubuhan NAFCC ini akan menambah kutipan cukai negara. Untuk maklumat Yang Berhormat, sememangnya matlamat penubuhan NFCC ini bertujuan untuk ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong minta laluan.

Datuk Liew Vui Keong: Yang Berhormat Jelutong, boleh saya tamatkan dahulu? Sekejap.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya boleh.

Datuk Liew Vui Keong: Jadi, sememangnya matlamat penubuhan NAFCC ini Tuan Yang di-Pertua bertujuan untuk membanteras jenayah kewangan dan juga ketirisan hasil negara termasuklah mengurangkan pengelakan cukai. Secara tidak langsung, perkara ini akan menambah kutipan cukai negara. Silakan, Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya terima kasih. Ya sebelum Yang Berhormat Pekan keluar, saya berterima kasih kepada peruntukan 16(1)A yang telah saya bangkitkan semasa perbahasan tadi yang memberi perlindungan kepada pemberi maklumat. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kerajaan ini kerana nasib yang menimpa Yang Berhormat Rafizi, bekas Ahli Parlimen Pandan tidak akan berulang kembali. Ini kerana pemberi-pemberi maklumat yang memberi maklumat dengan dokumen-dokumen akan dipastikan dilindungi di mana pertuduhan boleh dibawa terhadap orang-orang yang memang terlibat dalam kes-kes pengurusan wang, kes-kes melibatkan aliran wang keluar negara.

Ini adalah perkara yang saya rasa perlu dipuji di mana perkara ini telah berlaku semasa pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional di bawah Yang Berhormat Pekan. Kita akan pastikan perkara ini tidak berlaku sekali lagi. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Jelutong atas kenyataan tersebut. Kita ambil maklum. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Petaling Jaya juga telah pun bertanya sama ada bolehkah memberikan pecahan transaksi haram yang menyumbang kepada *illicit fund flow*. Seperti Yang Berhormat Petaling Jaya sedia maklum, *illicit fund flow* terdiri daripada transaksi berkaitan wang haram dan salah nyata harga. Salah nyata harga ini merupakan sebahagian besar daripada jumlah *illicit fund flow* ini iaitu 82 peratus sebagaimana yang dinyatakan dalam GFI.

Salah nyata harga ini berlaku secara asasnya merangkumi perkara yang berkaitan dengan pindaan harga oleh syarikat multinasional. Lebihan atau pengurangan pada pengisytiharan oleh pengeksport dan pengeksport dan pengeluaran invois bagi pihak ketiga.

Yang Berhormat Rembau telah pun mencadangkan supaya NAFCC diberi kuasa mewajibkan pengemukaan maklumat kepada NAFCC. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, rang undang-undang ini digubal untuk tujuan penubuhan NAFCC bersama-sama dengan kuasa yang perlu untuk melaksanakan fungsinya sekarang. Cadangan untuk kuasa-kuasa tambahan akan dipertimbangkan pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat Rembau juga bertanya mengenai keperluan penubuhan NAFCC. Untuk maklumat Yang Berhormat, penubuhan NAFCC ini adalah suatu dimensi baru kerjasama dan juga kolaborasi berbagai-bagai agensi penguat kuasa dan juga jabatan-jabatan terbabit dalam membanteras jenayah kewangan yang diwujudkan dan berfungsi sebagai suatu platform strategik dan holistik di peringkat nasional selaras dengan manifestasi dan komitmen kerajaan dalam menangani jenayah kewangan.

Untuk memastikan kerjasama ini dapat dikekalkan dan mencapai kejayaan yang lebih baik, adalah penting penubuhan dibuat di bawah undang-undang. Berdasarkan pengalaman lepas, tindakan penguatkuasaan oleh pasukan petugas khas hanya dibuat secara *ad hoc* dan tidak berfokus serta sering berubah mengikut kepentingan pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kepala Batas telah pun juga membangkitkan mengenai perkara apakah keperluan pendakwa raya atau wakilnya dalam jawatankuasa eksekutif. Untuk maklumat Yang Berhormat, pendakwa raya atau wakilnya diperlukan untuk menasihati jawatankuasa eksekutif dari sudut perundangan dalam membuat keputusan agar sebarang pelaksanaan fungsi NAFCC tidak terdapat apa-apa implikasi perundangan. Pendakwa raya tidak akan terlibat dalam siasatan yang dijalankan, hanya untuk tujuan menasihati dari sudut undang-undang ataupun perundangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Bendera juga telah pun mohon menjelaskan bagaimana pencegahan jenayah kewangan boleh bekerjasama dalam isu yang berkaitan dengan MLA ataupun *Extradition Act*. Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada penubuhan NAFCC, di bawah rang undang-undang ini, kerajaan akan terus mengkaji untuk menambah baik kerjasama antara negara berhubung dengan MLA dan juga *Extradition Act* untuk mencapai matlamat yang sama iaitu pencegahan jenayah kewangan.

Yang Berhormat Lembah Pantai juga telah pun bertanya dan juga mencadangkan supaya NAFCC melaporkan kepada Parlimen. Cadangan ini saya rasa amat baik dan saya akan diambil kira dan akan dipertimbangkan untuk penambahbaikan NAFCC ini.

Jadi, selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Kepala Batas juga telah pun bertanya mengenai apakah *safeguarding* bagi menjaga kerahsiaan dan juga melindungi maklumat yang terdapat dalam data berpusat NAFCC. Untuk makluman Yang Berhormat, mekanisme yang mencukupi telah pun diperuntukkan dalam rang undang-undang bagi menjaga kerahsiaan dan juga melindungi maklumat yang terdapat dalam data berpusat NAFCC.

Fasal 15 memperuntukkan bahawa data yang terkandung dalam sistem data berpusat akan hanya boleh digunakan untuk tujuan merancang dan menyelaras operasi bersepadu dan bagi mencegah jenayah kewangan. Fasal 18 pula memperuntukkan obligasi kerahsiaan kepada semua kakitangan NAFCC yang mempunyai akses kepada

maklumat tersebut. Menjadi kesalahan jenayah jika disabit dengan kesalahan membocorkan sebarang maklumat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya sempat menjawab isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Sekiranya ada apa-apa isu yang kita tidak sempat menjawab, bolehlah kita seterusnya memberikan jawapan secara bertulis. Saya ucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil peranan dalam perbahasan ini. Saya ucapkan dengan sekali lagi ucapan ribuan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

Fasal-fasal 1 hingga 25 –

Tuan Pengerusi: Ada perbahasan? Menyentuh fasal sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya ada, ada.

■1710

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak. Tadi saya cakap tadi fasal 5. Fasal 5. Saya tahu saya tidak boleh buat pindaan di sini sebab.

Tuan Pengerusi: Tiada usul.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sebab tiada usul. Yang keduanya, ini Tuan Pengerusi kita ini bukan robot kan. Ini pun baru bagi dua hari. Jadi, bagaimana kita hendak *digest* dengan begitu banyak rang undang-undang yang diletak atas meja? Kita bukan semua profesor kecuali dua, tiga orang, kebanyakannya ialah peguam-peguam jenayah.

Okey, sekarang ini kita minta kerajaan pertimbangkan perkara 5 ini supaya Lembaga Penasihat bukan diserahkan kepada Perdana Menteri. Kalau tidak kita akan hadapi masalah. Lembaga Penasihat serah kepada Jawatankuasa Khas Pilihan Parlimen untuk menentukan siapakah Lembaga Penasihat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat. Ini sudah masukan dalam aktalah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Mungkin Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Kita sudah bincang tadi. Ini semua sudah dibincang pada peringkat dasar tadi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini bukan dasar. Ini Perkara 5.

Tuan Pengerusi: Ya lah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Perkara 5 Tuan Pengerusi. Perkara 5, Lembaga Penasihat. Kita minta diubah sebab hendak buat usul tidak sempat. Kerajaan mempertimbangkan supaya mengubah perkataan-perkataan Perdana Menteri kepada Parlimen. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Baik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah menjadi kesusahan untuk kita berbuat demikian? Tuan Pengerusi. Okey?

Tuan Pengerusi: Sudah? Itu sahaja?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Banyak lagilah tetapi sudah Tuan Pengerusi nampak – carut *kang*. [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi: [*Ketawa*]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekarang ini saya bukan diganggu oleh Ahli Parlimen.

Tuan Pengerusi: Saya khawatir...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi ganggu saya.

Tuan Pengerusi: Peringkat Jawatankuasa dijadikan peringkat dasar. Itu masalah kita. [*Ketawa*] Ya, Yang Berhormat Paya Besar.

5.11 ptg.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Saya menyentuh fasal 8(3) dan (4) sebab di sini nampak kejanggalan Yang Berhormat Menteri berkaitan 3 dan 4. Apabila anggota Lembaga Penasihat gagal menzahirkan kepentingannya dan dia dikenakan tindakan, bagaimana pula fasal 8(4)... "*Tiada tindakan atau keputusan Lembaga Penasihat boleh menjadi tidak sah atas alasan pelanggaran oleh anggota di bawah subseksyen (3).*" Saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Berkaitan fasal 10(5). "*Jawatankuasa Eksekutif boleh menjemput mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat untuk menasihati Jawatankuasa Eksekutif mengenai*

apa-apa perkara.” Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri mana-mana orang itu siapa? Bagaimana takrifan kepada mana-mana orang? Bolehkah sepertimana – walaupun Yang Berhormat Menteri tidak menjawab senarai panjang yang saya bagi berkaitan *select committee* tadi tetapi tidak apa sebab Yang Berhormat Menteri ini Menteri yang bagus. Cuma saya perlukan takrifan mana-mana orang supaya tidak ada campur tangan.

Saya setuju apabila yang dibangkitkan oleh ramai di peringkat dasar tadi berkaitan dua agensi tadi. Dua Lembaga Penasihat dalam Jawatankuasa Eksekutif kenapa berlaku *redundant*? Jawatankuasa Eksekutif menasihati Lembaga Penasihat. Lembaga Penasihat menasihati Perdana Menteri. Kenapa tidak berlaku seperti mana MKN terus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Kata ini satu operasi yang bersepadu.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk perkara 12(3). Yang Berhormat Menteri, kita ini janganlah lantik orang itu sampai habis hayat di tampuk tersebut. Kita mesti ada satu jangka noktah supaya pelbagaikan kepimpinan di peringkat organisasi. Saya harap tidaklah selepas habis tiga tahun ditambah lagi tiga tahun. Habis tiga tahun ditambah lagi tiga tahun dan ia juga pelik dalam (4) sudah habis pula itu boleh buat secara kontrak. Sebab perkara fasal 12(4) selepas (b). “*Secara kontrak selama apa-apa tempoh...*” Yang Berhormat Menteri, takkanlah hendak 10 tahun lagi?

Saya juga hendak merujuk Tuan Pengerusi berkaitan fasal 13(2) “*Secara lisan atau secara bertulis.*” Yang Berhormat Menteri, walau bagaimanapun keadilan mesti diberikan kepada pemberi arahan dan penerima arahan. Walaupun sesulit macam mana pun operasi tersebut dia mesti ada *black and white*. Kenapa? kalau tidak ada *black and white* dia akan menyebabkan keadilan tidak akan diberikan kepada pemberi maklumat, pemberi arahan dan penerima arahan.

Saya juga hendak sentuh berkaitan fasal 21. “*Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam warta, meminda jadual kepada akta ini.*” Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri adakah jadual seksyen (2) kesalahan yang disenaraikan sebagai jenayah kewangan itu Yang Berhormat Menteri mempunyai kuasa untuk meminda tanpa membawa ke Parlimen.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat. Sebenarnya benda-benda begini sepatutnya di bawa kepada peringkat dasar tadi.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Fasal 22,

Tuan Pengerusi: Ini diulang. Diulang perkara yang sepatutnya boleh dibangkitkan kepada peringkat awal.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tidak, perkara ini tidak disentuh Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: lalah sepatutnya disentuh pada peringkat itulah. *[Disampuk]* Kita tidak boleh jadikan amalan yang tidak selari dengan *standing order*.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Saya bangkitkan dalam Jawatankuasa *line by line* Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Fasal 22, berkaitan “*Melalui cara elektronik.*” Yang Berhormat Menteri, saya hendak minta akta mana yang mempunyai kuat kuasa menerima keterangan secara elektronik? Saya minta Yang Berhormat Menteri beritahu Dewan yang mulia ini akta mana yang telah kita pinda menerima secara elektronik ini sebagai diikat dengan undang-undang. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Saya ingat kita kena jadikan amalanlah untuk mengikut *standing order* Yang Berhormat. Pada peringkat Jawatankuasa ini, peringkat untuk meminda dengan usul yang di bawa. Kalau tidak diulang dua kalilah. So, tidak apa kita dengar Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya hendak beritahu. Saya ingin – saya bukan hendak mempertikai tetapi hendak protes sedikit Tuan Pengerusi. Perkataan Jawatankuasa hanya untuk pinda. Dalam bajet nanti kita akan bincang peringkat Jawatankuasa. Tidak pinda apa pun tetapi kita cakap seluruh dunia, tentang dunia.

Tuan Pengerusi: Bajet lain, itu *financial...*

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, di sini juga amalan di Parlimen ini Jawatankuasa itu kita hendak buat usul tidak sempat kerana masa yang terhad jadi kita bercakap perkara-perkara. Peringkat dasar tidak cakap, rujuk tentang perkara.

Tuan Pengerusi: Dahulu pun saya bangkitkan isu ini. Saya diberitahu *convention* amalan-amalan.

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya. *I know, I know.* Akan tetapi Tuan Pengerusi. Bagilah dia jawab sekejap.

Tuan Pengerusi: Jadi masanya sudah tiba kita ubah sedikit *convention*.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Akan tetapi, saya celah Tuan Pengerusi. Amalan-amalan yang dahulu pun bila kita ada – sebab *bill* ada di atas meja kita dua, tiga hari. Kita pernah ada sampai 24 jam masa itu. Akan tetapi masih lagi kita buat usul. Usul itu masukkan sampai pagi sahaja. Saya ingat tiada masalah tetapi kalau *heavy* ini kita kena buat usul untuk pinda, apa-apa juga cadangan untuk meminda. Saya ingat *stick to standing order* kalau tidak mati Tuan Pengerusi, kita ulang-ulang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terpulang kepada Yang Berhormat Menteri hendak jawab. Ihsan, ihsan. Sila.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Jawablah, masa masih ada lagi, 13 minit. Tuan Pengerusi masa 13 minit. Takkan dia hendak berhenti sampai di sini sahaja Tuan Pengerusi?

5.46 ptg.

Datuk Liew Vui Keong: Bagi saya, saya jawab mana yang telah pun dibangkit tadi. Iaitu mengenai fasal 8(3) dan (4). Jelas dinyatakan di sini bahawa sekiranya terdapat kepentingan di antara pihak anggota maka itu adalah satu kesalahan tetapi keputusan yang telah pun dibuat oleh mereka itu akan sah kerana ini tidak akan menjejaskan keputusan yang telah pun dibuat. Jadi, itulah sebabnya kita adakan seksyen ketiga dan keempat.

Selain daripada itu, perkataan mana-mana pihak di fasal 10(5) iaitu perkataan "*Mana-mana pihak*" ini telah ditafsirkan dalam seksyen 2 Akta Tafsiran 1948 ...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: "*Mana-mana orang*."

Datuk Liew Vui Keong: '*Mana-mana orang*' atau *any person* lah. Telah ditafsirkan dalam seksyen 2 Akta Tafsiran 1948 dan 1967, Akta 388 sebagai "*Person*' *includes a body of persons, corporate or unincorporate.*" Jadi itulah tafsiran yang telah pun diberikan kepada perkataan "*mana-mana orang*". Jadi...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Perkara lima? Perkara lima?

Datuk Liew Vui Keong: Perkara lima?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Perkataan "*Perdana Menteri*" diganti dengan "*Parlimen*".

Datuk Liew Vui Keong: Ini satu cadangan bukan...

Tuan Pengerusi: Kena buat usul, tidak perlu jawab Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Bukan di peringkat dasar ini Tuan Pengerusi, jadi...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, di peringkat dasar pun Yang Berhormat Menteri tidak jawab tadi.

Datuk Liew Vui Keong: Tidak ada usul.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Di peringkat dasar Yang Berhormat Menteri tidak jawab.

Datuk Liew Vui Keong: Akan tetapi kita telah pun membuat keputusan bahawa pelantikan Ketua Pengarah ini...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri berjanji menjawab secara bertulis sebab Yang Berhormat Menteri telah tidak bercakap benar dengan saya bahawa Yang Berhormat Menteri hendak soalan saya Bajet tahun 2018. Yang Berhormat Menteri tidak jawab, hari ini Yang Berhormat Menteri tidak jawab. Saya tanya fasal kuasa Raja melantik Menteri Besar, Yang Berhormat Menteri tidak jawab. Kuasa Agong melantik Perdana Menteri, Yang Berhormat tidak jawab. Hari ini saya tanya fasal kuasa Perdana Menteri untuk melantik Lembaga Penasihat,

■1720

Saya minta tukar perkataan-perkataan Parlimen. Jawab akan dipertimbangkan cukup Yang Berhormat Menteri, cukup yang lain tidak payah jawab. Oleh sebab Yang Berhormat Menteri akan menjadi orang yang terbaik sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri kelmarin gagal. Jadi kita tidak mahu Yang Berhormat Menteri pula di- saya tidak mahu tentang Yang Berhormat Menteri. Saya suka. Jawab akan dipertimbangkan, cukup. Habis cerita.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, saya mengambil maklum dan akan mempertimbangkan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Arau. Boleh ya, terima kasih. Itu sahaja.

[Fasal-fasal 1 hingga 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, kami hampir-hampir membawa belah bahagi. Kami cukup orang ya, tetapi saya simpati dengan Yang Berhormat Menteri kerana Yang Berhormat Menteri menjawab dengan

elok, tolong pertimbangkan permohonan kami supaya Perkara 5 itu, kuasa Perdana Menteri balik kepada Parlimen.

Tuan Sim Tze Tzin: Masukkan dalam usul, masukkan dalam usul tidak boleh macam ini. Masuk dalam usul.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak apa. Ini, besok Majlis Jawatankuasa dalam Bajet bawa usul semua. Dalam Bajet engkau bincang Dasar, *man! Hangpa* ingat? Aku Menteri yang jaga Parlimen. Saya tahulah.

Tuan Sim Tze Tzin: Malulah, usul pun tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, teruskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sebelum ini, ya. Yang Berhormat Menteri...

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan (Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli) dan diluluskan]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu tanya oleh sebab tinggal tujuh minit lagi pukul 5.30 petang, apakah boleh kita bincang fasal...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Staf Parlimen pun mahu kacau kah?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekarang, dua orang Exco telah ditangkap di Melaka dan di Negeri Sembilan...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Arau, jangan kacau Yang Berhormat Arau. Ini keluar tajuk sudah. Jangan bazirkan masa kita semua.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tiada kena mengena. Ada kena mengena kah Yang Berhormat Arau? Jangan menyibuk!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak ada kena mengena lah. Apa kena mengena dengan undang-undang ini?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kelmarin saya lantik awak menjadi Yang Berhormat Timbalan Menteri saya tarik balik, sebab awak tidak layak.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak payah! Simpan sahaja.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak payah! Apa kena mengena dengan undang-undang ini? Apa kena mengena?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sebab awak jadi peguam kepada penjenayah-penjenayah...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak ada kaitan dengan kamu!

Tuan Yang di-Pertua: Okey, *order of business* telah habis. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 4.00 petang hari Jumaat, 11 Oktober 2019.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.24 petang]